BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



PELAN SEKTOR KEWANGAN 2022-26

Kandungan

01 Pendahuluan

02 Prakata Menteri Kewangan

03 Perutusan Gabenor

04 Ringkasan eksekutif

08 Konteks Pembangunan Kewangan di Malaysia

10 Trend dan perkembangan utama
Bentuk kejayaan pada tahun 2026

22 Tumpuan pengawalseliaan Bank untuk pembangunan kewangan
Rencana:
Memperteguh tenaga kerja sektor kewangan untuk masa hadapan
Rencana:
Keutamaan jangka sederhana untuk rangka kerja kehematan dan pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (AML/CFT)

42 Teras Strategik

44 Membiayai transformasi ekonomi Malaysia

60 Meningkatkan kesejahteraan kewangan isi rumah dan perniagaan

78 Memajukan pendigitalan dalam sektor kewangan
Rencana:
Mata wang digital: Sempadan baharu

102 Meletakkan sistem kewangan pada kedudukan yang memudahkan peralihan secara teratur kepada ekonomi lebih lestari

116 Membangunkan kewangan berasaskan nilai melalui kepimpinan dalam kewangan Islam
Rencana:
Kewangan sosial sebagai pendorong pembangunan sosial di Malaysia

134 Rujukan

134 Akronim dan singkatan



Pendahuluan

02 **Prakata Menteri Kewangan**

03 **Perutusan Gabenor**

04 **Ringkasan eksekutif**



Prakata Menteri Kewangan

Malaysia kini berada pada titik perubahan. Tatkala kita beransur-ansur keluar dan pulih daripada pandemik COVID-19, sukar untuk kita menoleh ke belakang tanpa mempedulikan kesan yang ditinggalkan oleh pandemik terhadap nyawa dan mata pencarian kebanyakan penduduk. Namun, penting untuk kita terus maju ke hadapan dan tidak hilang fokus terhadap hala tuju kita ke arah menjadi sebuah negara yang mempunyai nilai tambah dan berpendapatan tinggi.

Pandemik telah mempercepat revolusi digital yang membawa perubahan yang besar pada cara kita bekerja, bermain dan berinteraksi antara satu sama lain. Sementara itu, natijah daripada perubahan iklim, kehilangan biodiversiti dan perubahan demografi semakin nyata dan mendesak, serta bukan lagi menjadi teori semata-mata. Meskipun peralihan ini menimbulkan risiko baharu, terutamanya kepada golongan yang paling mudah terjejas dalam masyarakat kita, namun keadaan ini membuka peluang kepada kita untuk membina semula tanah air dengan lebih baik dan mengubah trajektori pembangunan negara.

Dalam hal ini, pelancaran Pelan Sektor Kewangan 2022-2026 memang tepat pada masanya. Dalam merealisasikan aspirasi negara, sektor kewangan sentiasa memainkan peranan penting, sama ada menyokong keluarga mengembangkan dan melindungi kekayaan mereka, atau membantu perniagaan meneroka sempadan baharu. Dalam tempoh lima tahun akan datang, strategi-strategi yang dinyatakan dalam Pelan ini akan menjadi amat penting bagi sektor kewangan mengharungi cabaran yang mendatang dan merebut peluang baharu. Bagi tujuan itu, saya menyeru sektor kewangan untuk terus menjadi pemangkin kepada pembaharuan, memacu kemampanan dan menyumbang kepada aspirasi bersama ke arah “Malaysia Makmur, Inklusif dan Mampan”.

Dengan ini, izinkan saya merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam perumusan Pelan Sektor Kewangan 2022-2026, khususnya Bank Negara Malaysia.



YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz
24 Januari 2022



Perutusan Gabenor

Pertumbuhan dan perubahan sektor kewangan sejak sekian lama telah membantu menambahbaik taraf kehidupan dan mata pencarian kebanyakan penduduk di Malaysia. Walaupun sektor kewangan telah mengorak langkah jauh ke hadapan, Bank tidak berhenti memikirkan peranan sektor kewangan yang boleh ditingkatkan lagi bagi memberi perkhidmatan yang lebih berkesan kepada ekonomi. Khususnya, peranan sektor kewangan dalam membantu menyokong peralihan pembangunan negara ke tahap yang seterusnya.

Dalam dunia kewangan, penggunaan teknologi baharu, peralihan ketara kepada saluran digital dan kemunculan model-model perniagaan baharu telah membuka peluang yang luas untuk penyediaan perkhidmatan kewangan yang lebih baik. Pada masa yang sama, perkembangan ini turut menimbulkan persoalan asas tentang perkhidmatan kewangan itu sendiri dan kaedah pengawalseliaan yang wajar. Demikian juga, perubahan struktur demografi di Malaysia memerlukan idea baharu bagi memudahkan urusan tabungan, pelaburan dan penyediaan jaringan keselamatan sosial yang berkesan untuk penduduk yang kian berumur, meskipun jurang sosioekonomi terus wujud. Kesan terhadap ekonomi akibat perubahan iklim juga mula ketara. Pada masa yang sama, kita dapat lihat terdapat peningkatan dalam tahap kesedaran tentang risiko perubahan iklim kepada sektor kewangan, serta peranan yang boleh dimainkan oleh sektor kewangan dalam peralihan ke arah ekonomi yang lebih lestari dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim.

Seterusnya, haluan masa hadapan bagi sektor kewangan turut dibentuk oleh pandemik ini. Kita harus sedar bahawa kekukuhan dan masa hadapan sektor kewangan berkait rapat dengan ekonomi yang lebih luas, serta persekitaran semula jadi. Semasa pandemik melanda, sektor kewangan memainkan peranan penting dalam menyokong jutaan rakyat Malaysia dan perniagaan ketika sekatan pergerakan dilaksanakan, selain membantu menghidupkan kembali ekonomi apabila ia dibuka semula. Hal ini dapat direalisasikan kerana wujudnya sistem kewangan yang berdaya tahan dan disokong oleh pengurusan berhemat serta pembentukan penampan oleh institusi kewangan sejak bertahun-tahun lamanya.

Tatkala negara mengharungi masa hadapan yang sangat tidak menentu, saya berharap sektor kewangan akan terus menyumbang kepada ekonomi Malaysia dalam kedudukan yang kukuh. Pelan ini menggariskan visi Bank untuk fasa selanjutnya dalam perjalanan ini, di samping strategi-strategi sektor kewangan bagi mencapai hasil yang dihasratkan dari tahun 2022 hingga 2026. Melangkaui sokongan terhadap pemulihan ekonomi, sektor kewangan akan memainkan peranan penting dalam membantu Malaysia memanfaatkan sepenuhnya detik yang unik dalam sejarah ini bagi merealisasikan landasan pembangunan yang lebih dinamik, inklusif dan mampan.

Sesungguhnya, menghasilkan Pelan Sektor Kewangan ini bukanlah tugas yang mudah. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah berusaha dengan gigih menyelesaikan permasalahan besar yang dinyatakan dalam Pelan ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada mereka dari luar Bank Negara Malaysia atas cadangan dan pandangan mereka yang sangat penting ketika membuat pemakluman tentang strategi Bank.

Nor Shamsiah Yunus
24 Januari 2022

Ringkasan eksekutif

Gambaran keseluruhan Pelan Sektor Kewangan

Trend mega utama yang membentuk landskap masa hadapan



Keadaan ekonomi
Pemulihan ekonomi global yang tidak sekata, di samping ketidakpastian yang lain (contohnya haluan virus, peralihan rantaian bekalan global)



Teknologi
Potensi perkhidmatan kewangan yang lebih baik namun disertai dengan cabaran baharu dalam pengawalseliaan berikutan kitaran inovasi yang lebih pendek, set kemahiran baru yang diperlukan, dan sempadan yang semakin kabur



Demografi
Risiko ketiadaan perkhidmatan kewangan dalam kalangan penduduk yang semakin berusia dan jurang lain yang berlarutan (contohnya ketaksamaan sosioekonomi, celik kewangan)



Iklim dan alam sekitar
Perlunya peralihan yang teratur dan saksama ke arah ekonomi dan sektor kewangan yang lebih lestari dan lebih berdaya tahan terhadap perubahan iklim

Hasil yang dihasratkan dan sasaran untuk tahun 2026

Tiga tema umum



Kewangan untuk semua
- Pilihan yang pelbagai untuk pelanggan, termasuk penyelesaian 'digital didahulukan' (*digital first*)
- Jaringan keselamatan kewangan yang diperkukuh
- Pelanggan kewangan yang yakin dan berkebolehan



Kewangan untuk transformasi
- Pertumbuhan dalam kewangan alternatif
- Integrasi global yang lebih mendalam, dengan kepimpinan yang berterusan sebagai gerbang untuk kewangan Islam pada peringkat antarabangsa
- Landskap kewangan yang dinamik dan memberangsangkan



Kewangan untuk kelestarian
- Penggunaan pengantaraan berasaskan nilai (VBI) untuk memberikan manfaat ekonomi, komuniti dan alam sekitar
- Kemajuan yang stabil dalam penghijauan kewangan dan pembiayaan hijau

Sasaran utama dan peristiwa penting[1]

- Merapatkan jurang antara **skor celik kewangan OECD/INFE**[2] di Malaysia dengan purata OECD
- Meningkatkan **e-pembayaran per kapita** pada kadar CAGR[3] melebihi 15%
- Kadar **penembusan insurans/takaful** 4.8-5.0% (sebagai % daripada KDNK[4])
- Bilangan individu yang melanggan **insurans/takaful mikro** bertambah sekali ganda
- Enakmen **undang-undang kredit pengguna dan badan pengawasan**
- **Rejim pelesenan** tunggal untuk penasihat kewangan dan perancang kewangan
- Pertumbuhan yang stabil dalam **kewangan alternatif** yang disalurkan kepada perusahaan baharu dan inovatif
- **Pembayaran rentas sempadan** yang lebih cepat, murah dan mudah diakses
- Lebih 50% daripada pembiayaan baharu adalah untuk **aktiviti-aktiviti hijau dan peralihan**
- Pertumbuhan yang stabil dalam **aset yang sejajar dengan VBI**

[1] Bidang terpilih, tidak mewakili Pelan Sektor Kewangan secara keseluruhan
[2] OECD International Network on Financial Education
[3] Kadar pertumbuhan tahunan terkompaun
[4] keluaran dalam negeri kasar

Tumpuan pengawalseliaan Bank untuk pembangunan kewangan

Memupuk kedinamikan pasaran sambil menyokong objektif pembangunan mampan...

- Menangani halangan yang tidak wajar terhadap penyertaan pasaran, selain memastikan proses keluar daripada pasaran dilakukan dengan teratur
- Menggalakkan persaingan secara kerjasama (*co-opetition*) bagi pendorong ekosistem yang sangat penting
- Memperkukuh keadaan disiplin pasaran yang memberikan tumpuan pada peningkatan pemerkasaan pengguna
- Memanfaatkan pengantaraan berasaskan nilai untuk melaksanakan rangkuman kewangan, daya tahan iklim dan kemampanan alam sekitar yang lebih meluas

... berteraskan mandat kewangan dan kestabilan

- Keberkesanan dasar monetari yang berterusan dalam landskap yang berubah-ubah
- Melindungi daya tahan seluruh sistem dan integriti kewangan

Lima teras strategik untuk 2022-2026



Membiayai transformasi ekonomi Malaysia

a. Mengekalkan pemulihan ekonomi yang kukuh
cth. ekosistem jaminan kredit yang menyokong, penggunaan data berpandangan ke hadapan dan data alternatif yang lebih tinggi, peranan timbal balas IKP[5] yang lebih kukuh

b. Memudahkan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi
cth. rangka kerja pengawalseliaan dan percukaian yang menyokong kewangan alternatif, kerjasama pengawalseliaan yang lebih kukuh bagi membangunkan dan mengawasi risiko daripada ekosistem kewangan bukan hutang

c. Memastikan peranan pengantaraan kewangan berdaya tahan selepas pandemik
cth. peningkatan transaksi bercagar dan pasaran derivatif yang maju untuk pasaran kewangan tempatan yang lebih memberangsangkan, penggunaan insurans dan takaful yang lebih meluas bagi menyokong pembiayaan kepada syarikat, terutamanya untuk industri berisiko tinggi

[5] Institusi kewangan pembangunan



Meningkatkan kesejahteraan kewangan isi rumah dan perniagaan

a. Mempertingkat keupayaan dan akses kewangan, serta penggunaan perkhidmatan kewangan yang berkesan ke arah rangkuman kewangan yang lebih meluas
cth. inisiatif pendidikan kewangan dan pemantauan impak melalui FEN[6], peranan bank ejen dan Bank Bergerak yang diperkukuh, penggunaan penzahiran KPI[7] rangkuman kewangan yang lebih meluas

b. Memperkukuh perlindungan untuk isi rumah dan perniagaan bagi membina daya tahan kewangan
cth. perkongsian awam-swasta untuk perlindungan risiko terhadap bencana berskala besar yang berisiko tinggi, pembangunan insurans mikro dan takaful mikro, liberalisasi tarif motor dan kebakaran selanjutnya, perlindungan MHIT[8] yang mampan

c. Membentuk sistem kewangan yang memastikan urus niaga yang adil dan bertanggungjawab dengan pengguna kewangan
cth. peningkatan profesionalisme dan rangka kerja insentif pengantaraan, panduan pengenalpastian risiko amalan dan penggunaan teknologi yang beretika, pembaharuan perlindungan pengguna (contohnya CCA dan CCOB[9], rangka kerja pelesenan tunggal untuk penasihat kewangan dan perancang kewangan)

[6] Jaringan Pendidikan Kewangan
[7] Penunjuk prestasi utama (*key performance indicators*)
[8] Insurans dan takaful perubatan dan kesihatan (*medical health insurance and takaful*)
[9] Akta Kredit Pengguna dan Lembaga Pengawasan Kredit Pengguna



Memajukan pendigitalan dalam sektor kewangan

a. Memperteguh infrastruktur digital utama untuk masa hadapan
cth. pembuktian konsep CBDC[10], akses bukan bank kepada RENTAS[11], kes penggunaan data terbuka berimpak tinggi, perkongsian infrastruktur untuk tuntutan kenderaan berdigital penuh

b. Menyokong landskap perkhidmatan kewangan digital yang lebih memberangsangkan
cth. laluan yang dipermudah bagi Sandbox Pengawalseliaan, pelesenan penanggung insurans/pengendali takaful digital, pembayaran digital, panduan pengawalseliaan yang dipertingkatkan bagi pendorong digital yang penting seperti penggunaan awan dan AI/ML[12]

c. Memperkukuh kesediaan dan tindak balas keselamatan siber
cth. tumpuan dipergiat untuk penyedia perkhidmatan pihak ketiga, perkongsian kecerdasan keselamatan siber yang boleh dilaksanakan melalui peta penularan siber, piawaian istilah untuk keselamatan siber dan daya tahan siber, latihan dan pensijilan keselamatan siber

d. Menyokong penggunaan teknologi yang lebih meluas bagi tujuan pengawalan dan penyeliaan
cth. penggunaan teknologi yang lebih meluas untuk pengawalan dan penyeliaan, pembaharuan infrastruktur dan kaedah pengumpulan data Bank

[10] Mata Wang Digital Bank Pusat
[11] Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata
[12] Kecerdasan Buatan / Pembelajaran Mesin



Meletakkan sistem kewangan pada kedudukan yang menyokong peralihan secara teratur kepada ekonomi lebih lestari

a. Mengintegrasikan risiko berkaitan iklim dan alam sekitar dalam pengawalan dan penyeliaan berhemat
cth. pelaksanaan taksonomi yang berkesan, penjajaran yang lebih giat dengan VBIAF[13] dan panduan mengikut sektornya, jangkaan penyeliaan yang diperkukuh dan rangka kerja pengurusan risiko iklim dan alam sekitar yang berhemat, penzahiran mandatori risiko iklim

b. Menyokong peralihan teratur kepada ekonomi rendah karbon
cth. tumpuan dipergiat untuk merapatkan jurang data, pendanaan khusus yang diperluas dan mekanisme pengurangan risiko, sinergi antara dasar negara dengan inisiatif sektor kewangan, inisiatif bina upaya yang dipercepat pada platform global

c. Menyepadukan risiko iklim dalam fungsi dan operasi dalaman Bank
cth. ujian tekanan risiko iklim bagi industri kewangan, pertimbangan risiko iklim dan alam sekitar dalam aktiviti pengurusan portfolio, pelaksanaan operasi-operasi fizikal Bank yang lebih lestari

[13] Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan berasaskan Nilai (Value-based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework)



Membangunkan kewangan berasaskan nilai melalui kepimpinan dalam kewangan Islam

a. Memperteguh tawaran nilai Malaysia sebagai gerbang antarabangsa untuk kewangan Islam
cth. memperkukuh keupayaan gerbang yang sangat perlu (gateway-critical capabilities) (terutamanya mengenai keupayaan pengagihan, inovasi, daya saing), memperdalam pasaran kewangan dan modal Islam, mekanisme untuk kepimpinan industri yang lebih meluas

b. Memperkukuh pendorong dasar kewangan berasaskan nilai bagi mencapai impak yang lebih besar
cth. penjajaran penggunaan kontrak Syariah dengan kebijaksanaan (hikmah), penggunaan ta`awun (saling membantu) yang lebih meluas dalam takaful, peningkatan penzahiran berasaskan impak

c. Mengetengahkan kewangan sosial
cth. model kewangan campuran dan eskalator pendanaan, usaha pelbagai pihak berkepentingan untuk menggalakkan perkongsian infrastruktur



Konteks Pembangunan Kewangan di Malaysia

10 **Trend dan perkembangan utama**
Bentuk kejayaan pada tahun 2026

22 **Tumpuan pengawalseliaan Bank untuk pembangunan kewangan**
Rencana:
Memperteguh tenaga kerja sektor kewangan untuk masa hadapan
Rencana:
Keutamaan jangka sederhana untuk rangka kerja kehematan dan pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (AML/CFT)

Trend dan perkembangan utama

Sektor kewangan telah memberikan banyak manfaat kepada ekonomi Malaysia

Sektor kewangan perlu berteraskan ekonomi benar. Hal ini bermaksud perkhidmatan kewangan pada akhirnya hendaklah meningkatkan kualiti kehidupan dan mata pencarian dengan membantu individu atau perniagaan menambahkan kekayaan mereka, membuat pembayaran, memiliki rumah, mengembangkan perusahaan mereka, menguruskan risiko kewangan dan musibah, mewujudkan pekerjaan berkualiti tinggi dan hasil ekonomi yang lain. Untuk tujuan itu, pembangunan sektor kewangan Malaysia telah mencapai kemajuan yang baik sejak beberapa tahun yang lalu (Gambar Rajah 1).

Gambar Rajah 1:
Selayang pandang kemajuan Malaysia dalam pembangunan kewangan

Perkhidmatan kewangan terus mudah diakses serta memenuhi keperluan ekonomi

- **96%** pelanggan mempunyai akaun deposit yang aktif (2011: 87%)
- **95%** mukim[1] mendapat akses kepada perkhidmatan kewangan (2011: 46%)
- **45%** daripada pembiayaan perniagaan dikeluarkan adalah kepada PKS (2011: 39%), dengan 75% daripadanya adalah untuk perusahaan mikro
- **41%** jumlah pembiayaan oleh sistem perbankan Islam (2011: 24%)
- **42%** warganegara Malaysia yang memiliki sekurang-kurangnya satu polisi insurans hayat atau sijil takaful keluarga (2014: 33%[2])

Pertumbuhan berterusan, di samping peningkatan penyepaduan dan kecekapan

- **170** transaksi e-pembayaran per kapita (2011: 49)
- **RM6.6 bil** e-kiriman wang dibuat dengan kos yang lebih rendah dan masa pemprosesan yang lebih pantas
- **14** negara menjadi tempat operasi institusi perbankan Malaysia. Sebanyak 25% daripada jumlah aset institusi perbankan Malaysia terdiri daripada aset mereka di luar negara
- **5** bank asing baharu yang diperbadankan di Malaysia dengan tawaran nilai yang kukuh telah ditubuhkan sejak tahun 2011
- **42%** bahagian sukuk global yang diterbitkan oleh Malaysia

[1] Jumlah penduduk sekurang-kurangnya 2,000 orang
[2] Data terawal yang tersedia, setelah mengambil kira polisi/sijil lain dalam kategori yang sama bagi setiap individu
Sumber: Bank Negara Malaysia, data pada akhir tahun 2020 kecuali dinyatakan sebaliknya.

Sistem kewangan Malaysia pada hari ini merupakan hasil usaha dan pembaharuan yang berterusan selama beberapa dekad. Inisiatif yang dilaksanakan di bawah Pelan Induk Sektor Kewangan 2001 dan Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 telah memupuk persekitaran yang kondusif kepada sektor kewangan untuk mengikuti perkembangan baharu dan memanfaatkan peluang-peluang baharu, sekali gus menyokong pembangunan ekonomi Malaysia.

Dalam proses itu, asas teras utama telah dibina dan kebanyakannya telah meletakkan sektor kewangan Malaysia pada kedudukan yang lebih kukuh, bukan sahaja untuk menghadapi kejutan pandemik baru-baru ini tetapi juga menjadi sumber kekuatan untuk menampung ekonomi:

- **Pemodenan undang-undang yang mentadbir urus sektor kewangan**, terutamanya enakmen Akta Bank Negara Malaysia 2009 (CBA), Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA). Pembaharuan ini membolehkan Bank menjadi lebih responsif terhadap risiko kepada kestabilan monetari dan kewangan dalam persekitaran sistem kewangan yang menjadi semakin saling terhubung. Kuasa undang-undang yang dipertingkatkan merintis laluan kepada pengawasan yang lebih berkesan terhadap struktur lebih kompleks yang timbul pada masa itu dan menjadi semakin relevan pada hari ini (contohnya kumpulan kewangan, institusi kewangan bukan bank). Komitmen Bank terhadap objektif pengawalseliaan kewangan utama lain seperti pengawalseliaan amalan, rangkuman kewangan dan pengurusan risiko daripada institusi kewangan bukan bank juga telah diperkukuh dalam undang-undang ini.

- **Pembaharuan pengawalseliaan untuk mewujudkan sistem kewangan yang kukuh, stabil dan progresif**. Berasaskan iktibar yang dipelajari sejak tercetusnya Krisis Kewangan Asia pada tahun 1997, tadbir urus korporat dan amalan pengurusan risiko institusi kewangan telah diperkukuh dengan ketara. Berikutan krisis kewangan global pada tahun 2007/08, Bank juga meningkatkan penggunaan piawaian antarabangsa utama (contohnya pembaharuan modal dan mudah tunai Basel III), iaitu satu penggerak yang amat penting memandangkan sistem kewangan Malaysia menjadi semakin bersepadu dengan sistem kewangan global (contohnya penyertaan yang lebih besar di luar negara dan aktiviti pemerolehan modal dalam pasaran kewangan antarabangsa).

> Sistem kewangan Malaysia pada hari ini merupakan hasil usaha dan pembaharuan berterusan selama beberapa dekad

Lebih penting lagi, pembaharuan ini meletakkan sistem kewangan pada kedudukan yang kukuh sebagai penyerap kejutan semasa kemelesetan ekonomi dan memainkan peranan timbal balas (*countercyclical*) untuk menyokong pemulihan ekonomi. Kesannya, pelbagai bantuan sektor kewangan semasa pandemik, sama ada penstrukturan semula hutang untuk peminjam yang terjejas, atau pembiayaan baharu untuk membantu perniagaan pulih dan bangun semula, hanya dapat dilakukan kerana wujudnya penampan besar yang dibina semasa ekonomi mencatatkan pertumbuhan kukuh.

- **Inisiatif utama untuk memperkasakan dan melindungi pengguna**. Inisiatif ini termasuk pengenalan garis panduan pembiayaan bertanggungjawab pada tahun 2012. Berlatarkan keadaan yang lebih kompetitif, garis panduan ini memastikan pemberi pembiayaan kekal berhemat apabila menilai sama ada peminjam mampu membayar balik pembiayaan sepanjang tempoh pinjaman tersebut, dengan itu menggalakkan pasaran kredit yang lebih mampan dan budaya kredit yang kukuh. Garis panduan ini juga menggalakkan keputusan peminjaman pengguna yang mantap, dengan kehendak yang jelas ke atas institusi kewangan untuk memastikan pengguna dilayan secara saksama dalam penjualan, pemasaran dan pentadbiran kemudahan pembiayaan. Dalam bidang pengantara insurans dan takaful, Rangka Kerja Kad Skor Seimbang (Balanced Scorecard Framework) turut diperkenalkan pada tahun 2018 yang menjajarkan struktur imbuhan pengantara insurans dan takaful dengan perkhidmatan jualan dan polisi yang lebih berkualiti. Secara umumnya, dasar yang diperkenalkan baru-baru ini mengenai Layanan Adil kepada Pengguna Kewangan (Fair Treatment of Financial Consumers) memberikan penekanan kepada lembaga pengarah dan pengurusan institusi kewangan untuk menggalakkan budaya urus niaga yang saksama terhadap pengguna kewangan.

Ini dilengkapi usaha-usaha kerjasama Bank secara berterusan dengan Kerajaan dan pihak berkepentingan lain dalam bidang pendidikan kewangan, sekali gus menyokong keputusan pengguna yang lebih berasaskan maklumat. Antara usaha penting adalah Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN) yang ditubuhkan pada tahun 2016 untuk menyelaras dan memacu strategi pendidikan kewangan peringkat kebangsaan di Malaysia. Sementara itu, mekanisme khidmat nasihat dan penyelesaian juga telah dibentuk untuk menyokong individu dan perniagaan yang menghadapi kesukaran kewangan. Mekanisme ini termasuk Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Skim Penyusunan Semula Hutang Kecil (Small Debt Resolution Scheme, SDRS), Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (Corporate Debt Restructuring Committee, CDRC), dan Ombudsman Perkhidmatan Kewangan yang kesemuanya ditubuhkan oleh Bank.

- **Pembaharuan untuk menyokong pembangunan kewangan Islam**. CBA telah mengukuhkan peranan Majlis Penasihat Syariah (MPS) dan dengan itu memberikan MPS status sebagai satu-satunya badan berkuasa mengenai hal-hal Syariah yang berkaitan dengan kewangan Islam. Penambahbaikan kepada rangka kerja pengawalseliaan berikutan enakmen IFSA telah mengukuhkan asas tadbir urus Syariah dan pematuhan dalam sektor kewangan Islam secara menyeluruh. Langkah ini telah membolehkan institusi kewangan Islam menggunakan sepenuhnya pelbagai kontrak Syariah dalam urus niaga kewangan untuk mereka bentuk produk yang lebih memenuhi keperluan pelanggan, dan pada masa yang sama menjamin kesucian dan kesahihan urus niaga tersebut dari segi Syariah. Dengan persediaan asas ini, tumpuan telah beralih kepada usaha untuk melaksanakan sepenuhnya prinsip-prinsip Syariah. Satu langkah penting dalam usaha ini ialah pengenalan VBI yang memerlukan institusi kewangan Islam merekayasa penyelesaian dan menerapkan amalan yang mempunyai kesan yang lebih positif terhadap ekonomi, komuniti dan alam sekitar.



Sementara itu, sebagai sebahagian daripada usaha bersepadu dengan Kerajaan, pengawal selia kewangan dan peserta industri di bawah agenda 'Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa' (Malaysia as an international Islamic financial centre, MIFC), inisiatif-inisiatif utama juga telah dilaksanakan sejak tahun-tahun kebelakangan ini untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam pada peringkat global, termasuk membangunkan infrastruktur global seperti Islamic Financial Services Board (IFSB) dan International Islamic Liquidity Management Corporation (IILM).

- **Penggunaan pembayaran secara elektronik (e-pembayaran) yang semakin meningkat, di samping pemodenan infrastruktur utama**. Penggunaan dan penerimaan kaedah e-pembayaran oleh perniagaan telah meningkat dengan pantas sepanjang dekad yang lalu. Melalui usaha bersepadu dengan peserta industri, Bank telah menurunkan kos e-pembayaran untuk menjadikannya lebih berpatutan, termasuk menangani herotan harga (*price distortion*) seperti yang wujud antara wang tunai dengan cek berbanding dengan e-pembayaran. Penambahbaikan infrastruktur utama juga diperkenalkan, terutamanya Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payments Platform, RPP), yang berfungsi menyokong pembayaran yang segera dan lancar, bukan sahaja antara akaun bank tetapi juga melalui e-dompet. Bersama-sama dengan usaha untuk meningkatkan kesedaran dan keyakinan orang ramai terhadap penggunaan e-pembayaran, inisiatif ini telah memudahkan rakyat Malaysia dan perniagaan untuk membuat dan menerima pembayaran, sama ada secara fizikal ataupun dalam talian. Perkembangan ini sangat penting bagi membantu rakyat Malaysia menguruskan kejutan pandemik yang memerlukan lebih banyak urus niaga tanpa sentuhan dan urus niaga digital.

- **Penambahbaikan ekosistem pembiayaan untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS), termasuk perusahaan mikro**. Walaupun keputusan kredit merupakan keputusan komersial yang dibuat oleh bank-bank, Bank telah bekerjasama dengan peserta industri untuk mewujudkan pelbagai mekanisme bagi merapatkan jurang pembiayaan. Mekanisme ini termasuk platform imSME yang dikendalikan oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC). Platform ini diperkenalkan pada tahun 2018 untuk memudahkan PKS mendapatkan akses yang pantas kepada pelbagai produk pembiayaan yang ditawarkan oleh pelbagai pemberi pembiayaan. Sementara itu, PKS yang menghadapi kesukaran dalam permohonan pembiayaan boleh mendapatkan bantuan Khidmat Nasihat Pembiayaan (MyKNP) untuk membincangkan isu yang berkaitan dengan permohonan mereka. SDRS juga membantu peminjam PKS yang bermasalah dari segi kewangan untuk menstrukturkan semula atau menjadualkan semula pembiayaan mereka. Semasa pandemik, perkara ini penting bagi melengkapkan program bantuan bayaran balik yang ditawarkan oleh pemberi pembiayaan. Mekanisme ini secara kolektif menyokong ekosistem yang bertujuan memastikan keperluan pembiayaan bagi PKS disokong dengan baik, sama ada ketika susah atau senang. Perkara ini penting memandangkan kepentingan PKS yang besar terhadap ekonomi Malaysia dan juga mengambil kira cabaran berbeza yang dihadapi oleh PKS mendapatkan akses kepada pembiayaan berbanding dengan perniagaan yang lebih besar.

Landskap baharu mewujudkan tuntutan baharu terhadap sektor kewangan

Sambil Bank meneruskan usaha pembangunan berlandaskan asas-asas ini, sistem kewangan Malaysia perlu seiring dengan perkembangan yang sedang berlaku. Pada masa akan datang, pelbagai trend mega dijangka membentuk landskap ekonomi dan kewangan masa hadapan (lihat Gambar Rajah 2 untuk tinjauan keseluruhan). Pandemik telah mempercepat perkembangan hal-hal tertentu dan menonjolkan beberapa kelemahan sedia ada, di samping membuka lebih banyak peluang untuk pembaharuan yang seharusnya telah lama dilaksanakan.

Gambar Rajah 2:
Trend mega utama yang membentuk landskap ekonomi dan kewangan



Keadaan ekonomi
Pemulihan ekonomi global yang tidak sekata, di samping ketidakpastian lain (contohnya perkembangan berkaitan virus, peralihan rantaian bekalan global)



Demografi
Risiko ketiadaan perkhidmatan kewangan dalam kalangan penduduk yang semakin berusia dan jurang lain yang berlarutan (contohnya ketaksamaan sosioekonomi, tahap celik kewangan)



Teknologi
Potensi perkhidmatan kewangan yang lebih baik namun disertai dengan cabaran baharu dalam pengawalseliaan berikutan kitaran inovasi yang lebih pendek, set kemahiran baru yang diperlukan, dan sempadan yang semakin kabur



Iklim dan alam sekitar
Perlunya peralihan yang teratur dan saksama ke arah ekonomi dan sektor kewangan yang lebih lestari dan lebih berdaya tahan terhadap perubahan iklim

Trend makroekonomi dalam keadaan pemulihan ekonomi global yang tidak sekata

Kejutan daripada pandemik telah mengakibatkan kemelesetan ekonomi dunia yang paling teruk sejak Kemelesetan Besar (Great Depression) apabila KDNK global menguncup sebanyak 3.1% pada tahun 2020. Sejak itu, tindak balas fiskal dan monetari yang tidak pernah dilakukan sebelum ini pada peringkat global menjadi amat penting dalam merangka pemulihan ekonomi global. Prospek pertumbuhan juga telah bertambah baik dengan kemajuan dalam pemberian vaksin di banyak negara.

Pembaharuan struktur diperlukan untuk meletakkan asas pertumbuhan yang diterajui inovasi dan mengurangkan kerosakan pada ekonomi yang disebabkan oleh pandemik

Berlatarkan persekitaran ini, ekonomi global dijangka kembali pulih. Menurut Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF), ekonomi global diunjurkan berkembang sebanyak 4.9% pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, landasan pemulihan mungkin tidak sekata di setiap negara, bergantung pada perbezaan serta keberkesanan rangsangan fiskal dan monetari, di samping program pemberian vaksin.

Sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka, peluang dan risiko Malaysia akan terus dibentuk oleh perkembangan dan ketidakpastian di luar negara. Kesan berpanjangan terhadap perdagangan global juga mungkin berlaku dalam keadaan ketegangan sosial dan geopolitik dalam dunia yang makin mempunyai berbilang kuasa besar (*multi-polar world order*). Wujud juga tekanan ke arah dunia yang tidak lagi bersifat global (*deglobalisation*) seiring dengan sentimen perlindungan dan potensi peralihan yang semakin meningkat dalam rantaian bekalan global. Dari segi kesihatan awam, evolusi virus merupakan satu lagi ketidakpastian dan boleh mencetuskan ancaman baharu. Keadaan ini boleh mengakibatkan langkah-langkah pembendungan yang menjejaskan kegiatan ekonomi. Antara lain, trend ini akan menjejaskan kekukuhan dan kepantasan pertumbuhan global.

Dalam mengharungi cabaran pada masa hadapan, Malaysia perlu terus komited untuk melaksanakan pembaharuan struktur. Melangkaui tumpuan dalam tempoh terdekat bagi melindungi nyawa dan mata pencarian, objektif yang lebih luas adalah untuk mengurangkan kesan kerosakan jangka panjang kepada ekonomi yang berpunca daripada krisis. Pada masa yang sama, asas untuk model pertumbuhan yang lebih diterajui inovasi perlu dibangunkan bagi membolehkan Malaysia kekal berdaya saing pada peringkat antarabangsa dan mengekalkan kemajuan ekonomi[1]. Bidang pembaharuan utama perlu merangkumi dasar pelaburan dan insentif, pasaran pekerja serta pendigitalan.

Tindakan ini termasuk membantu segmen penting seperti PKS untuk beralih kepada landasan pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi. Yang ketara, PKS telah meraih manfaat daripada akses kepada kewangan yang berterusan (45% daripada jumlah pembiayaan perniagaan pada tahun 2020). Namun, masih terdapat banyak ruang untuk meningkatkannya menjadi output ekonomi yang lebih tinggi (pada tahun 2020, sumbangan sebanyak 38% kepada KDNK) supaya setanding dengan ekonomi serantau seperti Indonesia (61%), China (60%) dan Singapura (47%)[2].

Sektor kewangan dikehendaki memainkan peranan penting dalam menyokong transformasi ekonomi. Kaedah kewangan tradisional akan kekal penting. Bagi melengkapkan usaha untuk membuat pembaharuan pada ekonomi, sektor kewangan perlu memenuhi permintaan pembiayaan baharu dan yang lebih kompleks seperti permintaan daripada syarikat berteknologi tinggi dan perusahaan lain dalam usaha niaga yang sangat inovatif.

Dalam merintis laluan perkhidmatan kewangan masa hadapan, penting untuk memastikan sektor kewangan menyerap dan bukannya membuatkan kejutan dan kelemahan dalam ekonomi menjadi lebih teruk. Faktor utama ke arah mencapai matlamat tersebut adalah dengan menghindari kebergantungan yang berlebihan pada hutang. Selain pandemik yang berlaku baru-baru ini, sejarah memberikan banyak iktibar, terutamanya pengalaman mengenai "dekad-dekad yang hilang" (*lost decades*), iaitu apabila pasaran dengan pengembangan hutang yang pesat mengatasi pertumbuhan ekonomi mengalami kemelesetan ekonomi yang berpanjangan dan kesan buruk terhadap produktiviti berikutan krisis kewangan.

Pada masa yang sama, "kewangan yang berlebihan" (*too much finance*) boleh mengurangkan manfaat kepada pertumbuhan ekonomi dan meninggalkan kesan yang berpotensi memberikan mudarat (contohnya pertumbuhan dan kemelesetan sesebuah ekonomi yang lebih kerap, pengalihan modal insan daripada sektor produktif)[3]. Kewangan alternatif, termasuk penyelesaian berasaskan bukan hutang seperti kewangan campuran (*blended finance*), modal usaha niaga, ekuiti swasta dan pembiayaan ekuiti oleh orang ramai melalui internet (*equity crowdfunding*) boleh menjadi pelengkap kepada kewangan tradisional, lantas menyediakan cara baharu dan berpotensi lebih berdaya tahan bagi membiayai ekonomi.

---

[1] Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Rencana "Inovasi Malaysia: Ke Arah Pertumbuhan Masa Hadapan Berkualiti Tinggi Selepas Pandemik" dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari BNM tahun 2020 (https://www.bnm.gov.my/documents/20124/3026377/emr2020_bm_box2_innovation.pdf).

[2] Sumber: Pengumpulan data dari Badan Pusat Statistik Indonesia, Jabatan Perangkaan Singapura dan Kementerian Industri dan Teknologi Maklumat China.

[3] Sumber: Arcand, Berkes dan Panizza (2012), "Too Much Finance?", IMF Working Paper 12/61; Philippon dan Reshef (2013), "An International Look at the Growth of Modern Finance", Journal of Economic Perspectives.

Perubahan teknologi yang pesat

Daya transformatif pendigitalan didorong oleh kemajuan teknologi yang pesat seperti kecerdasan buatan (*artificial intelligence*, AI) dan pembelajaran mesin (*machine learning*, ML), teknologi lejar teragih dan potensi aplikasi masa hadapan daripada pengkomputeran kuantum. Hal ini akan memberikan kesan kepada penyampaian kewangan dalam pelbagai cara.

Apabila gelombang pendigitalan melanda sektor-sektor lain dalam ekonomi, permintaan terhadap pembiayaan juga akan berubah. Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) menjangkakan industri baharu yang inovatif dan berintensif teknologi, khususnya industri aeroangkasa, industri tenaga biojisim, industri elektrik dan elektronik (E&E), industri halal, industri kreatif dan industri pertanian pintar untuk memacu pertumbuhan ekonomi. Sektor kewangan perlu menyokong industri-industri baharu dan pesat membangun yang amat penting ini untuk transformasi ekonomi Malaysia.

Pendigitalan juga akan terus mengubah tingkah laku pengguna dan perniagaan. Berikutan pandemik, ekonomi yang 'sentuhan rendah' kurang hubungan secara langsung dengan pelanggan (*low-touch economy*) telah menjadi lebih meluas. Pelanggan menjadi semakin biasa dengan akses digital dan secara jarak jauh berikutan kebimbangan terhadap kesihatan awam dan kawalan pergerakan. Meskipun saluran fizikal mungkin tetap relevan, anjakan tingkah laku ini boleh kekal untuk segmen tertentu terutamanya dalam kalangan warga jati digital (*digital natives*). Pelanggan akan semakin menuntut pengalaman yang lebih lancar, mampu milik dan disesuaikan sama ada dalam ekonomi yang lebih luas atau perkhidmatan kewangan secara khusus. Kerajaan, pengawal selia dan peserta industri perlu mempunyai strategi pendigitalan yang jelas, bukan sahaja untuk kekal relevan tetapi juga untuk memastikan usaha transformasi tidak meningkatkan risiko secara tidak sengaja, seperti risiko terhadap daya tahan operasi, keselamatan siber dan rangkuman.



Dalam dunia digital, tumpuan yang lebih tinggi pada pelanggan wujud seiring dengan tumpuan lebih intensif kepada data yang digambarkan sebagai "*new oil*". Institusi kewangan semakin banyak menggunakan AI dan ML untuk memahami tingkah laku dan corak perbelanjaan pengguna dengan lebih baik. Hal ini boleh menyokong amalan pengurusan risiko yang lebih baik, perkhidmatan kewangan yang lebih mudah diakses dan lebih banyak inovasi yang berpusatkan pelanggan. Terdapat juga pengiktirafan yang semakin meningkat tentang pentingnya infrastruktur kewangan utama yang menyimpan, berkongsi atau mensintesiskan data. Hal ini termasuk sistem pembayaran dan penyelesaian serta sistem maklumat kredit. Melalui penggabungan dengan inisiatif Kerajaan terutamanya Dasar Perkongsian Data Nasional (National Data Sharing Policy, NDSP) untuk mengembangkan kebolehcapaian data, Bank menjangkakan lebih banyak ruang untuk inovasi yang dipacu data pada masa hadapan. Landskap pengawalseliaan untuk perkhidmatan kewangan juga perlu berkembang seiring terutamanya bagi menggalakkan penggunaan data yang bertanggungjawab dan beretika.

Pendigitalan juga membentuk semula dinamik sektor kewangan secara menyeluruh. Perkembangan utama ialah kekaburan garis pemisah antara perkhidmatan kewangan dengan bukan kewangan ketika peserta berusaha untuk membina ekosistem. Perusahaan komersial termasuk Bigtech (syarikat-syarikat teknologi besar) sedang berusaha menyertai perkhidmatan kewangan dengan memanfaatkan rangkaian pelanggan dan peniaga mereka yang sedia ada. Sementara itu, penyedia perkhidmatan kewangan (FSP) sedia ada sedang menjalinkan pelbagai perkongsian strategik seperti dengan syarikat-syarikat *fintech* dan syarikat-syarikat lain untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan mereka. Pada masa yang sama, perkembangan inovasi yang pesat seperti dalam ruang kewangan tidak berpusat (*decentralised finance*, DeFi) turut memperkenalkan cara baharu dan berbeza untuk menyimpan dan menggembleng dana, dengan potensi kawalan yang lebih besar oleh pengguna akhir.

Secara kolektif, trend ini memperhebat persaingan dan kerjasama, sekali gus membawa bersamanya model perniagaan baharu serta menjanjikan perkhidmatan kewangan yang lebih cekap dan inovatif. Walau bagaimanapun, trend ini juga akan menimbulkan persoalan tentang cara memastikan perkhidmatan ini inklusif dan selamat, sambil mengekalkan pasaran yang memberangsangkan. Melindungi keselamatan siber termasuk mengurus risiko 'pautan paling lemah' akan menjadi sangat perlu berikutan hubungan yang semakin berkembang antara institusi kewangan dengan penyedia pihak ketiga.

> Peningkatan ekosistem digital menuntut tindak balas dasar yang menghasilkan manfaat sambil mengurus arbitraj pengawalseliaan, potensi risiko limpahan dan pergantungan yang semakin meningkat pada penyedia perkhidmatan pihak ketiga

Peralihan dan cabaran demografi

Malaysia dijangka menjadi negara dengan penduduk yang semakin berusia menjelang tahun 2030[4]. Seiring dengan pertumbuhan penduduk yang lebih perlahan, peluang dan cabaran baharu akan wujud bagi sistem kewangan. Jurang perlindungan kekal ketara dalam skim-skim simpanan persaraan di Malaysia. Sebagai contoh, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menganggarkan bahawa dua daripada tiga pencarum KWSP aktif mungkin mempunyai simpanan persaraan yang tidak mencukupi untuk memenuhi pencen minimum sebanyak RM1,000 sebulan[5]. Sementara itu, skim persaraan swasta mungkin tidak mencukupi dengan kurang 3% tenaga kerja Malaysia mempunyai akaun Skim Persaraan Swasta (Private Retirement Scheme, PRS)[6].

Jurang ini perlu ditangani pada peringkat negara dan sektor kewangan boleh memainkan peranan, khususnya bagi menyokong pengumpulan lebih banyak kekayaan untuk isi rumah bagi tujuan persaraan dan untuk individu menguruskan risiko kelanjutan usia. Kepelbagaian produk dan perkhidmatan kewangan berkaitan perlindungan kesihatan dan pendapatan yang mencukupi perlu dipastikan. Di samping itu, kesedaran tentang produk yang tersedia di pasaran juga perlu ditingkatkan.

---

[4] Penduduk berusia 60 tahun ke atas dan melebihi 15% daripada jumlah penduduk.
[5] Sumber: KWSP (2018), "Social Protection Insight 2018".
[6] Sumber: Manulife Investment Management (2019) "A Zoom into Asia's Pension Reform Journey: Different Perspectives of a Multi-pillar Approach".

Masa hadapan pekerjaan membuka peluang dan cabaran baharu, seperti dalam ekonomi gig yang semakin berkembang. Walau bagaimanapun, jurang perlindungan insurans sosial kekal untuk pekerja dalam sektor tidak formal dan mereka yang bekerja sendiri, ekoran ketiadaan perlindungan setara Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) dan kekurangan langganan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (Self-Employment Social Security Scheme, SESS) untuk perlindungan kecederaan di tempat kerja. Pandemik ini telah menimbulkan beberapa jurang tersebut apabila pekerja dalam segmen itu terjejas teruk, ditambah pula dengan simpanan yang lazimnya lebih rendah.

Apabila ekonomi pulih, langkah-langkah membina semula penampan kewangan yang terjejas semasa krisis perlu dilaksanakan secara beransur-ansur, seperti simpanan persaraan dan pelaburan jangka panjang. Sementara itu, keutamaan perlu terus diberikan kepada usaha memperluas liputan skim insurans sosial, dengan penyelesaian sektor kewangan swasta menjadi pelengkap kepada liputan perlindungan yang diperlukan oleh segmen yang semakin berkembang ini. Langkah ini bagi membina daya tahan segmen tersebut terhadap kejutan ekonomi dan kewangan pada masa hadapan.

Menarik pelaburan berkualiti penting untuk membina semula penampan yang terhakis semasa krisis, misalnya simpanan persaraan

Faktor sosioekonomi lain juga relevan dalam membentuk pembangunan kewangan. Perbezaan sosioekonomi seperti ketaksamaan pendapatan dan kekayaan serta peningkatan kos sara hidup merupakan pertimbangan yang relevan. Perkembangan dalam sektor kewangan perlu sentiasa meletakkan sasaran untuk menjadi lebih inklusif, terutamanya dalam memenuhi keperluan individu dan perniagaan yang tidak mendapat perkhidmatan kewangan atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Perkhidmatan kewangan perlu terus mampu dibayar balik dan boleh diakses untuk membolehkannya menangani keperluan pelbagai segmen masyarakat.

Jurang celik kewangan juga akan kekal relevan dalam menentukan keutamaan pembangunan kewangan pada masa hadapan. Satu kajian yang dijalankan baru-baru ini mendapati bahawa rakyat Malaysia mencatatkan markah di bawah purata dalam pengetahuan kewangan, sekali gus mencerminkan wujudnya jurang dalam membuat keputusan kewangan[7]. Penyampaian produk dan perkhidmatan, khususnya inovasi, perlu disertakan dengan perlindungan. Langkah ini hendaklah bertujuan mengekalkan hasil pengguna yang mantap, dan pada masa yang sama memperkasakan individu untuk membuat keputusan kewangan berasaskan maklumat mengikut keadaan mereka.

Secara umumnya, sektor kewangan boleh memainkan peranan dalam menyokong daya tahan sosial yang lebih tinggi dan meningkatkan mobiliti, seperti melalui gabungan perkhidmatan kewangan dengan sokongan lain untuk pelanggan (contohnya khidmat nasihat, pendidikan kewangan, pembinaan keupayaan) dan menawarkan produk yang lebih inovatif bagi membantu pelanggan menambah dan melindungi kekayaan mereka. Paling tidak, sektor kewangan perlu mengelakkan perbezaan sedia ada menjadi bertambah ketara, seperti melalui tahap keberhutangan isi rumah yang lebih besar untuk aktiviti yang tidak produktif. Persaingan akan terus menjadi faktor penting ke arah memastikan hasil ini terlaksana, terutamanya melalui kemasukan peserta yang meletakkan sasaran terhadap jurang pasaran sedia ada atau segmen yang boleh mendapat perkhidmatan yang lebih baik.

[7] Sumber: OECD, International Network on Financial Education (2020), "International Survey of Adult Financial Literacy".



Perubahan iklim dan agenda kelestarian yang lebih meluas

Implikasi perubahan iklim juga semakin ketara. Peristiwa berkaitan iklim seperti ribut, banjir dan kemarau menjadi semakin teruk dan kerap berlaku. Kesan yang menyusuli (*knock-on effects*) mampu melangkaui kesan terhadap alam sekitar malah menjejaskan mata pencarian, sekuriti makanan dan perniagaan. Selanjutnya, keadaan ini boleh menimbulkan risiko terhadap kestabilan kewangan kerana kekukuhan dan daya tahan sektor kewangan adalah berkait dengan ekonomi yang lebih meluas.

Usaha merancakkan kembali ekonomi perlu meletakkan sasaran pada model pertumbuhan yang lebih lestari. Bagi menangani cabaran ini, pelaksanaan keputusan dasar yang berani diperlukan termasuk menerapkan penetapan harga karbon, memastikan keselamatan tenaga sebagai keutamaan penting dan merumuskan rangka kerja kerjasama antarabangsa yang lebih kukuh. Sebagai penandatangan Perjanjian Paris, Malaysia komited untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (*greenhouse gas*, GHG) sebanyak 45% menjelang tahun 2030, dan seterusnya 60% pada tahun 2035 berbanding dengan paras pelepasan pada tahun 2005. Sebagai bank pusat, Bank turut sama komited untuk memupuk sektor kewangan yang berdaya tahan terhadap iklim serta turut menyokong peralihan yang teratur kepada ekonomi rendah karbon, sejajar dengan matlamat Perjanjian Paris dan komitmen jangka panjang Kerajaan untuk menjadi negara sifar bersih.

Usaha Malaysia juga akan menyumbang pada gerakan global yang semakin berkembang ke arah menggalakkan kelestarian alam sekitar yang lebih mantap. Perubahan iklim dan pelbagai pembaharuan yang berkaitan dijangka boleh mengubah haluan pembangunan ekonomi. Usaha aktif Malaysia dalam bidang ini akan mengekalkan daya saing ekonomi negara, terutamanya apabila lebih banyak negara memperkenalkan undang-undang perubahan iklim, program-program pengurusan karbon dan inisiatif berkaitan iklim yang lain.

Melangkaui perubahan iklim, pelaksanaan usaha ke arah model pembangunan yang lebih mampan adalah tepat pada masanya. Sama pentingnya ialah isu-isu kesejahteraan alam sekitar yang lain, seperti isu yang berkaitan dengan ekonomi kitaran dan biodiversiti.

Keperluan pendekatan 'keseluruhan negara'

Semua krisis, termasuk pandemik baru-baru ini, mewujudkan peluang yang unik untuk pembaharuan. Malaysia perlu merebut peluang ini. Menuju ke hadapan, pertumbuhan Malaysia hendaklah diterajui oleh inovasi. Hal ini memerlukan pembaharuan yang boleh meningkatkan kompleksiti ekonomi negara, iaitu produktiviti yang dicerminkan oleh kepelbagaian dan kecanggihan barangan dan perkhidmatan Malaysia. Bagi tujuan ini, Aspirasi Pelaburan Nasional (National Investment Aspirations, NIA) ialah tanda arah penting yang bertujuan menarik dan menggalakkan pelaburan berkualiti, membina keupayaan inovasi serta meningkatkan produktiviti dan pertumbuhan.

Bagi merealisasikan perkara ini, usaha kolaboratif dan bersepadu diperlukan daripada semua pihak berkepentingan, sama ada sektor awam atau swasta, melalui 'pendekatan menyeluruh kerajaan' (*whole-of-government*) dan 'keseluruhan negara' (*whole-of-nation*). Bagi tujuan ini, RMKe-12 telah menetapkan pelbagai aspirasi dan inisiatif. Antaranya termasuk mencapai pemulihan ekonomi yang kukuh, produktiviti yang dipercepat, pendapatan isi rumah yang lebih tinggi, kesalinghubungan yang meluas, kesejahteraan yang lebih baik dan ekonomi yang lebih lestari. Pelaksanaan matlamat ini penting dalam usaha melangkah ke hadapan.

Sebagai pelengkap kepada strategi yang lebih meluas ini, Bank komited dalam memastikan sektor kewangan terus menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan. Pelan Sektor Kewangan ini akan menetapkan cara Bank merancang untuk melaksanakan komitmen ini dalam tempoh lima tahun akan datang. Hal ini seterusnya disokong oleh hasil dan sasaran Bank yang dihasratkan untuk sektor kewangan pada tahun 2026, seperti yang dijelaskan dalam "Bentuk kejayaan pada tahun 2026".



[8] NIA merujuk matlamat pembangunan strategik keseluruhan untuk meningkatkan kompleksiti ekonomi, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, meluaskan hubungan industri dalam negeri serta membangunkan kelompok baharu dan sedia ada. Untuk butiran lanjut, rujuk Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2019 oleh Bank Negara Malaysia dalam rencana "Memastikan Pertumbuhan Masa Depan Menerusi Pelaburan Berkualiti" yang boleh dijumpa di https://www.bnm.gov.my/documents/20124/2722983/emr2019_bm_box1.pdf (muka surat 46-48).

Bentuk kejayaan pada tahun 2026

Bentuk kejayaan pada tahun 2026

Kewangan untuk semua



Pelbagai pilihan untuk pelanggan, dengan kebanyakan pelanggan mengutamakan penyelesaian digital

- Penyelesaian 'digital didahulukan' (*digital first*) tersedia (cth. pembayaran tanpa alat fizikal (*invisible payments*), tuntutan motor secara digital, kontrak pintar)
- Tahap kepercayaan yang tinggi terhadap kebolehpercayaan dan keselamatan perkhidmatan dalam talian
- Penggunaan pembayaran digital dipercepat, dengan e-pembayaran per kapita meningkat pada CAGR[1] melebihi 15%

Jaringan keselamatan kewangan yang diperkukuh, terutamanya untuk pengguna yang paling mudah terjejas

- Kadar penembusan insurans/takaful antara 4.8% hingga 5%[2]
- Peningkatan kadar pengambilan insurans/takaful yang ketara, dengan bilangan individu yang melanggan insurans mikro/takaful mikro bertambah sekali ganda
- Pertumbuhan dalam penyelesaian kewangan sosial dan perkhidmatan nilai ditambah lain (cth. peningkatan kemahiran)

Kewangan untuk transformasi



Pertumbuhan ketara dalam kewangan alternatif, menyokong usaha inovatif

- Pertumbuhan yang stabil bagi saluran kewangan alternatif kepada perusahaan inovatif yang baharu (cth. peringkat awal, aset ringan (*asset-light*), intensif teknologi)
- Penggunaan data alternatif yang lebih banyak seiring dengan matriks tradisional untuk penentuan harga yang lebih berbeza dan rangkuman kewangan

Penyepaduan global yang lebih mendalam, termasuk dalam kewangan Islam

- Pembayaran rentas sempadan yang lebih pantas, lebih murah, lebih mudah diakses dan telus selaras dengan pelan hala tuju Group of Twenty (G20)
- Malaysia terus diiktiraf sebagai peneraju global dalam kewangan Islam

Kewangan untuk kelestarian



VBI yang lebih meluas untuk memberikan perkhidmatan kepada ekonomi, komuniti dan alam sekitar

- Pertumbuhan stabil dalam aset yang sejajar dengan VBI, dengan bahagian bank konvensional dan penanggung insurans yang semakin meningkat
- Penzahiran yang lebih berkualiti bagi menyokong insentif pasaran untuk kewangan yang lebih bertanggungjawab dan beretika

[1] Kadar pertumbuhan tahunan terkompaun
[2] Sebagai peratusan KDNK

(Bersambung di muka surat seterusnya)

Bentuk kejayaan pada tahun 2026

Bentuk kejayaan pada tahun 2026

Kewangan untuk semua



Pengguna kewangan yang yakin dan berupaya mengendalikan masa hadapan kewangan mereka

- Kadar celik kewangan yang lebih baik, dengan jurang yang semakin mengecil antara skor celik kewangan OECD International Network on Financial Education (OECD/INFE) Malaysia dengan skor purata ahli-ahli OECD
- Pembaharuan perlindungan pengguna (cth. CCA[4] dan CCOB[5], rejim pengawalseliaan tunggal untuk penasihat kewangan dan perancang kewangan)

Kewangan untuk transformasi



Landskap kewangan yang memberangsangkan dan dinamik

- Persaingan sihat yang memacu inovasi berterusan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan
- Persekitaran pengawalseliaan yang diiktiraf kondusif untuk inovasi kewangan digital
- Infrastruktur terbuka dan saling boleh kendali (cth. sistem pembayaran, piawaian teknikal untuk perkongsian data)

Kewangan untuk kelestarian



Kemajuan yang berterusan dalam pelestarian kewangan dan pembiayaan hijau

- Amalan penilaian, pengukuran, penzahiran dan pengurusan risiko iklim yang diperkukuh
- Peningkatan bahagian aliran kewangan ke arah aktiviti sokongan iklim dan peralihan – menjelang tahun 2026, lebih 50% pembiayaan baharu dikelaskan sebagai C1, C2 atau C3 di bawah CCPT[3]
- Institusi kewangan menyediakan sokongan yang bermakna untuk membantu pelanggan membuat peralihan

[3] Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip, dengan C1, C2 dan C3 mewakili aktiviti ekonomi yang dikategorikan sebagai 'menyokong iklim' (*climate supporting*) atau 'peralihan' (*transitioning*) dari segi sumbangannya ke arah iklim dan matlamat alam sekitar"

[4] Akta Kredit Pengguna

[5] Lembaga Pengawasan Kredit Pengguna



... disokong oleh asas yang stabil dan berdaya tahan

Berteraskan mandat Bank untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan

Tumpuan pengawalseliaan Bank untuk pembangunan kewangan

Secara umum, tumpuan pengawalseliaan Bank adalah untuk:

- Memupuk kedinamikan pasaran;
- Menyokong objektif pembangunan yang mampan; dan
- Kekal berteraskan mandat Bank untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Perkara-perkara ini menyokong strategi yang dinyatakan dalam Pelan Sektor Kewangan dan dijelaskan seterusnya dalam bab ini.

Memupuk kedinamikan pasaran

Berikutan pelbagai perubahan besar yang sedang berlangsung, peringkat pembangunan kewangan Malaysia yang seterusnya berlaku dalam landskap yang dipenuhi ketidakpastian yang sangat tinggi. Pada masa yang sama, sektor kewangan Malaysia kini semakin berkembang maju. Jurang yang memerlukan penglibatan pengawalseliaan yang mendalam mungkin kurang ketara berbanding dengan beberapa dekad lalu.

Dalam persekitaran ini, kedinamikan pasaran adalah sangat perlu. Dalam erti kata lain, sistem kewangan perlu dipupuk untuk membuat penyesuaian yang berkesan dalam menghadapi pelbagai senario.

Usaha pengawalseliaan bertujuan memupuk keadaan yang sesuai bagi mencapai matlamat ini melalui intervensi bersasar bagi mengelak halangan yang tidak wajar terhadap persaingan dan inovasi, selain menangani kegagalan pasaran. Keutamaan akan diberikan bagi memastikan tiga mekanisme pasaran utama, iaitu akses pasaran, pendorong ekosistem dan disiplin pasaran, berfungsi dengan lancar (Gambar Rajah 1).

Berhubung dengan mekanisme pasaran, tumpuan Bank adalah untuk:

- Menangani halangan yang tidak wajar terhadap penyertaan pasaran, selain memastikan proses keluar daripada pasaran dilakukan dengan teratur;
- Menggalakkan persaingan secara kerjasama (*co-opetition*) bagi pendorong ekosistem yang sangat penting; dan
- Memperkukuh keadaan disiplin pasaran yang memberikan tumpuan pada peningkatan pemerkasaan pengguna.

> Bank akan memupuk keadaan yang sesuai bagi mewujudkan sektor kewangan yang sangat fleksibel

Gambar Rajah 1:
Elemen utama kedinamikan pasaran



Akses pasaran, cth.

- Rejim kemasukan, cth. pelesenan, kelulusan
- Pemulihan dan penyelesaian



Pendorong ekosistem, cth.

- Infrastruktur yang terbuka dan saling boleh kendali
- Standard teknikal yang lazim
- Pengaturan pengawasan kolaboratif
- Tenaga kerja mahir sektor kewangan



Disiplin pasaran, cth.

- Mendorong pilihan pengguna
- Meningkatkan ketelusan pasaran, cth. penzahiran
- Keupayaan kewangan pengguna kewangan yang diperkukuh

Menangani halangan yang tidak wajar terhadap penyertaan pasaran, selain memastikan proses keluar daripada pasaran dilakukan dengan teratur

Rejim penyertaan akan direka bentuk berdasarkan prinsip pariti dan kesetaraan. Hal ini bermaksud bahawa jenis risiko yang sama akan dikawal dengan cara yang sama (pariti), dengan intensiti keperluan pengawalseliaan yang diubah suai dengan cara yang sepadan dengan tahap risiko (kesetaraan).

Perkara ini mungkin melibatkan laluan penyertaan secara berperingkat. Dalam situasi ini, peserta baharu beralih ke dalam rangka kerja pengawalseliaan sedia ada yang ditetapkan ke atas peserta semasa (*incumbent*) secara beransur-ansur bagi mencerminkan dengan lebih jelas profil risiko dan peringkat pembangunan peserta baharu. Contohnya ialah fasa asas dalam rangka kerja pelesenan bagi bank digital.

Pendekatan yang lebih terurus untuk penyertaan pasaran akan terus diterima pakai. Bagi menentukan bilangan lesen baharu, Bank akan berusaha untuk mengelakkan fragmentasi secara berlebih-lebihan dalam sektor kewangan yang menimbulkan ketidakcekapan dan kelemahan. Keadaan sedemikian boleh menjejaskan kepentingan awam dan kestabilan kewangan. Matlamat Bank adalah untuk memudahkan penyertaan peserta baharu yang dapat menyumbang kepada usaha menangani jurang semasa, seperti menggalakkan rangkuman kewangan yang lebih meluas.

Bank berusaha memastikan bahawa peserta baharu menyumbang ke arah menangani jurang semasa

Secara umumnya, Bank masih berpandukan objektif berterusannya untuk menggalakkan penyertaan pasaran dengan cara yang memberikan kepentingan terbaik bagi Malaysia, seperti yang digariskan dalam FSA dan IFSA. Pertimbangan utama akan terus diberikan pada usaha mengekalkan institusi domestik teras yang berdaya tahan dan berdaya saing, khususnya bagi bidang yang berkaitan dengan kestabilan (contohnya, infrastruktur yang penting dari segi sistemik). Perkara ini mencerminkan peranan penting yang dimainkan oleh institusi domestik sebagai daya kitaran balas (*countercyclical*) apabila berlaku kejutan, ketidaktentuan atau ketidakpastian yang tidak dijangka, seperti yang berlaku pada krisis-krisis yang lalu.

Dalam mana-mana pasaran yang kompetitif, kemungkinan peserta industri keluar daripada pasaran juga perlu dijangka. Bank melihat keadaan ini sebagai bahagian penting dalam proses pemusnahan kreatif (*creative destruction*) yang akan mewujudkan peserta yang lebih dinamik dan fleksibel. Keadaan ini seterusnya akan menjadikan ekosistem kewangan Malaysia lebih kukuh dan lebih berdaya tahan dalam jangka masa panjang. Dalam hal ini, Bank tidak meletakkan sasaran kegagalan sifar (*zero failures*). Sebaliknya, Bank memberikan tumpuan pada pengurangan risiko dan kesan apabila kegagalan berlaku, seperti menghendaki institusi kewangan mempunyai perancangan keluar yang jelas bagi pembubaran perniagaan tanpa menyebabkan gangguan.

Menggalakkan persaingan secara kerjasama (*co-opetition*) dan perkongsian awam-swasta untuk pendorong ekosistem yang sangat perlu

Bank akan menggalakkan kerjasama dan penyelarasan sesama pihak berkepentingan yang berkaitan bagi menangani isu-isu dalam seluruh ekosistem. Perkara ini termasuk membangunkan infrastruktur bersama, standard teknikal dan protokol lain bagi meningkatkan kecekapan dan menggalakkan inovasi yang merupakan prasyarat untuk kedinamikan pasaran.

Usaha ini selaras dengan prinsip persaingan secara kerjasama yang melibatkan penggemblengan sumber oleh peserta industri bagi membangunkan pendorong ekosistem, seperti infrastruktur bersama, yang telah lama digalakkan oleh Bank. Hasil kecekapan yang diperoleh akan memberikan perkhidmatan lebih mampu dibayar kepada pengguna akhir, contohnya pengguna dan peniaga. Sementara itu, persaingan akan ditingkatkan pada peringkat produk, apabila peserta industri berusaha untuk membezakan diri mereka melalui ciri-ciri nilai tambah yang memberikan perkhidmatan lebih baik kepada pengguna akhir.

Bank akan menyokong usaha industri untuk bekerjasama secara berkesan berkenaan pendorong ekosistem, seperti infrastruktur dan standard teknikal

Akhirnya, Bank berharap peserta industri akan menerajui proses membuat keputusan kolektif untuk menggalakkan hasil yang lebih mampan bagi meningkatkan kepentingan bersama, dan pada masa yang sama mengambil kira implikasi komersial jangka panjang untuk peserta industri. Dalam hal ini, persatuan industri dan perkongsian awam-swasta boleh memainkan peranan penting. Faktor utama penentu kejayaan kepada kepimpinan industri yang lebih besar ialah tenaga kerja mahir sektor kewangan (rujuk rencana "Memperteguh tenaga kerja sektor kewangan untuk masa hadapan").

Sebagai bank pusat, Bank akan berusaha untuk menyokong tindakan kolektif dalam kalangan peserta industri, sekali gus menjadi pelengkap kepada mandatnya yang berkaitan dengan kestabilan. Oleh itu, Bank akan mengekalkan dan menggalakkan persaingan yang sihat dalam kalangan peserta industri. Bank akan memberikan tumpuan intervensinya terhadap situasi yang terdapat tanda-tanda amaran jelas mengenai kegagalan pasaran atau risiko kepada sistem. Keadaan ini mungkin terjadi apabila usaha kolektif yang dihasratkan, iaitu usaha yang mengutamakan kepentingan awam, tidak berlaku disebabkan oleh kepentingan komersial jangka pendek atau persaingan yang terlalu dominan. Kebimbangan terhadap kelemahan selaku penggerak pertama (*first-mover disadvantage*) atau keinginan untuk menghalang persaingan merupakan sebahagian daripada tanda-tanda amaran ini.

Bank juga akan berusaha untuk menggalakkan prinsip reka bentuk terbuka dan saling boleh kendali bagi infrastruktur kewangan utama, seperti akses kepada sistem pembayaran dan penyelesaian yang berdaya tahan pada masa hadapan, dan menggalakkan inisiatif data terbuka. Bank melihat perkara ini sebagai evolusi semula jadi sektor kewangan apabila model perniagaan menjadi lebih pelbagai dan sedikit sebanyak semakin kurang mengutamakan bank. Dalam usaha ini, Bank akan terus memberikan tumpuan utama untuk memelihara daya tahan keseluruhan infrastruktur.

Memperkukuh keadaan disiplin pasaran yang memberikan tumpuan pada peningkatan pemerkasaan pengguna kewangan

Bank akan berusaha menggalakkan pengguna kewangan membuat keputusan yang lebih arif. Pilihan oleh pengguna, bersama-sama dengan persaingan pasaran, memberikan insentif yang besar kepada institusi kewangan bagi menangani kesukaran yang dihadapi oleh pelanggan mereka, atau melakukan inovasi untuk menarik pelanggan baharu.

Bagi tujuan ini, usaha Bank yang berterusan untuk membantu pengguna membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi terus menjadi perkara penting. Hal ini termasuk memastikan pengguna mempunyai akses kepada maklumat yang betul serta dengan cara yang mudah diperoleh dan difahami.

Satu lagi faktor yang relevan ialah pengguna kewangan berupaya untuk bertindak dengan mudah berdasarkan pilihan mereka apabila mendapat maklumat yang mencukupi. Sehubungan dengan itu, Bank akan terus bekerjasama dengan pihak berkepentingan lain untuk mengkaji kaedah bagi memudahkan pengguna



menukar FSP mereka, iaitu mengurangkan kos peralihan (*switching costs*). Perkara ini akan mengambil kira keperluan perlindungan minimum bagi melindungi pengguna daripada penipuan dan penyalahgunaan, serta implikasi kepada daya tahan keseluruhan sistem kewangan.

Selari dengan usaha untuk meningkatkan pemerkasaan pengguna, Bank juga akan terus mengukuhkan standard pengendalian yang terpakai kepada institusi kewangan untuk memberikan hasil yang adil kepada pengguna. Perkara ini akan diperkukuh melalui penggunaan instrumen penyeliaan dan penguatkuasaan Bank ke arah mencapai hasil ini. Oleh itu, usaha pendidikan kewangan yang berterusan akan menjadi perkara yang sangat penting bagi meningkatkan keupayaan kewangan rakyat Malaysia secara berperingkat.

Selain itu, Bank akan meningkatkan kerjasama semasa dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) bagi meneruskan pembaharuan arkitektur perundangan dan pengawalseliaan Malaysia untuk pengawasan amalan perniagaan. Tindakan ini bertujuan menyediakan perlindungan yang lebih kukuh dan lebih konsisten kepada pengguna kewangan, meliputi semua FSP yang pada masa kini tertakluk pada tahap pengawasan formal yang berbeza. Hal ini bertujuan untuk meletakkan kehendak yang lebih selaras terhadap amalan perniagaan dan layanan yang adil kepada pengguna kewangan merentas industri.

Menyokong objektif pembangunan yang mampan

Sektor kewangan perlu memastikan negara bergerak ke arah masa hadapan yang lebih mampan, inklusif dan bertanggungjawab dalam meneroka peluang pembangunan. Bank kekal komited terhadap matlamat ini yang akan menyumbang ke arah menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals, SDG*) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tanda arah dalam usaha pembangunan kewangan adalah penting bagi memastikan masa hadapan yang lebih mampan, inklusif dan bertanggungjawab

Gambar Rajah 2:
Bidang tumpuan bagi pembangunan mampan



Usaha untuk menggalakkan objektif pembangunan yang mampan bertujuan:

- Mengetengahkan pengantaraan berasaskan nilai;
- Menangani keperluan golongan yang tidak mendapat perkhidmatan kewangan dan golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan; dan
- Menyokong daya tahan yang lebih tinggi terhadap iklim dan model pertumbuhan yang lebih lestari dari segi alam sekitar.

Mengetengahkan pengantaraan berasaskan nilai

Pengantaraan berasaskan nilai VBI akan terus menjadi rangka kerja utama untuk menjadi panduan inisiatif pembangunan kewangan Bank. VBI, yang diperkenalkan pada tahun 2017, menekankan perlunya perkhidmatan kewangan mempunyai tumpuan yang jelas dan khusus dalam menjana impak positif kepada ekonomi, komuniti dan alam sekitar.

Walaupun institusi kewangan Islam memainkan peranan utama pada peringkat awal, objektif dan prinsip VBI adalah sejagat. Bank membayangkan bahawa pertimbangan ini akan diketengahkan secara beransur-ansur pada masa hadapan, dengan lebih banyak institusi kewangan memberikan komitmen kepada agenda VBI.



Gambar Rajah 3:
Keutamaan kestabilan monetari dan kewangan

Memastikan keberkesanan dasar monetari yang berterusan

Bank akan terus memastikan bahawa rangka kerja, strategi dan alat dasar monetari masih berkesan dalam landskap kewangan yang semakin berubah

Mempergiat usaha untuk melindungi daya tahan dan integriti keseluruhan ekosistem kewangan

Peraturan dan penyeliaan perlu kekal berkesan terhadap risiko yang baru muncul (cth. daya tahan operasi, risiko siber, pengubahan wang haram/pembiayaan keganasan, (*money laundering and terrorism financing*, (ML/TF))), mengelakkan sifat prokitaran dan meminimumkan arbitraj pengawalseliaan dengan pengaturan pengawasan kolaboratif yang diperkukuh apabila aktiviti yang berlainan (termasuklah di luar sempadan sektor kewangan) menjadi lebih saling berhubung kait

Menangani keperluan golongan yang tidak mendapat perkhidmatan kewangan dan golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan

Usaha berterusan yang dijalankan oleh Bank untuk menyokong perkhidmatan kewangan yang inklusif akan menjadi teras utama kepada visi yang lebih luas itu. Bank akan berusaha mendorong model perniagaan baharu dan inovasi lain. Disamping itu, Bank juga akan mengutamakan perkhidmatan kewangan yang boleh menangani secara lebih berkesan keperluan golongan yang tidak mendapat perkhidmatan kewangan dan golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Bank menekankan perkara ini apabila memperkenalkan rangka kerja pelesenan perbankan digital bagi Malaysia. Dalam ekosistem pendanaan, Bank juga akan melaksanakan inisiatif dan mempercepat pembaharuan institusi melalui kerjasama dengan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk memastikan segmen utama dalam ekonomi (contohnya PKS) mempunyai akses yang berterusan kepada kewangan, termasuk penyelesaian kewangan alternatif. Dalam beberapa tahun akan datang, Bank akan memberikan tumpuan yang lebih mendalam terhadap beberapa bidang lain termasuk model yang lebih inklusif bagi insurans/takaful, serta kewangan sosial.

Menyokong daya tahan yang lebih tinggi terhadap iklim dan model pertumbuhan yang lebih lestari dari segi alam sekitar

Inisiatif berkaitan alam sekitar juga akan menjadi bidang tumpuan utama. Keutamaan Bank adalah untuk memastikan sektor kewangan Malaysia menilai dan mengurangkan risiko akibat perubahan iklim dengan berkesan. Dalam hal ini, Bank akan berusaha meningkatkan rangka kerja kehematan, serta keupayaan pengawasan Bank yang lebih pelbagai bagi menilai dengan lebih rapi implikasi kompleks akibat risiko iklim terhadap sektor kewangan. Bank juga akan mempertimbangkan secara aktif peluang bagi sektor kewangan memainkan peranan sebagai pemangkin dalam menyokong peralihan kepada ekonomi rendah karbon.

Merentas seluruh usaha ini, Bank komited untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan lain, yang terdiri daripada Kerajaan, perniagaan dan masyarakat sivil, bagi menyokong usaha Malaysia yang lebih pelbagai dalam menangani perubahan iklim.

Menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan

Usaha Bank untuk menggalakkan kedinamikan pasaran yang lebih baik dan hasil pembangunan yang mampan akan terus berteraskan mandat kestabilan monetari dan kewangannya. Bagi tujuan ini, Pelan Sektor Kewangan menjelaskan natijah dan prinsip bagi pembangunan kewangan melalui pendekatan yang sejajar dengan mandat teras Bank, termasuk perkara di luar kesanggupan Bank, memandangkan implikasinya yang besar kepada kepentingan awam.

Memastikan keberkesanan dasar monetari yang berterusan

Bank akan memelihara keberkesanan dasar monetari dalam keadaan persekitaran yang semakin berubah. Trend mega yang digariskan dalam bab sebelum ini yang berkaitan dengan keadaan makroekonomi, perubahan teknologi, demografi dan perubahan iklim, mungkin mempunyai implikasi penting terhadap pengendalian dasar monetari.

Kemunculan aset dan mata wang digital mungkin akan memberikan kesan kepada keberkesanan transmisi dasar monetari, manakala jalinan antara risiko iklim dengan keadaan makroekonomi yang lebih luas boleh mewujudkan pertimbangan baharu terhadap pengendalian dasar monetari. Selain itu, pempelbagaian dalam kewangan berasaskan bukan hutang, termasuk peningkatan penggunaan instrumen kewangan alternatif, mungkin akan mempengaruhi kepentingan relatif saluran kadar faedah sedia ada dalam transmisi dasar monetari.

> Memastikan pengawasan yang berkesan pada peringkat ekosistem adalah penting berikutan kekaburan sempadan dalam landskap kewangan

Bagi tujuan ini, Bank akan menilai rangka kerja, strategi dan alat dasar monetarinya untuk memastikan instrumen ini terus sesuai untuk tujuan (*fit-for-purpose*) pada tahun-tahun yang mendatang. Perkara ini adalah untuk memastikan Bank berada dalam kedudukan yang baik untuk terus memenuhi mandat terasnya iaitu kestabilan monetari dan keadaan pasaran yang teratur dalam landskap yang semakin berubah ini.

Mempergiat usaha untuk melindungi daya tahan dan integriti ekosistem kewangan yang lebih menyeluruh

Bank akan memastikan usaha pembangunan kewangan, sama ada oleh Bank atau industri, tidak menghakis daya tahan dan integriti keseluruhan kewangan dalam seluruh sistem. Bagi tujuan ini, Bank kekal komited untuk terus meningkatkan rangka kerja pengawalseliaan sejajar dengan standard antarabangsa, seperti yang ditetapkan oleh Basel Committee on Banking Supervision (BCBS), International Association for Insurance Supervisors (IAIS), IFSB dan Financial Action Task Force (FATF), jika bersesuaian dan berkaitan.

Pada masa hadapan, sempadan yang bertambah kabur dalam landskap, sama ada merentas perkhidmatan kewangan atau antara sektor kewangan dengan bukan kewangan, akan menjadi pertimbangan yang semakin penting pada masa hadapan. Objektif kepentingan awam yang sempadannya sebelum ini adalah jelas, kini menjadi lebih saling berkait. Sebagai contoh, isu-isu yang berkaitan dengan kestabilan, persaingan, amalan perniagaan, rangkuman dan privasi semakin saling berkait dalam bidang perkhidmatan kewangan digital.

Berlatarkan persekitaran ini, tindakan untuk memastikan keberkesanan pengaturan pengawasan dan penyelarasan pada peringkat ekosistem yang berterusan adalah penting. Hal ini termasuk menangani peningkatan ketidakseimbangan kewangan dalam sistem (contohnya, tahap leveraj atau gelembung aset yang tidak dapat dikekalkan), dan membanteras jenayah kewangan merentas rantaian nilai kewangan.

Bagi tujuan ini, Bank akan mengkaji semula dan jika bersesuaian, Bank akan mengukuhkan pengaturan pengawasan semasa bagi bukan bank, sama ada untuk institusi kewangan bukan bank yang lebih kecil atau yang lebih besar. Perkara ini mengambil kira risiko arbitraj pengawalseliaan yang berpotensi untuk meningkat dan kesalinghubungan yang mendalam di luar sektor kewangan seperti dengan penyedia perkhidmatan pihak ketiga (*third party service providers*, TPSPs) dan rakan kongsi institusi kewangan lain. Hal ini sangat relevan bagi risiko terhadap daya tahan operasi, termasuk risiko daripada ancaman siber dan kebimbangan terhadap pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan (*anti-money laundering and counter financing of terrorism*, AML/CFT) apabila kekukuhan ekosistem mungkin bergantung pada pautan paling lemah dalam rangkaian tersebut.

Usaha juga akan diambil untuk melaksanakan keutamaan bersama dalam kalangan komuniti pengawalseliaan kewangan. Perkara ini akan disokong oleh inisiatif yang berterusan untuk memperkukuh penyelarasan antara agensi bagi memastikan undang-undang dan peraturan yang sedia ada ditadbir dengan berkesan dalam landskap yang lebih kompleks. Bank juga akan bekerjasama dengan pihak berkuasa pengawalseliaan lain untuk mengenal pasti bidang-bidang penambahbaikan. Perkara ini boleh merangkumi usaha menyelaraskan proses pengawalseliaan atau langkah jangka panjang yang mungkin memerlukan undang-undang baharu atau yang ditambah baik.

Lima teras strategik untuk tahun 2022-2026

Untuk memastikan tumpuan pengawalseliaan bagi pembangunan kewangan dilaksanakan dengan berkesan, Bank dipacu oleh lima teras strategik yang dibincangkan dalam bab-bab yang berikut:

1. Membiayai transformasi ekonomi Malaysia
2. Meningkatkan kesejahteraan kewangan isi rumah dan perniagaan
3. Memajukan pendigitalan dalam sektor kewangan
4. Meletakkan sistem kewangan pada kedudukan yang memudahkan peralihan secara teratur kepada ekonomi yang lebih lestari
5. Membangunkan kewangan berasaskan nilai melalui kepimpinan dalam kewangan Islam

Rencana

Memperteguh tenaga kerja sektor kewangan untuk masa hadapan

Pengenalan

Tenaga kerja yang cekap dan berkemahiran tinggi penting untuk sistem kewangan berfungsi dengan berkesan. Sepanjang dekad yang lalu, jumlah tenaga kerja sektor kewangan[1] Malaysia meningkat sebanyak 16% (2020: 166,360), dengan sebahagian besarnya didorong oleh pekerja berkemahiran tinggi. Guna tenaga dalam sektor kewangan kekal berdaya tahan semasa tempoh yang mencabar sepanjang berlakunya pandemik. Sektor kewangan kekal mewujudkan peluang pekerjaan bersih, dipacu oleh sektor perbankan. Jumlah pekerjaan bersih yang diperoleh selepas proses pemberhentian dan penamatan khidmat pekerja kekal teguh, dengan purata melebihi 4,000 pekerjaan setahun sepanjang tiga tahun yang lalu[2].

Tatkala sektor kewangan terus berkembang, pekerjaan dan kemahiran akan berubah seiring dengan perkembangan ini. Fasa yang seterusnya dalam pembangunan kewangan Malaysia akan memerlukan tenaga kerja yang tangkas, serta dilengkapi dengan kemahiran masa hadapan untuk melaksanakan peranan mereka secara berkesan.



[1] "Sektor kewangan" dalam rencana ini terdiri daripada institusi perbankan (termasuk institusi kewangan pembangunan), penanggung insurans dan pengendali takaful, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.


[2] Data mengenai pekerjaan bersih yang diperoleh selepas pemberhentian dan penamatan khidmat pekerja dikumpul melalui Kaji Selidik Statistik Pasaran Pekerja untuk Perkhidmatan Kewangan oleh Bank sejak tahun 2016.


Trend utama dan perkembangan yang membentuk tenaga kerja masa depan

Permintaan dan peluang pekerjaan yang berterusan bagi tenaga kerja berkemahiran tinggi

Sektor kewangan terus mencatatkan permintaan yang kukuh terhadap tenaga kerja mahir pada peringkat pengurusan kanan dan pertengahan[3] (Rajah 1). Kekosongan jawatan untuk pengurusan kanan, pertengahan dan peringkat kemasukan/rendah[4] telah meningkat sepanjang beberapa tahun kebelakangan ini. Hal yang sedemikian menunjukkan bahawa peluang pekerjaan dalam semua kategori ini kekal kukuh, tatkala permintaan pekerjaan tidak dipenuhi yang agak besar. Sebaliknya, permintaan terhadap pekerjaan berkemahiran rendah dan berasaskan peranan rutin dalam sektor kewangan diperhatikan semakin lemah. Jumlah kekosongan jawatan untuk pekerja perkeranian, operasi dan peringkat bawahan[5] daripada jumlah kekosongan keseluruhan menurun sebanyak 5.5%, seiring dengan penurunan perkadaran pekerjaan untuk segmen ini.

Rajah 1:
Guna tenaga dan kekosongan jawatan mengikut kategori pekerja dalam sektor kewangan (2017-2020)





Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Bank Negara Malaysia

[3] Bersamaan dengan pengurus dan profesional yang masing-masing dikategorikan sebagai Kumpulan Utama 1 dan Kumpulan Utama 2 di bawah Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (Malaysia Standard Classification of Occupations, MASCO) 2020.
[4] Bersamaan dengan juruteknik dan profesional bersekutu yang dikategorikan sebagai Kumpulan Utama 3 di bawah MASCO 2020.
[5] Dikategorikan sebagai Kumpulan Utama 4 dan 9 di bawah MASCO 2020. Tugas utama adalah untuk melaksanakan tugasan yang mudah, rutin dan tidak sistematik, seperti penyusunan dan penyelenggaraan rekod transaksi kewangan dan maklumat aktiviti perniagaan lain serta fungsi umum dan pelbagai.

Keperluan yang semakin meningkat untuk tenaga kerja dengan kemahiran dan kecekapan digital yang mantap

Memandangkan ekonomi digital Malaysia semakin pesat berkembang, Bank menjangkakan transformasi digital sektor kewangan akan berlaku dengan lebih cepat. Hal ini memperkukuh lagi keperluan untuk tenaga kerja mahir yang dapat mempelajari, menerapkan dan menggunakan model perniagaan yang baru muncul serta teknologi baharu. Hal ini juga menuntut tenaga kerja yang lebih celik digital secara keseluruhan, dengan keupayaan untuk berinovasi dan menyepadukan konsep perniagaan dengan teknologi dan data (lihat Gambar Rajah 1 untuk butiran lanjut). Pada peringkat global, terdapat keperluan mendesak untuk mengisi jurang kemahiran digital bagi tenaga kerja mahir yang sedia ada. Pada masa yang sama, kekurangan kemahiran dalam pasaran pekerja tempatan dianggap sebagai penghalang terbesar bagi organisasi untuk memanfaatkan potensi pertumbuhan daripada teknologi baharu[6].

Kerja dan kemahiran yang diperlukan untuk masa hadapan adalah dalam pelbagai dimensi

Transformasi kerja dalam sektor kewangan akan dirasai merentas pelbagai dimensi. Transformasi yang paling ketara adalah dari segi cara kita bekerja, kemahiran dan pengurusan insan. Pengaturan kerja yang fleksibel dan penerimaan pekerja sambilan atau pekerja gig ke dalam tenaga kerja dijangka diterima pakai dengan lebih meluas, dipacu melalui penggunaan data yang lebih banyak, ketahanan siber dan pengaturan tadbir urus yang diperkukuh. Automasi tugas berasaskan kerja rutin akan mengakibatkan pekerjaan yang sedia ada terus mengalami evolusi sekali gus memerlukan tahap kreativiti manusia, pertimbangan dan kemahiran *interpersonal* yang lebih tinggi. Sebagai contoh, dengan penggunaan AI yang lebih meluas, peranan kakitangan pusat panggilan akan bertambah rumit. Ia memerlukan mereka menentukan konteks, mempamerkan empati dan menggunakan pertimbangan dalam membantu pengguna menyelesaikan masalah.

Keutamaan pengguna dan perniagaan yang baru muncul terus membentuk semula pengetahuan yang diperlukan dalam profil kerja supaya kekal berkesan

Penyedia perkhidmatan kewangan dengan reka bentuk produk yang inovatif dan penyelesaian kewangan yang khusus, serta boleh memenuhi keperluan peribadi pengguna akan mempunyai kelebihan daya saing. Walau bagaimanapun, hal ini memerlukan tenaga kerja mahir yang dilengkapi dengan pengetahuan terkini tentang keperluan khusus pengguna atau perniagaan, lantas membolehkan institusi kewangan berinovasi dan memanfaatkan peluang ini. Di samping itu, akan turut menjadi penting untuk tenaga kerja kerap mengikuti perkembangan dan keutamaan yang baru muncul, seperti SDG, risiko iklim, kewangan berasaskan nilai dan kewangan sosial supaya dapat terus memberikan nilai kepada pengguna.

Jangka hayat kemahiran yang lebih singkat memerlukan latihan semula dan peningkatan kemahiran yang berterusan

Dengan pelbagai kuasa perubahan yang akan berlaku pada masa hadapan, keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan pantas terhadap persekitaran operasi baharu adalah sangat penting. Tenaga kerja mahir dalam sektor kewangan hendaklah terus mempelajari kemahiran baharu untuk kekal relevan dan bersedia merebut peluang baharu. Usaha ini perlu disokong oleh akses kepada infrastruktur peningkatan kemahiran dan pembelajaran yang komprehensif yang tersedia untuk tenaga kerja, baik di seluruh industri mahupun pada peringkat organisasi.

Secara kolektif, trend ini dijangka memacu evolusi pekerjaan dan kemahiran, baik dari segi penciptaan pekerjaan mahupun pekerjaan yang berisiko untuk diganti. Keupayaan dan set kemahiran tertentu akan menjadi lebih ketara, manakala peranan tertentu akan direka bentuk semula untuk menjadi pelengkap kepada transformasi perniagaan (Gambar Rajah 1).

---

[6] Penemuan ini konsisten merentas 20 daripada 26 ekonomi maju dan membangun (termasuk Malaysia) yang telah dikaji selidik dalam *The Future of Jobs Report 2020* oleh World Economic Forum.

Gambar Rajah 1:
Jangkaan evolusi pekerjaan dan kemahiran tenaga kerja sektor kewangan

Perubahan komposisi terhadap pekerjaan dalam permintaan dan pekerjaan yang berisiko untuk diganti dalam tenaga kerja…

Pekerjaan baharu
- *Kerja yang rumit & memerlukan kemahiran analisis tinggi*
- *Lebih teknikal dengan kepakaran khusus*
- *Teknologi meningkatkan prestasi kerja*

Penganalisis data, pakar strategi digital

Pakar Data Raya, AI, ML, keselamatan siber

Ahli profesional dalam pembangunan perniagaan & rangkaian

Sokongan operasi am, pengunderaitan


Jurubank, kerani kewangan & kerani yang berkaitan

Khidmat pelanggan & pusat panggilan pelanggan

Kakitangan sokongan perkeranian (cth. pemasukan data, simpan kira)

Pekerjaan berisiko tinggi untuk diganti
- *Kerja yang mempunyai volum tinggi, rutin & berpandukan peraturan*
- *Penggabungan pelbagai peranan*
- *Dapat diganti dengan teknologi dan mesin (cth. AI, RPA[1], chatbot)*

…menekankan perlunya tindakan segera bagi meningkatkan dan mempelbagaikan kemahiran secara berterusan



Pakar & penganalisis data
Reka bentuk & pengaturcaraan teknologi (cth. AI, IoT[2], ML)
Kemahiran digital & penggunaan teknologi (cth. pemasaran, penulis kandungan)

Pemikiran kritikal & penyelesaian masalah rumit
Kepemimpinan, keupayaan membentuk idea & pengaruh sosial
Kecerdasan emosi & sosial

Pengurusan risiko, keselamatan maklumat
Pengawalan & kepatuhan
Kredit, pengunderaitan, pembangunan perniagaan

[1] Proses robotik secara automatik (*Robotic process automation*, RPA)
[2] Objek rangkaian internet (*Internet of Things*, IoT)

Sumber: World Economic Forum, Bank Negara Malaysia

Menyediakan tenaga kerja masa hadapan: langkah utama

Bergerak ke hadapan, institusi kewangan mesti meningkatkan tumpuan pada kakitangan mereka. Institusi kewangan menghadapi cabaran yang besar untuk meningkatkan kemahiran dan melatih semula tenaga kerja mereka. Bagi kebanyakan institusi, merapatkan jurang kemahiran merupakan satu cabaran yang tidak boleh diselesaikan secara bersendirian. Oleh itu, ekosistem tenaga kerja mahir yang dinamik dan mampan adalah penting untuk terus meningkatkan keupayaan tenaga kerja mahir dan menyokong peralihan tenaga kerja sektor kewangan.

Bank berpandangan adanya keperluan dalam perkara ini untuk industri bersatu dan mengambil tindakan secara kolektif. Sepanjang dekad yang lalu, kemajuan yang ketara telah dicapai dalam usaha meningkatkan profesionalisme tenaga kerja dan mengukuhkan infrastruktur institusi bagi pembangunan tenaga kerja mahir. Peningkatan kualiti dan kepelbagaian program latihan memudahkan peningkatan kemahiran. Sebahagian besar tenaga kerja hari ini dilengkapi dengan pensijilan profesional bertauliah daripada pelbagai program yang meliputi pembangunan kepimpinan, modul etika dan trek pensijilan khusus dalam fungsi utama. Yang penting, Malaysia juga terus diiktiraf pada peringkat global sebagai peneraju pembangunan tenaga kerja mahir dalam kewangan Islam.

Pada masa hadapan, inisiatif kukuh yang diterajui industri bagi membangunkan lagi ekosistem tenaga kerja mahir akan terus penting untuk menyediakan tenaga kerja masa hadapan dengan berkesan. Bank menjangkakan hasil ini didorong secara menyeluruh oleh pelbagai pihak berkepentingan dan pemimpin dalam sektor kewangan iaitu persatuan industri, penyedia perkhidmatan kewangan, penyedia latihan, badan profesional, institusi pengajian tinggi dan kumpulan kesatuan pekerja, yang semuanya memainkan peranan penting untuk mengenal pasti keperluan kemahiran utama dan jurang latihan untuk tenaga kerja.

Bagi tujuan ini, terdapat dua keutamaan penting yang akan membuka laluan ke arah ekosistem tenaga kerja mahir yang diterajui industri yang lebih dinamik dan mampan yang akan dilaksanakan pada masa terdekat, termasuk untuk tenaga kerja mahir kewangan Islam.

Pertama, membangunkan dan melaksanakan Rangka Kerja Kemahiran Masa Hadapan untuk sektor kewangan

Memandangkan terdapat keperluan perkhidmatan kewangan terhadap kemahiran yang pelbagai bentuk, tumpuan utama bagi sektor kewangan adalah untuk mewujudkan rangka kerja yang diterajui industri bagi mengenal pasti kemahiran yang diperlukan, kehendak pekerjaan serta laluan pembangunan kerjaya untuk individu yang sedang bekerja atau bercita-cita untuk bekerja dalam bidang perkhidmatan kewangan. Dalam jangka panjang, rangka kerja ini dijangka menyokong beberapa hasil utama untuk tenaga kerja perkhidmatan kewangan dengan mengenal pasti peranan yang mempunyai kekurangan kemahiran yang ketara, memadankan kemahiran dengan pekerjaan yang tersedia, memudahkan mobiliti tenaga kerja mahir merentas peranan yang berbeza, membolehkan penyedia latihan bergerak balas terhadap keperluan latihan dan menyokong individu untuk merancang laluan pembangunan profesional mereka sendiri. Bagi melengkapkan inisiatif ini, usaha berterusan untuk meningkatkan profesionalisme tenaga kerja melalui standard program profesional dan kelayakan yang lebih tinggi bagi pelbagai laluan kerjaya – daripada pakar risiko hingga penyelaras kerugian – turut menjadi penting. Rangka kerja ini hendaklah direka bentuk untuk memberikan manfaat kepada pelbagai pihak berkepentingan merentas ekosistem tenaga kerja mahir sektor kewangan, membolehkan semua pihak membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi dan memainkan peranan mereka dengan berkesan (Gambar Rajah 2).

Bagi membolehkan penyesuaian semula tenaga kerja ke arah peranan yang baharu, pelan awal untuk mengenal pasti dan mengurangkan risiko impak pekerjaan adalah penting. Dalam hal ini, Bank menghendaki semua institusi kewangan memacu inisiatif ini. Walau bagaimanapun, Bank menyedari bahawa kehilangan pekerjaan tertentu mungkin tidak dapat dielakkan. Oleh itu, pendekatan industri secara menyeluruh penting untuk memastikan mekanisme sokongan yang sesuai disediakan bagi meminimumkan kesan penggantian pekerjaan yang hilang ke atas mata pencarian, dan menyokong peralihan pekerjaan secara teratur untuk tenaga kerja yang terjejas kepada organisasi atau sektor ekonomi lain. Sokongan tersebut antara lain mungkin termasuk penyediaan pampasan yang munasabah, bantuan kewangan untuk kemahiran semula serta bantuan penempatan semula.

Kesan model perniagaan baharu dan kemajuan teknologi terhadap evolusi pekerjaan dan kemahiran berlaku di semua industri, dan oleh itu akan dirasai bukan sahaja oleh sektor perkhidmatan kewangan, tetapi juga tenaga kerja Malaysia secara keseluruhan. Suatu usaha yang terselaras bagi mengurangkan perpecahan dan memacu pelaksanaan rangka kerja kemahiran masa hadapan yang menyeluruh untuk Malaysia pada peringkat nasional akan menjadi pelengkap kepada Rangka Kerja Kemahiran Sektor Kewangan. Rangka kerja ini akan memanfaatkan dan menjana sinergi yang lebih besar dalam mobiliti tenaga kerja mahir merentas sektor.

Gambar Rajah 2:
Matlamat dan manfaat Rangka Kerja Kemahiran Masa Hadapan untuk sektor kewangan

Padanan pekerjaan dengan kemahiran
- Mengenal pasti peluang kemajuan kerjaya secara vertikal dan lateral
- Mengenal pasti kemahiran umum dan boleh dipindahkan bagi memudahkan mobiliti kerja merentas subsektor secara berterusan

Laluan kerjaya yang jelas
- Maklumat mengenai trend industri dan keperluan pekerjaan
- Menggariskan kelayakan profesional, dan keperluan kemahiran yang jelas bagi laluan kerjaya
- Syarat yang jelas dan konsisten untuk memenuhi tahap kemahiran yang berbeza

Mengenal pasti pekerjaan & kemahiran yang diperlukan
- Cepat berubah – mentakrifkan semula dan mengenal pasti semula kemahiran yang diperlukan secara berterusan mengikuti perkembangan ekonomi
- Melengkapi kemahiran sedia ada dengan kemahiran yang relevan pada masa hadapan



Ekosistem latihan yang bersepadu & berkualiti tinggi
- Saling mengiktiraf kelayakan dan program pembelajaran berdasarkan piawaian jaminan kualiti yang dipersetujui industri
- Menyokong reka bentuk program latihan yang berasaskan istilah kemahiran lazim

Penguasaan kemahiran sepanjang hayat
- Sumber yang menyeluruh mengenai peningkatan kemahiran untuk memperoleh kemahiran teknikal dan bukan teknikal

Melengkapi infrastruktur negara
- Mampu saling boleh kendali dengan inisiatif guna tenaga dan pembangunan kemahiran kebangsaan yang sedia ada
- Melengkapi kurikulum di institusi pengajian tinggi



Pelajar
- Ketahui tentang skop kerja dan ciri-ciri kerja yang diperlukan
- Membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi mengenai pilihan pengajian dan kerjaya
- Bersedia untuk permohonan kerja



Pekerja

Membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi berdasarkan:
- Prospek dan skop kerja
- Kemahiran dalam permintaan
- Aspirasi kerjaya
- Tempoh dan keperluan laluan kerjaya
- Program pembangunan kemahiran



Majikan
- Mengenal pasti kemahiran baharu dan membina keupayaan kakitangan
- Membangunkan profil kerja
- Meningkatkan pemerolehan, pengurusan dan pengekalan bakat



Penyedia Latihan
- Mendapatkan pandangan tentang trend sektor dan kemahiran baharu yang diperlukan
- Membangunkan kurikulum dan program latihan yang sesuai untuk memenuhi keperluan sektor

Kedua, menyelaraskan keperluan sedia ada berkaitan latihan dan pembangunan kakitangan institusi-institusi kewangan

Bank akan membuat kajian semula secara menyeluruh terhadap keperluan latihan dan pembangunan kakitangan yang sesuai untuk institusi kewangan, dengan tujuan menambah baik dasar Perbelanjaan Latihan Kakitangan (Staff Training Expenditure, STE) pada tahun 2022 dan dasar Dana Latihan Kakitangan (Staff Training Fund, STF) menjelang akhir tahun 2026. Bank juga akan berbincang dan berinteraksi dengan industri kewangan untuk meneroka peluang bagi meningkatkan keberkesanan penyelarasan, sinergi dan kerjasama merentas ekosistem tenaga kerja mahir sektor kewangan. Hal ini terutamanya apabila perkara tersebut akan mempelbagaikan bekalan tenaga kerja mahir industri kewangan, di samping menggalakkan pertumbuhan dan mobiliti tenaga kerja mahir.

Rencana

Keutamaan jangka sederhana untuk rangka kerja kehematan dan pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (AML/CFT)

Pandemik yang berlaku baru-baru ini telah menekankan betapa pentingnya pengambilan risiko secara berhemat dan pembinaan penampan semasa keadaan baik. Tindakan ini dibuat supaya kejutan yang tidak dijangka semasa krisis boleh ditampung oleh sistem kewangan dan sistem tersebut dapat memainkan peranan timbal balas secara berkesan bagi menyokong pemulihan ekonomi. Bank akan terus memastikan rangka kerja kehematannya untuk institusi kewangan terus berkesan, dengan bidang tumpuan untuk tempoh selama lima tahun akan datang dihuraikan seperti yang di bawah.

Keperluan modal Basel III

Pembaharuan Basel III yang diperkenalkan berikutan berlakunya Krisis Kewangan Global Tahun 2008 penting dalam usaha menggalakkan daya tahan sistem perbankan global. Sejak beberapa tahun lalu, Malaysia telah melaksanakan sebahagian besar elemen utama pakej pembaharuan ini terutamanya keperluan modal minimum, nisbah leveraj dan standard mudah tunai.



Keutamaan Bank pada masa hadapan adalah untuk mengkaji semula dan melaksanakan pembaharuan Basel III yang berkaitan dengan pengiraan aset berwajaran risiko dengan memberikan tumpuan pada risiko kredit, risiko operasi, risiko kredit rakan niaga, pensekuritian dan dedahan kepada rakan niaga berpusat. Bank juga akan mengkaji semula dasar Had Dedahan Rakan Niaga Tunggal (Single Counterparty Exposure Limit, SCEL) untuk mengambil kira perkembangan standard antarabangsa mengenai dedahan besar yang berkaitan. Langkah ini termasuk potensi memperhalus had, skop cagaran yang layak dan olahan dedahan tertentu (contohnya kepada badan berdaulat, rakan niaga berpusat dan entiti dalam kumpulan).

Seperti amalan sedia ada, Bank akan mempertimbangkan dengan teliti aplikasi yang relevan dalam konteks Malaysia serta operasi institusi kewangan Malaysia yang berkembang di luar negara apabila menerapkan standard antarabangsa. Apabila perlu, Bank juga akan terus memastikan keperluan pengawalseliaan setara dengan risiko yang ada serta mempertimbangkan kesediaan operasi industri dan keperluan untuk pengaturan peralihan.

Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful (RBC/T)

Sejak pelaksanaan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful (Risk-Based Capital Framework for Insurers and Takaful Operators, RBC/T) pada tahun 2009 untuk penanggung insurans dan pada tahun 2014 untuk pengendali takaful, keadaan pasaran telah berkembang seiring dengan kemajuan dalam inovasi produk serta pengenalan model baharu bagi takaful dan juga kontrak Syariah. Langkah-langkah pengawalseliaan global yang baharu seperti Piawaian Modal Insurans Global Berasaskan Risiko (Risk-based Global Insurance Capital Standards, ICS) yang dibangunkan oleh IAIS turut membuka jalan ke arah penumpuan yang lebih besar terhadap standard kecukupan modal antarabangsa.

Selaras dengan perkembangan ini, Bank telah memulakan kajian semula ke atas RBC/T secara menyeluruh bagi memastikan keberkesanannya yang berterusan untuk bertindak balas terhadap risiko baharu dan risiko yang baru muncul, serta menyelaraskan amalan pengukuran di seluruh industri insurans dan takaful. Usaha ini akan membolehkan penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurance and takaful operators*, ITO) menyelaraskan strategi perniagaan mereka dan kekal berdaya saing. Secara amnya, Bank berhasrat untuk menyelaraskan RBC/T dengan ICS, baik dari segi reka bentuk rangka kerja mahupun garis masanya. Pada tahun-tahun mendatang, Bank juga akan melaksanakan cadangan penambahbaikan kepada RBC/T berdasarkan maklum balas industri, terutamanya dari aspek kesesuaian antara elemen reka bentuk umum rangka kerja ini dengan model perniagaan yang berbeza.

Kajian semula ini juga akan mempertimbangkan prinsip Syariah bagi menyokong keperluan pemindahan modal antara dana takaful, yang pada masa ini terhad untuk mencerminkan pemilikan dana individu yang berasingan. Pertimbangan ini akan termasuk *ta`awun* (saling membantu) bagi lebihan dalam sesuatu dana takaful tertentu, yang melebihi keperluan modal pada peringkat dana untuk kegunaan menyokong dana takaful lain.

Langkah-langkah AML/CFT

Sebagai pihak berkuasa berwibawa di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, AMLA), Bank kekal komited untuk memacu rejim AML/CFT negara yang kukuh. Bagi mencapai matlamat ini, Bank telah menerajui usaha untuk mewujudkan mekanisme dan inisiatif yang diperlukan untuk pencegahan, penyiasatan dan pendakwaan jenayah kewangan yang berkesan. Langkah-langkah ini dilaksanakan dengan kerjasama agensi penguatkuasaan undang-undang (*law enforcement agencies*, LEA) dalam negeri, institusi pelapor, unit perisikan kewangan asing, kumpulan serantau dan antarabangsa, serta pihak berkepentingan lain yang berkaitan.

Dalam hal ini, keutamaan jangka sederhana Bank untuk memelihara integriti sistem kewangan akan berlandaskan mekanisme kerjasama yang sedia ada, sambil menyasarkan pengurangan risiko ML/TF yang dikenal pasti dalam Penilaian Risiko Kebangsaan 2020 (National Risk Assessment 2020, NRA 2020)[1] baru-baru ini. Secara keseluruhan, strategi Bank akan berlandaskan pada tiga teras utama.

Pertama, usaha bersepadu akan dikaji untuk meningkatkan penyelarasan dengan lebih baik bagi mencegah, mengesan, merencatkan dan memusnahkan jenayah kewangan seawal mungkin. Usaha ini mengutamakan jenayah berisiko tinggi iaitu penipuan dan jenayah berunsur sindiket jenayah terancang. Hal ini termasuk pembangunan platform perkongsian maklumat antara institusi kewangan yang terlibat dengan LEA yang berkaitan bagi meminimakan kehilangan wang hasil daripada penipuan serta memanfaatkan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (National Anti-Financial Crime Centre, NFCC) bagi menjalankan risikan dan penyiasatan bersama yang memberikan tumpuan pada kumpulan jenayah terancang.



[1] NRA 2020 telah mengenal pasti bahawa sistem perbankan, perkhidmatan pengiriman wang dan instrumen pembayaran yang ditetapkan terus disalahgunakan untuk memudahkan kegiatan lima jenayah berisiko tinggi, iaitu penipuan, rasuah, penyeludupan, pengedaran dadah haram dan jenayah terancang. Hal ini diburukkan lagi dengan peningkatan pendigitalan dalam sektor kewangan serta urus niaga dalam negeri dan rentas sempadan yang pantas.

Kedua, Bank akan menyelidik dengan lebih mendalam untuk memahami dengan lebih jelas bidang risiko ML/TF yang lebih tinggi dan baru muncul, yang melibatkan sektor kewangan dan bukan kewangan, bagi menyediakan dasar dan panduan pengurangan risiko yang responsif kepada institusi pelapor. Antara lain, Bank akan memberikan tumpuan pada usaha menilai pemacu utama risiko ML/TF yang dikenal pasti dalam NRA 2020, seperti penggunaan aset dan teknologi maya yang semakin meningkat bagi memudahkan jenayah kewangan dan pendedahan yang berpunca daripada pendigitalan perkhidmatan kewangan atau perbankan digital. Penekanan juga akan diberikan kepada bidang-bidang berisiko tinggi yang lain, seperti penyalahgunaan syarikat pelindung atau syarikat tersedia (*shell or shelf companies*) atau perkhidmatan profesional.

Ketiga, sejajar dengan perkembangan serantau dan global, Bank akan menggalakkan inisiatif kolaboratif yang diterajui industri bagi memacu amalan yang lebih cekap dan mengukuhkan budaya pematuhan dalam industri. Inisiatif-inisiatif ini termasuk penerbitan panduan atau amalan terbaik AML/CFT yang didorong oleh sektor tertentu bagi menyelaraskan pelaksanaan langkah-langkah khusus, pembangunan pakar-pakar bidang yang berkelayakan atau diperakui secara profesional melalui program akreditasi atau program latihan kepada tenaga pengajar, serta pembangunan infrastruktur atau penyelesaian bersama bagi pemantauan dan perkongsian maklumat yang berkesan mengenai risiko ML/TF.

Pemetaan tanggungjawab

Bank akan memuktamadkan Rangka Kerja Pemetaan Tanggungjawab yang telah dicadangkan pada akhir tahun 2019 sebelum bermulanya pandemik. Sejajar dengan kepentingan hala tuju daripada pihak atasan, rangka kerja ini bertujuan untuk memastikan tanggungjawab terhadap fungsi utama, termasuk yang ditetapkan oleh undang-undang dan peraturan, diperuntukkan dengan jelas kepada individu pada peringkat pegawai kanan.

Dengan melaksanakan tadbir urus dan akauntabiliti individu dalam institusi kewangan, rangka kerja ini menyokong beberapa hasil penting. Hasil ini termasuk menyokong libat urus pengawalseliaan yang berkesan dengan lembaga pengarah mengenai operasi dan proses membuat keputusan institusi kewangan, mendorong keputusan yang lebih baik melalui insentif yang diperkukuh untuk tingkah laku serta budaya yang baik, dan membenarkan institusi menangani halangan yang boleh menyekat individu penting menjalankan tugas mereka dengan berkesan. Dalam jangka masa lebih panjang, transformasi dalaman ini amat perlu bagi meningkatkan kekukuhan kewangan jangka panjang industri dan seterusnya, keupayaan berterusan untuk memenuhi obligasi mereka dan juga keperluan pelanggan.

Pengurusan Risiko dalam Teknologi (RMiT)

Kadar perubahan yang pesat dalam landskap digital bermakna kehendak pengawalseliaan perlu berkembang seiring dengan perubahan ini supaya terus berkesan. Bank akan mengutamakan usaha memperhalusi dasar Pengurusan Risiko dalam Teknologi (Risk Management in Technology, RMiT) yang merupakan bahagian utama rangka kerja pengawalseliaan untuk pengurusan risiko teknologi. Usaha-usaha yang dijalankan ke atas RMiT ini khususnya akan berpandukan pada empat teras.

Pertama, Bank akan memastikan tumpuan penyeliaan yang lebih besar terhadap cara institusi kewangan menguruskan risiko daripada penyedia perkhidmatan pihak ketiga (*third party service providers*, TPSP). Aktiviti penyeliaan Bank akan memberikan tumpuan pada tadbir urus keseluruhan institusi kewangan, usaha wajar, pemantauan dan perlindungan data yang berterusan serta sama ada perlindungan setara dengan skop perkhidmatan yang disediakan dan kepentingan maklumat yang diproses oleh TPSP. Matlamatnya adalah untuk memastikan TPSP tidak menjadi 'pautan paling lemah' dalam rantaian bekalan. Bagi melengkapi usaha tersebut, Bank juga akan mendalami usaha menyokong inisiatif yang lebih luas bagi membangunkan standard lazim untuk TPSP berhubung dengan tadbir urus dan pengurusan risiko, selaras dengan kepentingan dalam kalangan TPSP untuk meningkatkan keyakinan terhadap kemantapan perkhidmatan mereka. Hal ini boleh melibatkan usaha memanfaatkan RMiT sebagai garis dasar bagi TPSP untuk membangunkan standard sedemikian.

Yang penting, tumpuan penyeliaan yang lebih mendalam dalam bidang ini akan menjadi pelengkap kepada strategi pendigitalan yang lebih luas dalam Pelan Sektor Kewangan ini, terutamanya mengenai pengawasan pengawalseliaan dan keselamatan siber (rujuk bab “Memajukan pendigitalan sektor kewangan”) yang menekankan keperluan untuk mempertimbangkan perimeter risiko yang semakin meluas, termasuk daripada peningkatan dalam kerjasama dengan TPSP.

Kedua, Bank akan memberikan lebih banyak panduan kepada industri mengenai pengurusan perkhidmatan awan. Bank akan mempertimbangkan pelbagai model yang bersesuaian untuk pengaturan pengawasan masa hadapan, dengan matlamat untuk mewujudkan jaminan bahawa penyedia perkhidmatan awan (*cloud service providers*, CSP) menangani risiko mereka dengan berkesan. Bagi tujuan ini, peserta industri perlu mengukuhkan keupayaan mereka dalam memahami operasi ini, terutamanya risiko yang terhasil terhadap institusi kewangan dan bukannya bergantung semata-mata pada CSP atau TPSP yang dilantik untuk pengetahuan dan kepakaran mereka tentang pengaturan berkaitan awan. Dalam hal ini, Bank menghendaki institusi kewangan mempunyai pelan hala tuju yang jelas semasa membina keupayaan dalaman.

Ketiga, Bank akan memberikan penelitian yang lebih rapi terhadap pelaksanaan infrastruktur 'ketersediaan tinggi'. Infrastruktur itu termasuk perkhidmatan kewangan dalam talian, yang mempunyai jangkaan wajar berkenaan gangguan minimum atau ketersediaan perkhidmatan yang berterusan oleh pelanggan dan rakan niaga. Oleh itu, mengekalkan tahap jangka waktu pengoperasian yang tinggi adalah sangat penting, terutamanya bagi mengekalkan keyakinan terhadap sektor kewangan. Memandangkan peserta industri mencapai kemajuan yang menggalakkan dalam hal ini, Bank akan sentiasa terbuka kepada pendekatan yang berbeza oleh institusi kewangan masing-masing untuk membina daya tahan operasi yang lebih mantap bagi infrastruktur 'ketersediaan tinggi' mereka.

Keempat, Bank akan mengkaji untuk membenarkan institusi kewangan bergantung pada fungsi risiko dalaman mereka untuk membuat penilaian risiko apabila infrastruktur dan amalan industri menjadi semakin matang. Ketika ini, penggunaan penyedia perkhidmatan luar untuk membuat penilaian bebas diperlukan dalam RMiT. Bank menghendaki institusi kewangan memanfaatkan pengaturan jaminan luar ini untuk membina keupayaan dalaman pengurusan risiko teknologi.

Perancangan pemulihan dan penyelesaian

Pada tahun-tahun kebelakangan ini, Bank telah bekerjasama dengan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) untuk mewujudkan rangka kerja dasar bagi melaksanakan rancangan pemulihan dan penyelesaian (*recovery and resolution planning*, RRP) untuk institusi kewangan di Malaysia yang berpandukan Key Attributes of Effective Resolution Regimes for Financial Institutions terbitan Financial Stability Board. Rangka kerja ini berfungsi untuk memastikan daya tahan sistem kewangan yang berterusan semasa tempoh tekanan dan mengelakkan episod kegagalan institusi kewangan yang boleh mengancam kestabilan kewangan.

Dengan penerbitan dasar Perancangan Pemulihan pada bulan Julai 2021, rancangan pemulihan di Malaysia akan dilaksanakan secara berperingkat. Bagi jangka waktu terdekat, Bank akan memberikan tumpuan pada institusi kewangan di bawah fasa pertama pelaksanaan rancangan ini. Serahan pertama daripada bank-bank mengenai rancangan pemulihan mereka dijangkakan pada tahun 2023. Rancangan pemulihan ini akan menjadi titik permulaan penting bagi menyokong penilaian penyelesaian dan pelan penyelesaian PIDM.



Teras Strategik

44 **Membiayai transformasi ekonomi Malaysia**

60 **Meningkatkan kesejahteraan kewangan isi rumah dan perniagaan**

78 **Memajukan pendigitalan dalam sektor kewangan**
Rencana:
Mata wang digital: Sempadan baharu

102 **Meletakkan sistem kewangan pada kedudukan yang memudahkan peralihan secara teratur kepada ekonomi lebih lestari**

116 **Membangunkan kewangan berasaskan nilai melalui kepimpinan dalam kewangan Islam**
Rencana:
Kewangan sosial sebagai pendorong pembangunan sosial di Malaysia

Teras Strategik 1

Membiayai transformasi ekonomi Malaysia

Malaysia meneruskan transformasinya untuk menjadi ekonomi yang berpendapatan tinggi dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Oleh itu, satu ekosistem pendanaan yang memberangsangkan dan berdaya tahan adalah penting. Sektor kewangan perlu memberikan tumpuan pada usaha menyediakan sokongan yang berterusan dalam melaksanakan pemulihan yang mampan untuk tempoh terdekat. Di samping itu, landskap pembiayaan dan pelaburan perlu berkembang supaya dapat menyokong model pertumbuhan ekonomi yang dinamik yang diterajui oleh nilai inovasi, dengan syarikat berproduktiviti tinggi dan berdaya saing pada peringkat antarabangsa.

Bagi tujuan ini, Bank akan melaksanakan tiga strategi (lihat Gambar Rajah 1 untuk gambaran keseluruhan):

Gambar Rajah 1:
Membiayai transformasi ekonomi Malaysia



A

Mengekalkan pemulihan ekonomi yang kukuh

- Memperkukuh langkah-langkah kitaran balas supaya akses kepada pembiayaan berterusan
- Menyediakan langkah-langkah sokongan kepada peminjam yang menghadapi kesukaran menguruskan beban hutang
- Memberikan peluang kedua kepada peminjam yang tidak berdaya maju



B

Memudahkan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi

- Meneruskan dan mengembangkan ekosistem kewangan alternatif dan infrastruktur sokongannya
- Memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan dan kerjasama untuk menggalakkan pembangunan kewangan bukan hutang
- Memperteguh ekosistem kewangan bagi pertumbuhan yang mampan dan inklusif untuk perusahaan mikro



C

Memastikan peranan pengantaraan kewangan berdaya tahan selepas pandemik

- Memelihara keupayaan pendanaan dalam jangka panjang
- Memperkukuh pasaran kewangan yang memberangsangkan dan berdaya tahan untuk bertindak sebagai penyerap risiko

Strategi 1A
Mengekalkan pemulihan ekonomi yang kukuh

Pemulihan yang cepat dan teguh daripada pandemik adalah sangat penting. Walaupun keadaan ekonomi bertambah baik, kemajuan mungkin tidak sekata, dengan kehidupan dan sumber pendapatan rakyat Malaysia barangkali terus berada dalam keadaan yang mencabar.

Sektor kewangan mempunyai keupayaan untuk terus menyokong pemulihan ekonomi yang lebih luas, khususnya, isi rumah dan perniagaan yang terjejas. Tumpuan strategi Bank adalah untuk memastikan peminjam yang berdaya maju terus mendapat akses kepada kewangan, dan pada masa yang sama membantu peminjam yang tidak berdaya maju mendapatkan pengaturan penyelesaian yang teratur. Dalam mempertimbangkan strategi-strategi ini, Bank juga akan mendukung prinsip kewangan berasaskan nilai, iaitu menggabungkan objektif keuntungan dengan tanggungjawab sosial bagi mewujudkan impak positif kepada ekonomi, masyarakat dan alam sekitar.

Bagi tujuan ini, Bank akan melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

i. Memperkukuh langkah-langkah kitaran balas supaya akses kepada pembiayaan berterusan;
ii. Menyediakan langkah-langkah sokongan kepada peminjam yang menghadapi kesukaran menguruskan beban hutang; dan
iii. Memberikan peluang kedua kepada peminjam yang tidak berdaya maju.



i Memperkukuh langkah-langkah kitaran balas supaya akses kepada pembiayaan berterusan

- Bank akan mengkaji semula **ekosistem jaminan kredit**, jika perlu, untuk memastikan ekosistem tersebut menyokong pembiayaan. Situasi pandemik telah menekankan kepentingan kemudahan jaminan bagi memastikan kelangsungan pemberian pinjaman dalam keadaan yang tidak menentu. Bank akan bekerjasama dengan industri dan Kerajaan untuk memperluas keupayaan penyedia jaminan, termasuk CGC dan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP), untuk menyokong keperluan pembiayaan yang berkembang bagi segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Ini termasuk menyokong syarikat bersaiz sederhana untuk membuat pelaburan yang boleh meningkatkan kapasiti produktif, serta memberikan kredit yang telah ditambah baik untuk pelanggan baharu bank dan syarikat-syarikat inovatif dalam sektor pertumbuhan tinggi. Seterusnya, Bank akan mempertimbangkan untuk membuat penyelarasan ke atas mandat, kesanggupan mengambil risiko dan ciri-ciri produk setiap penyedia jaminan mengikut keperluan segmen sasaran mereka. Langkah ini adalah untuk menangani sebarang lebihan dan pertindihan dalam ekosistem jaminan.

- Bank akan menyasarkan untuk menangani keperluan industri terhadap **data berpandangan ke hadapan (*forward-looking data*)** dan data alternatif untuk menambah baik pembiayaan kepada segmen-segmen sasaran, terutamanya kepada mereka yang mempunyai rekod kredit yang terhad. Keadaan yang luar biasa dan langkah-langkah sokongan dasar semasa pandemik telah menjejaskan dengan ketara kebolehpercayaan maklumat kredit dan bukan kredit terdahulu dalam menyediakan prospek risiko. Selain itu, tumpuan semata-mata pada data terdahulu juga menyukarkan peminjam yang tidak mempunyai sejarah kredit untuk mendapatkan pembiayaan. Bagi menangani perkara ini, Bank akan memudahkan akses bank-bank kepada **rangkaian sumber data yang lebih meluas mengenai peminjam**, seperti maklumat pembayaran masa nyata dan instrumen analisis. Hal ini bagi membolehkan bank-bank mendapatkan pandangan yang lebih menyeluruh dan boleh diramal mengenai kapasiti kredit dan kualiti peminjam. Selain memanfaatkan maklumat transaksi, Bank juga akan bekerjasama dengan industri untuk meneroka aplikasi model dan instrumen tingkah laku yang lebih luas, seperti penilaian psikometrik, untuk menyokong pengunderaitan kredit. Bagi memacu semua usaha ini, Bank akan memudahkan pelaksanaan standard bersama untuk membolehkan pertukaran data dalam dan luar sektor kewangan. Bank juga akan mengukuhkan rangka kerja tadbir urus data digital bagi memastikan penggunaan data yang bertanggungjawab dan beretika, termasuk melalui perlindungan yang sesuai seperti rangka kerja keizinan.

- Bank akan mengukuhkan peranan institusi kewangan pembangunan (IKP) untuk **merapatkan jurang pembiayaan** bagi sektor-sektor ekonomi yang strategik dan segmen-segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan melalui langkah-langkah yang berikut:

  - Pertama, Bank akan bekerjasama rapat dengan Kerajaan bagi menyiapkan **penstrukturan semula industri IKP** berjaya disiapkan. Pembaharuan berbilang tahun yang diumumkan pada tahun 2019 ini akan menyaksikan penyatuan industri yang didorong oleh dua matlamat utama. Pertama, pembaharuan tersebut akan memperkenalkan struktur tadbir urus yang teguh dan mantap bagi mengukuhkan akauntabiliti dan ketelusan IKP sebagai institusi awam serta memastikan pelaksanaan mandat masing-masing dengan berkesan. Penstrukturan semula ini juga bertujuan untuk mewujudkan IKP dengan skala ekonomi yang lebih besar dan kepelbagaian portfolio yang lebih meluas untuk mengurus risiko dengan lebih baik. Hal ini akan membolehkan peruntukan modal dan sumber yang lebih cekap bagi membiayai segmen-segmen sasaran utama dan sejajar dengan keutamaan pembangunan negara, termasuk bidang pertumbuhan yang dikenal pasti di bawah RMKe-12.

  - Kedua, Bank akan terus melaksanakan **rangka kerja pengukuran prestasi** untuk IKP yang dimulakan pada tahun 2018. Dalam rangka kerja ini, penunjuk keputusan utama yang berorientasikan pembangunan merupakan

sebahagian daripada penilaian penyeliaan Bank untuk menggambarkan impak sosioekonomi operasi IKP dengan lebih baik. Contoh penunjuk sedemikian termasuk jumlah pembiayaan yang diluluskan kepada peminjam kali pertama, pekerjaan baharu yang diwujudkan melalui projek yang dibiayai, dan dana yang dijana daripada sektor swasta untuk segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan atau segmen pertumbuhan baharu. Yang penting, penunjuk keputusan utama ini adalah bersifat dinamik dan dijangka berubah dari semasa ke semasa selaras dengan keutamaan ekonomi pada masa itu serta bidang tumpuan IKP. Sebagai institusi awam, IKP perlu terus menambah baik kaedah mereka melaporkan sumbangan mereka terhadap ekonomi, sebagai sebahagian daripada komitmen yang berterusan untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam melaksanakan mandat mereka. Hal ini akan menggalakkan pasaran yang lebih cekap dalam peruntukan sumber ekonomi bagi mengoptimumkan potensi pertumbuhan Malaysia.

ii Menyediakan langkah-langkah sokongan kepada peminjam yang menghadapi kesukaran menguruskan beban hutang

- Bank akan membantu menyediakan **sokongan bersasar kepada segmen yang mudah terjejas** yang memerlukan lebih masa untuk pulih daripada masalah aliran tunai. Hal ini penting bagi meminimumkan impak negatif yang berkekalan akibat pandemik. Bank mengakui bahawa segmen tertentu yang mudah terjejas, merangkumi individu dan perniagaan, mungkin memerlukan bantuan bayaran balik jangka panjang untuk memenuhi obligasi pembiayaan mereka. Bagi menyokong kumpulan ini, Bank akan bekerjasama dengan AKPK dan bank-bank untuk memastikan pelaksanaan langkah bantuan bayaran balik yang berkesan di bawah Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (URUS) dan Skim Sokongan Daya Tahan Kewangan (PERTAMA). Di bawah program-program ini, peminjam yang layak dan terkesan akibat pandemik daripada segmen B50[1] yang mudah terjejas, termasuk individu dan perusahaan mikro, boleh memohon bantuan lanjut bayaran balik pinjaman. Bagi URUS, bank-bank secara kolektif telah memperuntukkan RM1 bilion bagi membiayai kos pengurangan faedah/keuntungan untuk pelaksanaan program. Pada masa yang sama, Bank akan terus menjalin kerjasama dengan industri kewangan dan AKPK bagi mengukuhkan lagi ekosistem pembiayaan untuk PKS yang mudah terjejas. Dalam hal ini, Bank akan memastikan akses berterusan untuk mendapatkan maklumat, nasihat kewangan dan bantuan penyelesaian melalui saluran yang berkesan. Bank juga akan meningkatkan usaha jangkauan dan libat urus untuk menangani keperluan serta meningkatkan kekukuhan kewangan keseluruhan perniagaan yang mudah terjejas.

- Bank akan menggalakkan tawaran **penyelesaian kewangan campuran *(blended finance)*** sebagai pemangkin kepada pemulihan perniagaan-perniagaan yang terjejas. Instrumen kewangan campuran menggabungkan sumber-sumber dana yang berbeza, seperti dana dermawan (*philanthropic funds*) dan pembiayaan bank tradisional, bagi mengurangkan kos pembiayaan syarikat dan mengurangkan leveraj. Bank mengambil maklum bahawa sesetengah bank telah pun bekerjasama dengan penyedia kewangan ekuiti untuk merintis skim kewangan campuran. Pada masa hadapan, Bank akan bekerjasama dengan industri kewangan dan pihak berkepentingan lain untuk meningkatkan lagi tawaran penyelesaian seperti ini. Bank juga akan menyediakan pendanaan konsesi khas supaya bank-bank dapat memanfaatkan dan meningkatkan tawaran penyelesaian kewangan campuran.

[1] Peminjam dengan pendapatan isi rumah kasar sebanyak RM5,880 atau lebih rendah, berdasarkan takrifan Jabatan Perangkaan Malaysia.

iii Memberikan peluang kedua kepada peminjam yang tidak berdaya maju

Sokongan terhadap pemulihan ekonomi yang menyeluruh tidak terhad pada usaha membantu peminjam yang berdaya maju untuk bertahan. Usaha ini juga termasuk melaksanakan dasar bagi membantu peminjam yang tidak berdaya maju menerusi strategi keluar yang cekap dan teratur, sambil memastikan hak mereka dilindungi dengan sewajarnya

- Bank akan bekerjasama rapat dengan industri perbankan, AKPK, Jabatan Insolvensi Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk menyokong usaha memudahkan **rejim insolvensi bagi PKS**, terutamanya perusahaan mikro. Pendekatan yang bersasar ini mencerminkan pemerhatian utama semasa pandemik, yang menunjukkan perusahaan mikro merupakan penyumbang kepada sebahagian besar penutupan perniagaan di Malaysia[2]. Penambahbaikan kepada rangka kerja insolvensi semasa diperlukan bagi mengurangkan masa dan kos keseluruhan untuk menyelesaikan prosiding insolvensi, yang mungkin memberikan kesan yang tidak wajar kepada perusahaan mikro. Sebagai sebahagian daripada proses tersebut, Bank akan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi keusahawanan dengan memudahkan dan mengurangkan kos untuk PKS keluar dan memulakan semula usaha niaga. Hal ini juga akan membolehkan pemberi pinjaman untuk mempercepat usaha menggembleng dan melabur semula baki dana perniagaan, seperti melalui pelupusan aset yang selebihnya, ke dalam usaha niaga dan projek baharu.

- Bank akan memantapkan rangka kerja pengawalseliaan yang mengawal **penjualan dan pembelian pembiayaan terjejas**. Bank akan berusaha untuk menghapuskan keperluan had ekuiti asing sedia ada untuk pembeli bagi menarik penyertaan yang lebih besar ke dalam pasaran, terutamanya daripada peserta antarabangsa yang mapan. Dengan pasaran pembeli yang lebih pelbagai, bank-bank akan dapat menguruskan pembiayaan terjejas dengan cara yang lebih cekap. Inisiatif ini akan terus tertakluk pada syarat-syarat yang melindungi hak peminjam terjejas dengan sewajarnya dan mengekalkan peluang yang adil untuk mereka menyelesaikan hutang mereka. Pembeli pembiayaan terjejas bukan bank akan dikehendaki memenuhi kriteria kelayakan tertentu, contohnya, bukti rekod prestasi amalan pemulihan hutang yang adil. Semua pembeli juga mestilah mematuhi keperluan amalan yang ketat setelah membeli pembiayaan terjejas.

Strategi 1B
Memudahkan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi


Untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi, Malaysia perlu mempunyai sektor swasta yang memberangsangkan dan inovatif, yang boleh bertindak balas terhadap cabaran dan merebut peluang pertumbuhan baharu. Oleh itu, negara perlu memupuk syarikat yang lebih berteraskan pengetahuan, inovasi dan teknologi. Pada peringkat kebangsaan, usaha telah dibuat untuk melaksanakan pembaharuan yang berani dan komprehensif dalam bidang ini, seperti yang dilihat melalui penggunaan dasar NIA pada tahun 2021. NIA, yang kini menjadi asas dasar pelaburan Malaysia, dijangka memacu pertumbuhan jangka panjang negara dengan membina keupayaan inovasi serta menarik pelaburan berkualiti dan mampan ke dalam bidang pertumbuhan baharu. Hal ini seterusnya menggalakkan pewujudan pekerjaan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan mengukuhkan jalinan dalam negeri.

[2] Menurut Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives, MEDAC) pada bulan September 2021, lebih 37,000 perniagaan Malaysia telah ditutup sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pada tahun 2020 dan daripada jumlah itu, lebih 26,000 atau hampir 70% terdiri daripada perusahaan mikro.


Secara umumnya, pembiayaan berasaskan hutang tradisional yang dibiayai daripada deposit bank lebih sesuai untuk syarikat-syarikat dengan bayaran balik berkala dan risiko yang difahami dengan baik. Walau bagaimanapun, kebergantungan pada jenis pembiayaan ini sahaja mungkin tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan yang pelbagai merentas kitaran hayat pendanaan syarikat pertumbuhan. Hal ini berlaku terutamanya untuk syarikat yang inovatif dan terlibat dalam usaha niaga pertumbuhan baharu atau proses transformasi perniagaan. Sebagai contoh, syarikat sedemikian mungkin beroperasi dalam industri yang baru muncul dan mungkin kekurangan sejarah kredit yang terbukti atau aliran hasil yang boleh dijangka. Profil syarikat sedemikian selalunya bersifat 'mudah pindah keupayaan dan sumber' (*asset light*), iaitu mereka melabur lebih banyak dalam harta intelek (*intellectual property, IP*) dan perisian, berbanding dengan aset nyata yang selalunya digunakan sebagai cagaran untuk pembiayaan daripada bank.

Bank juga ambil maklum akan risiko jangka panjang terhadap sistem kewangan yang mungkin wujud daripada ekosistem kewangan alternatif yang kurang berkembang, terutamanya peningkatan kebergantungan dan penumpuan pembiayaan dalam sistem perbankan. Hal ini boleh membawa kepada leveraj korporat yang tidak mampan dan pengambilan risiko berlebihan oleh bank-bank yang boleh menimbulkan implikasi sistemik.

Pada masa hadapan, akses yang lebih meluas kepada pelbagai instrumen pendanaan adalah penting untuk menyokong pertumbuhan syarikat sedemikian dan menggalakkan kestabilan kewangan jangka panjang. Penyelesaian kewangan alternatif, termasuk instrumen berasaskan hutang dan ekuiti, akan memainkan peranan penting dalam menyokong pembiayaan berasaskan hutang yang diterajui bank untuk mendanai ekonomi merentas kitaran hayat perniagaan syarikat. Instrumen ini termasuk struktur kuasi-ekuiti, kewangan bersandarkan aset, aplikasi penyelesaian pembiayaan berasaskan perdagangan yang diperluaskan, aplikasi penyelesaian pembiayaan berasaskan perdagangan yang diperluaskan, pemerolehan dana berasaskan ekuiti melalui internet *(equity crowd funding*, ECF), dan pinjaman dari rakan ke rakan (*peer-to-peer, P2P*), pembiayaan modal usaha niaga (VC) dan pelaburan ekuiti melalui pelabur tidak formal (*angel investors*).




Gambar Rajah 2:
Sumber pendanaan yang tersedia untuk perniagaan mengikut peringkat perkembangan



Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti

Rajah 1:
Pasaran kewangan alternatif[1] Malaysia kekal kecil, berbanding pasaran setara serantau dan pasaran maju



Data adalah daripada 2018

[1] Kewangan alternatif dalam carta ini merangkumi pembiayaan pajakan dan pemfaktoran yang disediakan oleh pihak bank dan bukan bank, modal usaha niaga, ekuiti swasta, pinjaman P2P and ECF


Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Organisation for Economic Co-operation and Development

Memandangkan pertumbuhan ekosistem kewangan alternatif memerlukan kerjasama dan komitmen yang erat merentas pihak berkepentingan yang berkaitan, Bank akan terus bekerjasama secara aktif dengan SC dan rakan kongsi ekosistem lain yang relevan, serta peserta industri.

Bank juga akan mengkaji semula landskap pembiayaan mikro bagi membantu syarikat-syarikat yang lebih kecil untuk terus pulih daripada pandemik melalui peluang penjanaan pendapatan yang lebih besar.

Bagi tujuan ini, Bank akan melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

i. Meneruskan dan mengembangkan ekosistem kewangan alternatif dan infrastruktur sokongannya;
ii. Memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan dan kerjasama untuk menggalakkan pembangunan kewangan bukan hutang; dan
iii. Memperteguh ekosistem kewangan bagi pertumbuhan yang mampan dan inklusif untuk perusahaan mikro.



Selain pembiayaan bank berasaskan hutang yang tradisional, sumber dan instrumen pembiayaan alternatif yang lebih pelbagai diperlukan bagi memenuhi keperluan syarikat yang dinamik

i Meneruskan dan mengembangkan ekosistem kewangan alternatif dan infrastruktur sokongannya

- Bank akan menggalakkan institusi kewangan meneroka **kewangan sosial** dalam model perniagaan mereka. Kewangan sosial merujuk model perniagaan kewangan yang memberikan tumpuan pada hasil sosial dan menggunakan instrumen yang diiktiraf, seperti derma dan wakaf tunai, untuk menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan serta menjana pendapatan yang mampan kepada penerima. Kewangan sosial dijangkakan dapat meningkatkan daya tahan masyarakat melalui peruntukan dana serta perlindungan kewangan yang mampu dibayar balik dan boleh diakses. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kewangan sosial telah diperkenalkan ke dalam pasaran melalui penggabungan modal dermawan (*philanthropic capital*) dengan sumber-sumber dana yang lain. Hal ini membolehkan penghasilan produk kewangan yang mempunyai ciri-ciri seperti kos pembiayaan yang lebih rendah dan syarat bayaran balik yang fleksibel bagi meningkatkan akses kepada pembiayaan dan perlindungan untuk usahawan mikro dan isi rumah. Berdasarkan perkembangan setakat ini, Bank akan meluaskan penggunaan penyelesaian sedemikian bagi menangani keperluan sosioekonomi yang lain, seperti perumahan dan penjagaan kesihatan yang mampu diperoleh. Dalam hal ini, Bank akan terus menyesuaikan rangka kerja pengawalseliaan untuk memenuhi objektif kestabilan kewangan, di samping terus menggalakkan kewangan yang inovatif dan bertanggungjawab dari segi sosial.

- Bank akan menyokong dan meningkatkan **infrastruktur** baharu dan sedia ada yang menyediakan asas yang diperlukan untuk mempercepat pertumbuhan ekosistem kewangan alternatif:

- Pertama, Bank akan terus bekerjasama rapat dengan agensi berkaitan, termasuk SSM, untuk menyokong usaha meluaskan asas cagaran bagi pembiayaan PKS, termasuk melalui pewujudan **daftar cagaran berpusat (*centralised collateral registry*)**. Daftar ini diharap dapat menjadi pusat pendaftaran sehenti bagi semua kepentingan bercagar dalam aset, termasuk harta alih dan IP, supaya diterima pakai sebagai cagaran, yang seterusnya menyokong penilaian kredit yang lebih dipercayai. Dengan ketelusan yang lebih tinggi, penyedia kewangan akan dapat menapis kepentingan cagaran yang bersaing bagi aset tertentu sebelum memberikan pembiayaan. Hal ini akan mengurangkan insiden pertikaian mengenai hak ke atas harta. Dengan akses kepada cagaran yang lebih berwibawa dan boleh dipercayai, PKS akan mendapat manfaat kerana mereka boleh memaksimumkan nilai aset yang nyata dan tidak nyata untuk mendapatkan pembiayaan tambahan.

- Kedua, Bank akan bekerjasama dengan CGC untuk meningkatkan lagi liputan dan keberkesanan **rujukan kepada pembiayaan alternatif melalui platform imSME**. Platform imSME merupakan platform pembiayaan dan rujukan pinjaman PKS dalam talian yang membuat padanan antara PKS dengan penyedia pembiayaan, termasuk pemberi pinjaman kewangan alternatif. Sejak beberapa tahun kebelakangan, platform ini telah menyaksikan peningkatan penyertaan daripada pelbagai peserta kewangan alternatif, termasuk penyedia pemfaktoran, dana VC, ECF dan syarikat P2P. Bagi meningkatkan lagi keluasan dan kedalaman penyedia kewangan di platform imSME, Bank akan mewajibkan PKS yang tidak layak untuk pembiayaan bank dirujuk kepada pembiaya alternatif. Dengan langkah ini, Bank berharap kesedaran dan penggunaan kewangan alternatif dalam kalangan PKS akan meningkat dengan kadar lebih cepat.

- Bank akan terus memainkan peranan untuk **memberikan khidmat nasihat dan memaklumkan dasar Kerajaan** dalam usaha memajukan pembangunan kewangan alternatif, termasuk dalam bidang-bidang yang berikut:

  - Mengkaji semula **rangka kerja percukaian** untuk instrumen kewangan alternatif. Bank akan bekerjasama dengan agensi dan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk mengkaji kesan reka bentuk dasar cukai korporat sedia ada ke atas instrumen-instrumen berasaskan hutang dan ekuiti. Melalui kajian ini, Bank meletakkan sasaran untuk beralih ke arah rejim cukai yang lebih saksama bagi kewangan hutang dan ekuiti yang akan menggalakkan pertumbuhan kewangan alternatif. Bank berpandangan bahawa kajian sedemikian adalah tepat pada masanya, memandangkan kecenderungan semasa ke arah kewangan hutang susulan rangka kerja cukai sedia ada, boleh meningkatkan risiko kepada kestabilan makroekonomi. Pada masa yang sama, kecenderungan terhadap kewangan hutang juga boleh menyebabkan diskriminasi yang tidak sewajarnya kepada syarikat inovatif yang mungkin lebih sesuai untuk pembiayaan ekuiti.

    Selain itu, Bank juga akan membantu mamajukan rejim cukai yang lebih kondusif untuk penyedia pajakan. Di bawah peraturan sedia ada, aktiviti pemajakan dianggap sebagai sumber perniagaan yang berbeza dan berasingan. Hal ini menyebabkan beban cukai yang lebih tinggi ke atas syarikat pemajakan, lantas menghalang pertumbuhan pasaran tersebut. Melalui pindaan yang berkaitan ke atas perundangan sedia ada, beban cukai ini mampu dikurangkan. Usaha ini seterusnya akan menggalakkan penggunaan pajakan dalam kalangan PKS, terutamanya untuk pemerolehan mesin dan peralatan.


  - Menyokong **syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (*goverment-linked investment companies*, GLICs) dan IKP** dalam usaha mempercepatkan pembangunan ekosistem kewangan alternatif yang menyeluruh. Khususnya, terdapat peluang untuk GLICs untuk menjadi pelengkap kepada pembiayaan bank melalui meningkatkan tumpuan mereka pada pelaburan pembangunan dan pemangkin, sama ada secara langsung melalui pemegangan dalam ekuiti swasta domestik, atau secara tidak langsung melalui pelaburan dalam ekuiti atau platform P2P. Di samping itu, kajian[3] menunjukkan bahawa penyertaan pelabur

[3] Sumber: Cambridge Centre for Alternative Finance (2021): "The 2nd Global Alternative Finance Market Benchmarking Report".

institusi, seperti GLICs, memainkan peranan penting dalam pertumbuhan sektor kewangan alternatif bagi mencapai skala pasaran yang sewajarnya. Pada masa hadapan, Bank akan menyokong dasar yang memudahkan penglibatan GLICs dan IKP dalam kewangan alternatif, dan pada masa yang sama membolehkan mereka terus memenuhi mandat pelaburan dan pembiayaan mereka yang sedia ada.

- Penggunaan instrumen pembiayaan berasaskan perdagangan yang lebih meluas, termasuk **program pembiayaan rantaian bekalan**, sebagai satu bentuk pembiayaan alternatif untuk pembeli korporat besar dan vendor mereka yang layak. Program sedemikian membolehkan vendor ini, yang selalunya terdiri daripada PKS, menerima bayaran segera untuk barangan dan perkhidmatan yang dibekalkan kepada pembeli, melalui penjualan invois kepada institusi kewangan. Dengan proses pengurusan aliran tunai yang lebih berkesan, vendor kecil boleh mengukuhkan daya tahan dan prospek pertumbuhan mereka. Bank juga akan menyokong usaha korporat untuk bekerjasama dengan sektor kewangan bagi menggalakkan reka bentuk dan tawaran penyelesaian kewangan rantaian bekalan kepada vendor mereka.

Gambar Rajah 3:
Proses permohonan pembiayaan yang lancar melalui platform dalam talian imSME dengan pelbagai pilihan penyedia pembiayaan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 4:
Keperluan ekosistem untuk membangunkan pembiayaan alternatif

Syarikat yang boleh dilabur	Pengantara	Pelabur
Secara relatif, skala PKS tempatan masih kecil - risiko pulangan tidak sepadan dengan mandat pelaburan pelabur institusi besar	*Keperluan terhadap pengantaraan yang lebih meluas - penglibatan pengantara yang lebih banyak dengan jumlah yang besar*	*Kumpulan pelabur yang terhad – tidak sanggup mengambil risiko, dan penyertaan terhad daripada institusi besar*

Infrastruktur maklumat

Peluang untuk menambah baik ketelusan maklumat dan mengurangkan maklumat yang tidak simetri

Tenaga mahir

Kumpulan tenaga mahir yang terhad dalam bidang pembiayaan alternatif yang baru muncul, khususnya VC dan ekuiti swasta – lebih usaha bersepadu diperlukan untuk memupuk dan mengembangkan tenaga mahir tempatan

Insentif bersasar

Penjajaran yang lebih baik dan pelaksanaan insentif yang lebih berkesan bagi memudahkan tingkah laku yang diperlukan dalam ekosistem

Sumber: Bank Negara Malaysia



ii Memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan dan kerjasama untuk menggalakkan pembangunan kewangan bukan hutang

- Bank akan meneroka langkah-langkah untuk memudahkan bank-bank menawarkan **penyelesaian kewangan bukan berasaskan hutang**, termasuk melalui penyediaan penyelesaian berasaskan ekuiti dan melalui perkongsian dengan penyedia kewangan bukan berasaskan hutang yang lain. Bank mengalu-alukan minat industri untuk menawarkan penyelesaian sedemikian dan akan bekerjasama rapat dengan industri dan pihak berkepentingan yang berkaitan bagi menangani dua cabaran sedia ada yang dihadapi oleh bank-bank:
  - Pertama, Bank akan memastikan **rangka kerja pengawalseliaan** Bank tidak menimbulkan halangan yang tidak wajar untuk penyertaan bank-bank dalam kewangan bukan hutang. Oleh itu, Bank akan mengkaji semula aspek berkaitan rangka kerja kawal selia bagi menyokong penyertaan bank-bank secara produktif dan berkesan, yang terus konsisten dengan natijah kestabilan kewangan.
  - Kedua, Bank akan menyokong industri perbankan untuk **bekerjasama secara aktif dengan peserta industri dalam ekosistem perniagaan permulaan**, melalui pendanaan formal dan pengembangan program inkubasi dan pemangkin (*accelerator programmes*). Melalui kerjasama yang lebih erat dengan peserta industri, bank-bank akan dapat meningkatkan pemahaman mereka tentang bidang pertumbuhan baharu dan memudahkan penilaian yang lebih tepat terhadap profil risiko syarikat dalam sektor ini. Sebagai contoh, di Amerika Syarikat (AS), Kesatuan Eropah dan Singapura, bank-bank telah bekerjasama dengan pelabur institusi untuk menyediakan penyelesaian hutang usaha niaga (*venture debt solutions*) bagi syarikat sebagai cara untuk usahawan pengasas memperoleh dana tanpa perlu menjual ekuiti saham.
- Bank akan bekerjasama rapat dengan SC untuk meningkatkan usaha membangunkan **ekosistem pendanaan domestik yang komprehensif**. Memandangkan tawaran kewangan bukan berasaskan hutang sering melibatkan institusi kewangan dan pengantara pasaran modal, Bank komited untuk memastikan usahanya dan SC dalam bidang ini diselaraskan dengan strategik. Untuk mencapai matlamat ini, Bank akan mewujudkan suatu platform antara agensi yang khusus, bersama-sama peserta industri, untuk menyelaras dan menerajui pembangunan pasaran kewangan alternatif.

> Bank akan bekerjasama rapat dengan pengawal selia dan peserta industri lain bagi memastikan pembangunan pasaran kewangan alternatif yang menyeluruh

iii Memperkukuh ekosistem kewangan untuk perusahaan mikro bagi mencapai pertumbuhan yang mampan dan inklusif

- Bank akan mengkaji semula dan menambah baik ekosistem pembiayaan mikro, termasuk **Skim Pembiayaan Mikro (SPM)**. SPM ialah skim yang membolehkan akses cepat dan mudah kepada pembiayaan perniagaan sehingga RM50,000 tanpa cagaran daripada bank peserta. Sejak SPM diperkenalkan pada tahun 2006, landskap kewangan mikro telah berkembang pesat. Sebelum tahun 2006, hanya Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) yang menyediakan pembiayaan mikro. Setakat tahun 2021, sebanyak 11 bank menawarkan pembiayaan mikro melalui SPM. Pasaran ini juga kini lebih berdaya saing dengan kemasukan peserta baharu, seperti pemberi pinjaman wang digital, yang boleh memberikan tawaran nilai yang menarik kepada perusahaan mikro. Berikutan perkembangan ini, Bank akan memulakan kajian semula yang menyeluruh ke atas SPM bagi memastikan SPM kekal sebagai alat pembiayaan yang relevan dan berkesan. Hal ini termasuk penilaian ke atas ciri-ciri SPM yang sedia ada dan jurang akses, seperti untuk pekerja tidak formal dan pekerja sambilan (*gig workers*). Pada masa yang sama, kerjasama dengan CGC dan SJPP juga akan diperkukuh bagi meningkatkan lagi akses usahawan mikro kepada pembiayaan, termasuk melalui penubuhan skim jaminan portfolio yang dipermudahkan.

- Bank juga akan menyokong **program yang melangkaui penyelesaian kewangan** untuk membantu perusahaan mikro bergerak lebih tinggi dalam rantaian nilai. Tumpuan akan diberikan pada usaha meningkatkan pemformalan perniagaan melalui prosedur pendaftaran masuk yang ringkas, mudah dan lancar, memudahkan proses memadankan perniagaan melalui platform penawaran dan permintaan, membina daya tahan perusahaan mikro dan seterusnya menaikkan taraf perniagaan mikro untuk menjadi perusahaan yang lebih besar dan boleh memanfaatkan pelbagai produk yang ditawarkan dalam sistem kewangan. Program-program ini akan dipelopori melalui penubuhan modul pendidikan kewangan dan program bina upaya berstruktur, seperti bimbingan dan bantuan khidmat nasihat perniagaan, oleh AKPK dan FEN.



Strategi 1C
Memastikan peranan pengantaraan kewangan berdaya tahan selepas pandemik

Asas institusi dan pasaran kewangan Malaysia yang kukuh telah bertindak sebagai penyerap kejutan bagi ekonomi, dengan memastikan perniagaan dan isi rumah terus mendapat akses kepada kewangan walaupun dalam keadaan ekonomi yang mencabar.

Strategi Bank akan disasarkan ke arah memastikan fungsi pengantaraan kewangan terus berdaya tahan dan berkesan pada masa hadapan. Dalam meneruskan usaha ini, Bank akan merujuk iktibar yang diperoleh semasa menguruskan krisis pada masa lalu. Selain itu, Bank juga akan menggalakkan penggunaan produk insurans dan takaful yang lebih baik, serta meningkatkan pengaturan penyeliaan terhadap entiti utama yang menyediakan kewangan.

Memandangkan keadaan dalam pasaran kewangan dijangka kekal mencabar pada masa hadapan, Bank akan terus memastikan mudah tunai yang mencukupi dan keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran asing dan wang. Bank juga meletakkan sasaran untuk memastikan pasaran kewangan tidak meningkatkan risiko terhadap kestabilan kewangan, dengan menambah baik rangka kerja tadbir urus dan akauntabiliti untuk peserta pasaran.

Bagi tujuan ini, Bank akan melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

i. Memelihara keupayaan pendanaan dalam jangka panjang; dan
ii. Memperkukuh pasaran kewangan yang memberangsangkan dan berdaya tahan untuk bertindak sebagai penyerap risiko.



i Memelihara keupayaan pendanaan dalam jangka panjang

- Bank akan terus bekerjasama rapat dengan industri kewangan untuk memantapkan **tindak balas pengurusan krisis** bagi memberikan bantuan yang lebih baik kepada mereka yang memerlukan. Berdasarkan pengalaman Krisis Kewangan Asia (AFC), Malaysia telah menyediakan mekanisme penstrukturan semula hutang perniagaan yang kukuh. Ini termasuk mekanisme penyelamat untuk perniagaan yang dibenarkan oleh mahkamah di bawah Akta Syarikat 2016 dan platform luar mahkamah seperti CDRC dan SDRS. Sejak AFC, bank-bank juga telah meningkatkan keupayaan mereka dengan ketara dalam menguruskan dan menyelesaikan hutang, termasuk hutang dengan pemberi pinjaman yang berbilang. Pada masa hadapan, Bank akan terus mengukuhkan dan menyokong pengaturan penstrukturan semula hutang yang lebih menyeluruh. Usaha ini termasuk menerima pelaburan ekuiti atau yang seumpama ekuiti bagi membantu perniagaan berdaya maju yang mempunyai leveraj yang tinggi. Memandangkan kebanyakan tindak balas dasar telah tertumpu pada pemberian kredit, perniagaan bermasalah yang menghadapi kekurangan pendapatan dibebani dengan hutang tambahan, lantas meningkatkan risiko ketaksolvenan. Penukaran hutang kepada ekuiti akan membantu mengurangkan tahap penggearan perniagaan ini dan memberikan peluang kedua kepada perniagaan yang berdaya maju untuk pulih.

- Bank akan menggalakkan tawaran **penyelesaian insurans dan takaful** yang lebih banyak bagi mengurangkan risiko yang ditanggung oleh penyedia kewangan dan syarikat. Industri insurans dan takaful, termasuk penanggung insurans semula dan penyedia takaful semula, boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pengantaraan kewangan yang berkesan, melalui pemindahan risiko dan penggemblengan dana. Oleh itu, Bank akan bekerjasama dengan industri untuk mempelbagaikan lagi dan meningkatkan penyelesaian perlindungan risiko dalam bidang-bidang yang berikut:

  - Pertama, Bank akan memudahkan tawaran penyelesaian **perlindungan kredit perdagangan**. Tatkala Bank berusaha meningkatkan instrumen kewangan berasaskan perdagangan dalam pasaran, Bank mengakui risiko yang terdedah kepada syarikat, terutamanya PKS, timbul daripada barangan dan perkhidmatan yang tidak berbayar. Risiko ini selalunya boleh menyebabkan kerugian kewangan bahkan ketaksolvenan. Bank percaya bahawa penanggung insurans dan pengendali takaful boleh mengurangkan risiko ini melalui tawaran produk perlindungan kredit perdagangan, dan seterusnya, membantu syarikat-syarikat ini menguruskan operasi dan pelaburan mereka dengan lebih baik bagi menjamin pertumbuhan. Dalam hal ini, Bank akan bekerjasama dengan industri dan agensi kerajaan yang berkaitan untuk menangani kekangan utama terhadap pertumbuhan perlindungan kredit perdagangan, seperti kos yang tinggi, kapasiti teknikal pengunderaitan yang rendah, dan kesedaran pasaran yang rendah berkaitan produk tersebut.

- Kedua, Bank akan menggalakkan tawaran **produk insurans dan takaful yang khusus** dengan meningkatkan kepakaran dan kapasiti domestik untuk menguruskan risiko dalam bidang pertumbuhan yang sedang pesat berkembang, seperti dalam projek tenaga boleh diperbaharui. Penyelesaian perlindungan ini dijangka membantu syarikat-syarikat meningkatkan pendedahan mereka kepada bidang ini dengan mengurangkan risiko yang boleh menjejaskan perniagaan. Dalam kes projek tenaga boleh diperbaharui misalnya, penyelesaian yang ditawarkan ini termasuk perlindungan kepada syarikat terhadap kelemahan kejuruteraan dan untuk pengangkutan peralatan penjanaan kuasa. Penyelesaian ini akan membantu memacu lebih banyak pelaburan ke dalam bidang dan projek yang penting, dan seterusnya menyokong aspirasi transformasi ekonomi negara.

- Ketiga, Bank akan bekerjasama dengan **industri insurans semula dan takaful semula** supaya industri ini menyokong keperluan kepelbagaian risiko pasaran insurans dan takaful domestik. Dalam hal ini, Bank akan menggalakkan kapasiti insurans semula dan takaful semula yang mencukupi, terutamanya dalam bidang perlindungan kritikal yang menyokong pertumbuhan ekonomi serta daya tahan isi rumah dan perniagaan. Seterusnya, Bank percaya bahawa usaha ini juga akan menyokong aspirasi Malaysia menjadi hab insurans semula dan takaful semula serantau.

- Bank juga akan meningkatkan pengawasan dan menggalakkan **pengaturan pengawasan yang lebih kukuh terhadap peserta bukan bank**, khususnya dana pencen dan kumpulan wang simpanan, serta entiti seumpama institusi pengambilan deposit yang penting dari segi sistemik. Memandangkan landskap pengantaraan kewangan terus dipelbagaikan melangkaui sektor perbankan dan mencakupi peserta bukan bank dengan model perniagaan dan profil risiko yang berbeza, pendekatan yang tangkas dan menyeluruh terhadap pengurusan risiko diperlukan untuk mengurangkan sebarang kejutan negatif yang boleh menjejaskan integriti dan fungsi pengantaraan kewangan yang berkesan. Dalam hal ini, Bank akan bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan utama, seperti SC bagi meningkatkan pengawasan terhadap para peserta bukan bank ini supaya tindakan pencegahan dan pembetulan boleh diambil tepat pada masanya untuk menangani sebarang peristiwa risiko.

ii Mengukuhkan pasaran kewangan yang memberangsangkan dan berdaya tahan untuk bertindak sebagai penyerap risiko

Bagi mengurangkan volatiliti yang berlebihan dalam sistem kewangan global, Bank akan terus meningkatkan peranan pengurangan risiko pasaran kewangan domestik dengan meningkatkan mudah tunai pasaran dan daya tahan terhadap kejutan

- Bank akan menggalakkan **pasaran kewangan tempatan yang cair dan memberangsangkan** dengan memberikan tumpuan pada strategi yang akan meningkatkan peranan kitaran balas pasaran, menangani keperluan sektor benar dan meningkatkan keupayaan untuk pengurusan risiko yang berkesan. Untuk mencapai matlamat ini, Bank akan melaksanakan tiga strategi utama:

  - Pertama, Bank akan meningkatkan **keluasan dan kedalaman pasaran kewangan** untuk meningkatkan keupayaannya bagi mengurus kejutan luaran serta memenuhi keperluan ekonomi domestik dan antarabangsa.

    Bank akan terus menggalakkan penggunaan **urus niaga bercagar** yang lebih meluas dalam pasaran wang domestik, terutamanya untuk memperdalamkan pasaran perjanjian pembelian semula (repo) domestik. Urus niaga repo bukan sahaja mempelbagaikan kebolehcapaian pembiayaan untuk peserta dalam seluruh sistem, tetapi juga membolehkan peruntukan dana yang lebih mantap dan cekap merentas tempoh matang dalam pasaran wang. Bagi tujuan ini, Bank akan meneruskan usaha untuk memperluaskan lagi kepelbagaian pelabur dalam pasaran repo serta pasaran peminjaman dan pemberian pinjaman sekuriti untuk menampung lebih banyak peserta bukan perbankan, seperti syarikat insurans dan syarikat besar.

Sebagai satu lagi bidang tumpuan, Bank akan mempergiat usaha membangunkan **pasaran derivatif dalam negeri** termasuk produk derivatif kadar faedah bagi meningkatkan mudah tunai pasaran dan volum urus niaga. Usaha ini dijangka dapat menggalakkan pembangunan dan penggunaan kadar rujukan alternatif berasaskan urus niaga bagi Malaysia, sejajar dengan inisiatif pembaharuan penanda aras kewangan global.

Bank juga akan meningkatkan penggunaan teknologi untuk menambah baik keadaan **mudah tunai dan ketelusan harga** dalam pasaran dalam negeri. Bagi tujuan ini, Bank menjangkakan bahawa penggunaan platform dagangan elektronik yang lebih luas oleh peserta pasaran dalam negeri akan menambah baik lagi penentuan harga dan menyediakan pelaksanaan yang cekap. Bank juga akan menerima pakai teknologi yang relevan untuk meningkatkan kecekapan pelaporan kawal selia dalam pasaran pertukaran asing, pasaran bon dan pasaran wang bagi membolehkan penilaian, pemantauan serta penyebaran maklumat yang berkesan berkaitan dengan pertambahan risiko dalam pasaran kewangan.

Selain itu, Bank akan menyokong **amalan pengurusan risiko** yang lebih meluas dalam kalangan perniagaan pemastautin, serta penyertaan kumpulan pelabur yang lebih luas dalam pasaran derivatif. Usaha ini akan disokong oleh penilaian dan penambahbaikan yang berterusan terhadap dasar Bank untuk memberikan fleksibiliti kepada perniagaan, di samping menggalakkan penggunaan lindung nilai hadapan pertukaran asing dalam kalangan sektor korporat dan pelabur institusi portfolio domestik. Inisiatif bagi meningkatkan lagi iklim pelaburan dan kecekapan perniagaan bertujuan untuk mengukuhkan lagi daya tarikan kedudukan Malaysia dalam rantaian bekalan global, selain memupuk persekitaran yang kondusif untuk pelaburan langsung asing (*foreign direct investment, FDI*).

Bagi mengukuhkan lagi daya tahan pasaran kewangan Malaysia untuk menghadapi sebarang kejutan pada masa hadapan, Bank akan **memperluas pengaturan jaring keselamatan**. Bagi mencapai matlamat ini, Bank akan meneruskan usaha pengaturan pertukaran dua hala strategik dengan bank-bank pusat serantau, serta meningkatkan pengaturan jaring keselamatan dua hala dan pelbagai hala yang sedia ada.

Bank juga akan terus menggalakkan mudah tunai dalam **pasaran bon dan sukuk alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*Environmental, Social and Governance*, ESG)** domestik, dengan memastikan penjajaran dengan aspirasi pembangunan lestari nasional dan memenuhi permintaan pelabur antarabangsa bagi produk kewangan berkaitan ESG. Secara dasarnya, langkah ini juga dijangka menjadi pemangkin bagi ekosistem pelaburan ESG yang mendalam serta mantap.

- ☐ Kedua, Bank berusaha mengekalkan **kepimpinan Malaysia dalam kewangan Islam** melalui inisiatif untuk memperdalam pasaran wang dan modal Islam.

- ☐ Akhir sekali, Bank akan mengukuhkan lagi **integriti dan profesionalisme** dalam pasaran kewangan Malaysia, dengan mendukung standard dan amalan tertinggi. Bagi tujuan ini, Bank akan menyokong peranan peserta pasaran yang lebih aktif dalam membentuk **tingkah laku dan amalan terbaik** pasaran kewangan. Dalam hal ini, kod tingkah laku pasaran borong yang menetapkan prinsip dan standard yang perlu dipatuhi oleh peserta pasaran dalam pasaran wang dan pertukaran asing akan dikaji semula dan dikemas kini secara berterusan, selaras dengan standard global.

- ■ Bank juga akan terus meningkatkan integriti dan kebolehpercayaan **penanda aras pasaran kewangan domestik Malaysia**, selaras dengan saranan Lembaga Kestabilan Kewangan (Financial Stability Board, FSB). Hal ini termasuk menjalankan kajian semula secara berkala bagi memastikan kadar penanda aras kewangan kekal kukuh dan mencerminkan pasaran asas yang aktif.

Teras Strategik 2

Meningkatkan kesejahteraan kewangan isi rumah dan perniagaan

Kesejahteraan kewangan merujuk kepada keupayaan seseorang individu memenuhi obligasi kewangan semasa, kekal berdaya tahan terhadap kejutan pendapatan, mencapai matlamat kewangan masa hadapan dan membuat keputusan kewangan bagi meningkatkan kualiti hidup secara keseluruhan. Begitu juga, perniagaan perlu mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh bagi menghadapi rintangan kewangan di luar jangkaan dan memanfaatkan peluang yang muncul untuk memajukan perniagaan serta menjamin pertumbuhan masa hadapan.

Pandemik telah menyerlahkan dan dalam sesetengah aspek meningkatkan lagi kelemahan yang ketara terhadap kesejahteraan kewangan isi rumah dan perniagaan. Bagi menangani kelemahan ini, pembaharuan ekonomi sangat diperlukan untuk meningkatkan taraf hidup isi rumah melalui pekerjaan dan aktiviti yang boleh menjana pendapatan, dengan sektor kewangan memainkan peranan penting bagi memenuhi keperluan pengantaraan kewangan untuk semua. Pembaharuan rangka kerja perlindungan sosial[1] dan ekosistem perniagaan[2] yang berterusan akan menjadi asas untuk menjamin daya tahan pada masa hadapan.

Langkah-langkah meningkatkan kesejahteraan kewangan bukan sekadar memastikan wujudnya akses. Hasil yang dihasratkan adalah supaya individu dan perniagaan memperoleh manfaat yang bermakna daripada penyertaan mereka dalam sistem kewangan, dengan menyediakan penyelesaian kewangan yang sesuai dan berdasarkan kemampuan isi rumah dan perniagaan, serta memperkasakan mereka dengan keupayaan kewangan untuk membuat pertimbangan kewangan yang mantap. Selain itu, pengguna kewangan wajar menerima layanan yang adil bagi memberikan pengalaman dan hasil berkaitan pengguna yang positif.

Dengan itu, Bank akan melaksanakan tiga strategi penting (Gambar Rajah 1).

Gambar Rajah 1:
Meningkatkan kesejahteraan kewangan



A

Mempertingkat keupayaan dan akses kewangan, serta penggunaan perkhidmatan kewangan yang berkesan ke arah rangkuman kewangan yang lebih meluas

- Melengkapkan pengguna dengan keupayaan kewangan yang lebih baik
- Menangani jurang rangkuman yang masih wujud dengan memberikan tumpuan pada pengambilan dan penggunaan perkhidmatan kewangan yang bermakna, terutamanya bagi segmen pengguna yang tidak mendapat perkhidmatan kewangan dan kurang mendapat perkhidmatan kewangan



B

Memperkukuh perlindungan untuk isi rumah dan perniagaan bagi membina daya tahan kewangan

- Memperluas keupayaan pasaran bagi memenuhi keperluan perlindungan isi rumah dan perniagaan terhadap risiko masa hadapan
- Mengukuhkan usaha untuk memenuhi prasyarat ke arah landskap perlindungan yang mampan bagi risiko-risiko utama



C

Membentuk sistem kewangan yang memastikan urus niaga yang adil dan bertanggungjawab dengan pengguna kewangan

- Memperkukuh standard profesional, rangka kerja insentif dan amalan penzahiran
- Menggalakkan persekitaran amalan yang menyokong inovasi dan kecekapan
- Melaksanakan pembaharuan pengawalseliaan untuk memperkukuh pengawasan penyedia kredit pengguna bukan bank dan menggalakkan perlindungan pengguna yang konsisten

[1] Secara amnya, rangka kerja perlindungan sosial dikategorikan kepada jaringan keselamatan sosial, insurans sosial dan dasar pasaran pekerja yang aktif. Untuk maklumat lanjut mengenai pembaharuan yang diperlukan, rujuk rencana dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari BNM 2020 bertajuk "Visi Perlindungan Sosial di Malaysia", boleh diakses melalui pautan berikut https://www.bnm.gov.my/documents/20124/3026377/emr2020_en_box1_socialprotection.pdf.

[2] Langkah-langkah bagi menyokong perniagaan termasuk skim penyelesaian hutang untuk tujuan pemulihan perniagaan, jaminan pembiayaan serta perlindungan insurans untuk perusahaan mikro dan perniagaan tidak formal.

Strategi 2A
Mempertingkatkan keupayaan dan akses kewangan, serta penggunaan perkhidmatan kewangan yang berkesan ke arah rangkuman kewangan yang lebih meluas

Sepanjang dekad yang lalu, Malaysia mencapai kemajuan yang ketara dalam memajukan rangkuman kewangan dan telah memperkenalkan inisiatif pendidikan kewangan di seluruh negara bagi meningkatkan keupayaan kewangan[3]. Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN) ditubuhkan pada tahun 2016 sebagai platform antara agensi yang bersepadu untuk menerajui usaha tersebut. Seiring dengan perkara ini, Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan (2019-2023) menggariskan keutamaan strategik bagi meningkatkan literasi kewangan dan menggalakkan tingkah laku kewangan yang bertanggungjawab dalam kalangan pengguna merentas semua peringkat kehidupan. Melalui kerjasama Bank dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), modul pendidikan kewangan juga telah berjaya disepadukan dalam semua peringkat sistem pendidikan formal serta sebagai program elektif di institusi pengajian tinggi dan institut pendidikan guru. Modul ini dibangun berasaskan Rangka Kerja Kompetensi Teras Literasi Kewangan untuk orang dewasa, dan bertujuan untuk menggalakkan perubahan tingkah laku yang berkekalan.

Dalam memajukan rangkuman kewangan, pelbagai langkah telah diambil sejak tahun 2011, seterusnya memperluaskan akses dan penyediaan perkhidmatan kewangan (lihat Gambar Rajah 2). Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang keupayaan kewangan yang perlu ditangani (lihat Gambar Rajah 3).

Gambar Rajah 2:
Inisiatif rangkuman kewangan dan hasil utama sepanjang 2011-2020

Inisiatif rangkuman kewangan utama (2011-2020)

1. **Melaksanakan rangka kerja perbankan ejen** yang komprehensif untuk meluaskan akses kepada perkhidmatan kewangan
2. **Meluaskan perkhidmatan dan produk kewangan** untuk memenuhi keperluan golongan kurang mendapat perkhidmatan kewangan yang pelbagai dan khusus
3. **Meningkatkan** peranan dan kapasiti **Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)**
4. **Mengukuhkan rangka kerja pemantauan** untuk inisiatif dan hasil rangkuman kewangan
5. **Meningkatkan pengetahuan dan keupayaan** bagi golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan supaya menggunakan perkhidmatan kewangan secara bertanggungjawab

Hasil utama


Mukim[1] yang mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan



Penduduk yang tinggal di mukim dengan akses kepada perkhidmatan kewangan[2]



Pelanggan yang mempunyai akaun deposit aktif



Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Sekurang-kurangnya 2,000 penduduk.
[2] Kebanyakan penduduk tinggal di mukim yang mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan.

[3] Keupayaan kewangan merupakan kombinasi sikap, pengetahuan, kemahiran dan keberkesanan kendiri yang diperlukan untuk membuat dan melaksanakan keputusan pengurusan wang. (Sumber: Center for Financial Inclusion)

Gambar Rajah 3:
Jurang keupayaan kewangan yang masih wujud di Malaysia


Kedudukan celik kewangan Malaysia

Kebanyakan rakyat Malaysia mengamalkan tabiat kewangan yang baik (contohnya belanjawan, berjimat-cermat) tetapi ketinggalan dari segi pengetahuan produk, numerasi kewangan dan perancangan untuk jangka panjang

	Malaysia	Purata[1]	OECD[1]
Tingkah Laku Kewangan[2]	68.1	59.2	59.2
Pengetahuan Kewangan[3]	52.3	62.8	65.8
Sikap Kewangan[4]	54.9	59.2	61.6
Skor Literasi Kewangan	59.7	60.5	62.0

[1] Tinjauan meliputi 26 negara dan 12 daripadanya merupakan anggota OECD.
[2] Merujuk kepada tabiat berhemat seperti menjimatkan wang, belanjawan, membayar bil tepat pada masanya.
[3] Merujuk kepada pemahaman mengenai produk dan konsep seperti inflasi, faedah, pengkompaunan dan risiko.
[4] Merujuk kepada sikap ke arah perancangan kewangan jangka panjang.

Jurang keupayaan kewangan kekal merentas pelbagai dimensi



Sumber: Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan 2018, OECD/INFE 2020 International Survey of Adult Financial Literacy

Pada masa hadapan, strategi Bank dalam meluaskan rangkuman kewangan akan meletakkan sasaran inisiatif yang melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

i. Melengkapkan pengguna dengan keupayaan kewangan yang lebih baik; dan
ii. Menangani jurang rangkuman yang masih wujud, dengan memberikan tumpuan pada pengambilan dan penggunaan perkhidmatan kewangan yang bermakna, terutamanya bagi segmen yang tidak mendapat perkhidmatan kewangan dan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan.

i Melengkapkan pengguna dengan keupayaan kewangan yang lebih baik

- Bank akan melaksanakan **kerjasama pada peringkat kebangsaan mengenai inisiatif pendidikan kewangan melalui FEN** dengan memperluas perkongsian strategik, mempercepat kesedaran pengguna melalui platform digital dan membina ekosistem penyelidikan. Bank akan membangunkan Pelan Hala Tuju Programatik FEN dengan memberikan tumpuan pada Penyelesaian, Akses, Kesedaran dan Aplikasi (lihat Gambar Rajah 4) bagi meningkatkan keupayaan kewangan pengguna.

Bank akan berusaha untuk memupuk keputusan kewangan[4] yang mantap dalam kalangan pengguna dan perniagaan melalui inisiatif literasi kewangan bersasar

[4] Keupayaan untuk membuat pilihan kewangan yang rasional melalui pemahaman konsep kewangan dan mengambil langkah bagi mengelakkan daripada penipuan kewangan serta bias tingkah laku (contohnya tingkah laku kelompok).

Gambar Rajah 4 :
Bidang fokus dan inisiatif di bawah Pelan Hala Tuju Programatik FEN

Bidang fokus 1: Penyelesaian

Pengguna mempunyai pengetahuan, alat dan sumber yang tepat

1.1 Menyediakan nasihat pendidikan kewangan yang bebas untuk membantu pengguna membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi

1.2 Membangunkan program pendidikan kewangan yang inklusif berdasarkan pemahaman tingkah laku

1.3 Melaksanakan inisiatif pendidikan kewangan untuk meningkatkan daya tahan kewangan apabila berhadapan dengan situasi yang tidak dijangka

Bidang fokus 2: Akses

Pengguna mempunyai akses kepada pengetahuan, alat dan sumber

2.1 Menyediakan platform mesra pengguna dan diyakini yang mempunyai maklumat, alat dan sumber

2.2 Memberi panduan kepada pengguna mengenai saluran yang sesuai untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kewangan

2.3 Meningkatkan tahap celik kewangan digital dan rangkuman kewangan, khususnya kepada kumpulan berpendapatan rendah dan PKS mikro

Bidang fokus 3: Kesedaran

Pengguna sedar tentang akses kepada maklumat, alat dan sumber

3.1 Memperkukuh kerjasama antara agensi dalam menyediakan maklumat kewangan, alat dan sumber

3.2 Meningkatkan kerjasama dengan pihak berkepentingan serantau, media dan pemimpin pendapat (*opinion leader*) utama untuk meningkatkan kesedaran, terutamanya dalam kalangan kumpulan berpendapatan rendah, belia dan PKS mikro

3.3 Meningkatkan kesedaran tentang program dan sumber pendidikan kewangan melalui platform digital dan acara jangkauan utama di seluruh negara

Bidang fokus 4: Penerapan

Pengguna mampu memanfaatkan maklumat, alat dan sumber

4.1 Melaksana rangka kerja penilaian untuk mengukur keberkesanan program pendidikan kewangan

4.2 Menjalankan eksperimen sosial untuk menilai kemajuan pengetahuan kewangan dan baki jurang antara pengguna

4.3 Kaji selidik berkala di peringkat kebangsaan bagi mengukur kemajuan tahap keupayaan kewangan rakyat Malaysia dan mengenal pasti kelemahan baharu berkaitan pengguna

- Bank akan **memperluas langkah-langkah berkaitan libat urus pengguna bersasar bagi meningkatkan literasi dan rangkuman kewangan**, dengan memanfaatkan saluran inovatif dan pusat hubungan digital. Langkah-langkah ini akan membantu pengguna mempelajari cara menggunakan instrumen pengurusan kewangan untuk perancangan kewangan, belanjawan dan perbandingan produk. Yang penting, Bank membayangkan landskap pengguna berpengetahuan tinggi mengenai penyelesaian kewangan yang tersedia dalam pasaran, serta berupaya memupuk tabiat menabung, melabur dan merancang untuk persaraan pada usia muda. Bank akan menekankan usaha memupuk pertimbangan kewangan yang mantap, termasuk mengelakkan bias tingkah laku seperti tingkah laku kelompok dan mudah terpengaruh dengan penipuan kewangan. Memandangkan pendigitalan perkhidmatan kewangan yang semakin pantas, Bank juga akan mempergiat usaha untuk meningkatkan literasi kewangan digital.

- **Penunjuk prestasi utama (*key performance indicator*, KPI) tahunan akan dikenal pasti** di bawah empat bidang fokus dalam Pelan Hala Tuju Programatik FEN untuk mengukur dan mengesan impak inisiatif keupayaan kewangan dengan lebih berkesan. KPI tahunan ini akan dinilai daripada peningkatan tahap pengetahuan, tingkah laku dan sikap pengguna di Malaysia mengenai perkara-perkara berkaitan dengan kewangan seperti yang diukur di bawah Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan (Financial Capability and Inclusion, FCI) dari Segi Permintaan yang dijalankan tiga tahun sekali.

Bank juga akan memastikan instrumen penilaian dan pemantauan Bank seperti FCI adalah sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa dan kekal relevan supaya jurang keupayaan dan rangkuman kewangan dapat ditangani tepat pada masanya. Rangka kerja pengukuran dan penilaian impak pendidikan kewangan akan dibangunkan untuk menilai secara sistematik keberkesanan inisiatif pendidikan kewangan yang disasarkan kepada semua segmen penduduk – daripada pelajar hingga orang dewasa. Dapatan daripada penilaian ini akan digunakan untuk meningkatkan inisiatif pendidikan kewangan secara berterusan.

Dengan keupayaan yang lebih baik untuk mengenal pasti dengan tepat jurang yang masih wujud, Bank dapat meningkatkan keberkesanan strategi rangkumannya dan membantu mencapai matlamat pembangunan lain di bawah SDG 2030. Sebagai contoh, Bank akan mengambil kira saluran perkhidmatan kewangan yang baru muncul dengan menerapkan penggunaan digital, kualiti perkhidmatan digital dan literasi digital.

Apabila dilaksanakan bersama-sama, penyepaduan langkah-langkah ini akan menyumbang kepada peningkatan usaha Bank dan ahli-ahli FEN dalam menggubal dasar berasaskan bukti untuk memberi keutamaan kepada keupayaan dan inisiatif rangkuman kewangan yang sangat perlu serta mereka bentuk intervensi bersasar.

ii Menangani jurang rangkuman yang masih wujud, dengan memberikan tumpuan pada pengambilan dan penggunaan perkhidmatan kewangan yang bermakna, terutamanya bagi segmen yang tidak mendapat perkhidmatan kewangan dan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan

Inisiatif rangkuman kewangan akan melangkaui penambahbaikan akses. Bank akan berusaha memacu penggunaan penyelesaian kewangan yang berterusan, bertanggungjawab dan bermakna

Pada masa hadapan, usaha rangkuman kewangan akan melangkaui penambahbaikan akses, dengan tujuan memacu ke arah penggunaan produk dan perkhidmatan kewangan yang berterusan dan bertanggungjawab. Bank akan berusaha untuk membolehkan penyertaan kewangan yang lebih bermakna oleh semua pengguna di Malaysia supaya mereka dapat menabung, melabur dan membina penampan kewangan jangka panjang. Pada masa yang sama, Bank akan terus mencari kaedah inovatif untuk menangani halangan kewangan, terutamanya bagi komuniti yang tidak mendapat perkhidmatan kewangan dan komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan.

- Bank akan terus **mengukuhkan peranan bank ejen dan Bank Bergerak** untuk membolehkan akses yang lebih luas kepada perkhidmatan kewangan melalui rangkaian sedia ada, dan memudahkan penyertaan pengguna secara digital di kawasan yang tidak mendapat perkhidmatan kewangan dan kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Usaha ini termasuk perkara-perkara yang berikut:

  - **Mengekalkan pusat perkhidmatan kewangan fizikal** bagi membantu komuniti berpendapatan rendah, berusia dan di kawasan bukan bandar, sekurang-kurangnya pada jangka sederhana sehingga tahap kesalinghubungan yang diperlukan (iaitu internet dan peranti) dan literasi digital dicapai dalam segmen ini bagi menyokong peralihan kepada saluran kewangan digital.

  - **Memperluas kepelbagaian perkhidmatan bank ejen**, termasuk memudahkan proses pendaftaran pelanggan yang ringkas. Bank akan memberikan tumpuan pada kawasan luar bandar dan kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan serta tidak mempunyai cawangan bank untuk menjalankan usaha wajar terhadap pelanggan.

  - **Mengkaji saling boleh kendali[5] yang lebih lancar antara bank**. Perkara ini bertujuan untuk memudahkan akses kepada pelbagai perkhidmatan kewangan dan penyedia perkhidmatan yang lebih meluas, termasuk pengeluaran dan deposit, serta pembayaran secara digital menerusi semua bank ejen, bank digital dan Bank Bergerak.

- Bank akan **meningkatkan jangkauan kepada penduduk yang belum mendapat perkhidmatan perbankan (*last mile unbanked population*)**. Dalam aspek ini, keutamaan Bank adalah untuk mengukuhkan peranan dan keupayaan institusi kewangan bagi memenuhi matlamat rangkuman kewangan. Untuk tujuan ini, Bank akan memberikan tumpuan bagi:

  - **Meningkatkan impak IKP dalam menyampaikan mandat pembangunan mereka** berkaitan agenda rangkuman kewangan (untuk maklumat lanjut, rujuk Strategi 1A(i) bab "Membiayai transformasi ekonomi Malaysia").

  - **Memastikan bank digital menangani jurang pasaran yang masih wujud** dalam kalangan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan dan segmen yang tidak mendapat perkhidmatan kewangan. Prestasi bank digital akan dipantau mengikut komitmen rangkuman kewangan institusi masing-masing yang merupakan komponen penting dalam tawaran nilai untuk pemberian lesen bank digital.

  - **Meliberalisasikan dasar penubuhan cawangan fizikal** bagi bank asing diperbadankan di Malaysia (*locally-incorporated foreign banks*, LIFB). Hal ini bertujuan untuk meningkatkan peranan LIFB dalam menyumbang kepada keperluan ekonomi dalam negeri dan memperluas matlamat rangkuman kewangan.

  - **Menyokong usaha industri untuk merintis dan memperluas penggunaan analisis tingkah laku untuk meningkatkan keberkesanan rangkuman kewangan bagi komuniti di luar daripada jangkauan**. Usaha ini dijangka dapat menggalakkan pembangunan lebih banyak produk berasaskan keperluan dan mendorong pengguna membuat keputusan kewangan secara berkesan berdasarkan maklumat yang mencukupi. Ini dipermudahkan melalui aplikasi yang merangkumi penilaian kredit, pengenalpastian keperluan perlindungan, pemodelan telahan (*predictive modelling*), reka bentuk produk dan pemasaran.

- Bank akan **menggalakkan penggunaan penzahiran KPI rangkuman kewangan yang lebih luas** oleh institusi kewangan untuk menyokong penjajaran yang lebih menyeluruh dengan matlamat rangkuman kewangan. Bank akan menambah baik panduan mengenai cara institusi kewangan mentakrifkan kumpulan yang tidak mendapat perkhidmatan kewangan dan kumpulan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan, serta mempertimbangkan penyelarasan pelaporan KPI bagi membolehkan institusi kewangan menzahirkan komitmen mereka sebagai institusi yang bertanggungjawab dari segi sosial secara sistematik. Penzahiran ini akan memperjelaskan pendekatan yang diguna pakai oleh institusi kewangan dalam menyokong matlamat keseluruhan ESG dan agenda SDG.

[5] Perkhidmatan kewangan yang pengeluar dan pemeroleh bukan daripada institusi kewangan yang sama.

- Bank akan **menggalakkan perkongsian data yang lebih lancar** dalam seluruh sektor kewangan bagi membuka peluang rangkuman kewangan baharu melalui standard bersama untuk perkongsian data (seperti yang dirujuk dalam Strategi 3A(ii) bab "Memajukan pendigitalan dalam sektor kewangan"). Tumpuan segera Bank adalah untuk membolehkan peningkatan akses kepada data mengenai profil, keperluan, penggunaan dan tingkah laku segmen yang tidak atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan dengan membolehkan saluran data dikongsi bersama institusi rakan kongsi lain seperti institusi pembiayaan mikro dan agensi utama kerajaan. Bagi menentukan set data untuk perkongsian dengan industri, Bank akan mengutamakan kes penggunaan berimpak tinggi dan berinovatif yang dapat menangani jurang rangkuman kewangan yang masih wujud. Sebagai contoh:

  - **Akses dan penyelesaian berasaskan keperluan**. Memudahkan pembangunan model penskoran kredit alternatif dengan berkongsi maklumat terkumpul mengenai pengguna yang mempunyai maklumat kredit yang terhad (*thin file consumers*) dengan penyedia kewangan. Rujukan data yang lebih terperinci mengenai keperluan perlindungan pengguna juga akan membolehkan reka bentuk produk insurans mikro dan takaful mikro yang lebih bersasar dan mampu dibayar bagi kumpulan pengguna utama (contohnya kumpulan B40).

  - **Pilihan pengguna dan pengurusan kewangan**. Walaupun kebanyakan agregator kewangan yang sedia ada menampilkan produk institusi kewangan, perkara ini perlu diperluas kepada produk yang ditawarkan oleh penyedia kewangan lain seperti syarikat *fintech*, supaya pengguna dapat membandingkan harga dan kesesuaian produk kewangan yang lebih pelbagai. Dalam hal ini, Bank akan memudahkan penyepaduan ciri-ciri perbandingan produk kewangan dengan perkhidmatan nilai tambah (contohnya alat pengurusan kewangan dan nasihat kewangan), dengan mengambil kira manfaat dan risiko pengaturan tersebut.

Strategi 2B
Memperkukuh perlindungan untuk isi rumah dan perniagaan bagi membina daya tahan kewangan

Peringkat transformasi ekonomi Malaysia yang seterusnya akan mendapat manfaat yang jelas daripada pelbagai mekanisme yang boleh melindungi pengguna kewangan. Keperluan kewangan isi rumah dan perniagaan dijangka mengalami beberapa perubahan penting berikutan peralihan demografi dan perubahan teknologi yang lebih luas. Pengguna akan lebih arif dan berkehendak perlindungan yang lebih khusus, mampu dibayar dan berasaskan keperluan. Sementara itu, perniagaan akan memerlukan penyelesaian yang menyokong daya tahan terhadap risiko yang baru muncul. Kesan pandemik ini telah menekankan nilai keselamatan kewangan pada masa ketidakpastian dan tekanan, serta menimbulkan kesedaran dan permintaan yang lebih tinggi terhadap penyelesaian insurans dan takaful.

Oleh itu, landskap insurans dan takaful mesti bersedia menyokong permintaan baharu dan memainkan peranan pemindahan risiko secara berkesan. Perkara ini memerlukan landskap perlindungan yang berdaya saing, cekap dan inklusif. Ketiga-tiga hasil ini akan membentuk keutamaan strategik Bank pada tahun-tahun yang akan datang. Bank juga akan memanfaatkan prinsip sejagat di bawah rangka kerja Pengantaraan Berasaskan Nilai untuk Takaful (*Value-based Intermediation for Takaful*, VBIT), yang menyokong penciptaan nilai untuk pengguna, masyarakat dan alam sekitar (butiran lanjut dalam bab "Membangunkan kewangan berasaskan nilai melalui kepimpinan dalam kewangan Islam"). Bank juga melihat pendigitalan sebagai pemangkin inovasi dan persaingan, termasuk melalui penggunaan infrastruktur digital perkongsian bagi menangani jurang dalam struktur ekosistem kewangan (butiran lanjut dalam bab "Memajukan pendigitalan dalam sektor kewangan").

Daya tahan kewangan perlu disokong oleh pelbagai faktor iaitu kecukupan pendapatan berbanding gaji kehidupan wajar, penampan tabungan, perlindungan sosial, penyelesaian pengumpulan kekayaan yang pelbagai dan perlindungan terhadap peristiwa yang tidak dijangka. Usaha untuk menyokong hasil ini memerlukan pendekatan menyeluruh kerajaan (*whole-of-government approach*). Selain penyelesaian perlindungan, usaha Bank untuk membangunkan landskap pasaran pendanaan dan kewangan yang memberangsangkan (lihat bab "Membiayai transformasi ekonomi Malaysia") juga akan menyokong daya tahan kewangan isi rumah dan perniagaan yang lebih baik. Pada peringkat yang lebih luas, Bank akan terus bekerjasama dengan pihak berkuasa pengawalseliaan dan agensi berkaitan, terutamanya SC untuk membangunkan secara menyeluruh ekosistem penyelesaian yang lebih pelbagai untuk pengurusan kekayaan dan risiko bagi bermacam fasa kehidupan dan perniagaan. Perkara ini termasuk penyelesaian untuk pengumpulan dan pemeliharaan kekayaan (*accumulation and preservation*) (contohnya deposit tetap, amanah saham, dana dagangan bursa), penyahkumpulan kekayaan (*decumulation*) (contohnya gadai janji berbalik, anuiti tertunda) dan pengurusan risiko (contohnya perlindungan insurans, instrumen lindung nilai).

Bagi tujuan ini, matlamat Bank adalah untuk:

i. Memperluas keupayaan pasaran bagi memenuhi keperluan perlindungan isi rumah dan perniagaan terhadap risiko masa hadapan; dan
ii. Mengukuhkan usaha untuk memenuhi prasyarat ke arah landskap perlindungan yang mampan bagi risiko-risiko utama.



i Memperluas keupayaan pasaran bagi memenuhi keperluan perlindungan isi rumah dan perniagaan terhadap risiko masa hadapan

- Bank akan **mengkaji perkongsian awam-swasta untuk membangunkan skim perlindungan pemindahan risiko perniagaan terhadap peril berisiko tinggi dan berskala besar (*high-risk, large-scale perils*)** untuk berfungsi sebagai jaringan keselamatan yang boleh diaktifkan dengan cepat semasa krisis. Perkara ini mengambil iktibar daripada peristiwa pandemik dan banjir yang mendedahkan jurang perlindungan yang ketara dalam risiko gangguan perniagaan. Ketiadaan perlindungan yang sesuai dan kurangnya sambutan pada skim perlindungan tersebut menyebabkan PKS mikro mudah terjejas kerana penampan kewangan mereka yang terhad bagi menempuh peristiwa risiko ini, dan meningkatkan tuntutan fiskal terhadap Kerajaan untuk menyediakan langkah-langkah bantuan.

  Faktor kejayaan utama adalah keupayaan dana risiko (*risk pool*) awam-swasta menampung pelbagai jenis risiko memandangkan sifat sistemik peristiwa tersebut. Dana risiko ini perlu merangkumi bukan sahaja risiko yang timbul daripada pandemik, tetapi risiko yang baru muncul seperti risiko siber serta risiko yang berkaitan dengan iklim dan alam sekitar. Cabaran yang disebabkan oleh pemilihan sakal[6] (*adverse selection*) dan kumpulan pengguna domestik yang kecil mengehadkan keupayaan pasaran sektor swasta untuk mengembangkan dan menyediakan perlindungan terhadap risiko sistemik. Hal ini dapat dilihat pada peringkat global apabila berlakunya bencana alam seperti risiko banjir. Bagi menguruskan keadaan ini, dana insurans nasional awam-swasta yang lebih besar biasanya dianggap sebagai penyelesaian yang lebih mampan dan inklusif. Dengan berbuat demikian, sektor swasta boleh memainkan peranan sebagai barisan pertahanan pertama untuk menyediakan perlindungan melalui pengemblengan risiko (*risk pooling*) sekiranya berlaku kejutan sedemikian. Manakala, sektor awam boleh menyalur semula sumber kewangan untuk hasil jangka panjang, seperti memberi sokongan kewangan termasuk pembangunan keupayaan permulaan dan jaminan penahan (*backstop guarantee*) untuk kerugian lebihan (*excess losses*). Yang penting, sokongan sedemikian daripada sektor awam akan memberikan kepastian yang lebih besar bagi peserta insurans dan takaful untuk mereka bentuk dan menentukan harga perlindungan risiko yang sesuai berikutan sifat sistemik risiko-risiko ini.

- Bank akan terus **menyokong pertumbuhan pasaran insurans mikro dan takaful mikro yang pelbagai**. Pasaran ini menyediakan produk yang memberikan nilai perlindungan yang baik, boleh diakses, mampu dibayar, mudah dibeli dan mudah untuk membuat tuntutan. Inisiatif Perlindungan Tenang mula diperkenalkan pada tahun 2017 bagi meningkatkan kesedaran dan membangunkan produk insurans mikro dan takaful mikro. Walaupun peningkatan pengambilan setakat ini memberangsangkan, namun beberapa cabaran masih wujud yang menghalang inisiatif tersebut daripada mencapai potensinya dalam memberikan manfaat kepada pengguna yang tidak mendapat perkhidmatan kewangan atau pengguna yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Berdasarkan pengalaman sejak empat tahun yang lalu, Bank akan mengambil strategi serampang tiga mata untuk menggiatkan lagi pertumbuhan dalam segmen pasaran ini:

  - ☐ **Menggalakkan inovasi yang lebih meluas melalui fleksibiliti di bawah rangka kerja Perlindungan Tenang**. ITO boleh memanfaatkan kelonggaran yang diberikan dalam rangka kerja ini untuk memberikan perkhidmatan kepada segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan (contohnya menawarkan kepelbagaian produk, memperluas saluran pengedaran dan memperkenalkan inovasi melalui gabungan produk). Bank akan terus meningkatkan rangka kerja untuk memastikan ia kekal relevan dan sesuai-untuk-tujuan (*fit-for-purpose*).

  - ☐ Meneruskan lagi **pembangunan dan penyediaan akses kepada maklumat yang lebih terperinci dari segi permintaan** bagi membolehkan industri mengenal pasti jurang perlindungan, risiko dan tingkah laku segmen yang tidak mendapat perkhidmatan kewangan dan kurang mendapat perkhidmatan kewangan, seperti kumpulan B40. Hal ini akan membantu menyokong dasar yang berasaskan maklumat yang mencukupi dan bersasar, serta meningkatkan tawaran produk oleh industri.

[6] Berlaku apabila hanya mereka yang menghadapi risiko lebih tinggi membeli insurans, manakala mereka yang kurang menghadapi risiko tidak berbuat demikian.

- ☐ **Melaksanakan inisiatif literasi kewangan** untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman pengguna mengenai perlindungan insurans mikro dan takaful mikro, serta manfaat yang terkandung dalam inisiatif Perlindungan Tenang dalam kalangan segmen yang paling memerlukannya, melalui peranan Bank dalam FEN.

Walaupun Bank komited untuk melaksanakan strategi tersebut, langkah-langkah dari segi penawaran sektor swasta sahaja tidak mencukupi. Sokongan Kerajaan (contohnya melalui baucar pembelian dan pengecualian duti setem untuk produk Perlindungan Tenang yang pertama kali diumumkan dalam Belanjawan 2021) dan sistem jaringan keselamatan sosial perlu menjadi asas utama untuk memperluas perlindungan. Pada masa hadapan, Bank akan terus bekerjasama dengan agensi kerajaan yang berkaitan untuk melaksanakan kaedah alternatif bagi membangunkan dan membiayai instrumen perlindungan yang mengambil kira kebergantungan ekonomi (contohnya tahap pendapatan, saiz isi rumah, umur) bagi kumpulan sasaran.

ii Mengukuhkan usaha untuk memenuhi prasyarat ke arah landskap perlindungan yang mampan bagi risiko-risiko utama

Bank akan menerapkan pendekatan seluruh ekosistem dalam menangani cabaran struktur untuk risiko-risiko utama dalam landskap insurans dan takaful

- ■ Bank akan **menggalakkan dan menyokong pembaharuan perlindungan sosial yang komprehensif** oleh Kerajaan untuk memperkukuh daya tahan kewangan masyarakat. Dalam usaha ini, Bank akan terus memainkan peranan yang aktif menerusi platform dasar sedia ada seperti Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (Malaysia Social Protection Council, MySPC) dan Majlis Tindakan Ekonomi (Economic Action Council, EAC) bagi mengesyorkan amalan terbaik untuk Malaysia.

  - ☐ **Bank akan mendorong tahap asas perlindungan sosial (*social protection floor*)** bagi memastikan semua kumpulan yang mudah terjejas dilindungi dengan sewajarnya. Penggunaan tiga tonggak pembaharuan perlindungan sosial penting bagi perlindungan yang komprehensif. Tiga tonggak tersebut ialah: (i) jaringan keselamatan sosial; (ii) insurans sosial; dan (iii) dasar pasaran pekerja aktif. Dasar-dasar ini secara bersama akan mengurangkan kelemahan sedia ada dan memastikan daya tahan jangka panjang serta keselamatan ekonomi.

  - ☐ Bank akan **membantu usaha pembangunan dasar Kerajaan melalui penilaian jurang yang sedang dijalankan** ke atas rangka kerja perlindungan sosial Malaysia. Sebagai contoh, Bank akan membantu mengenal pasti penyelesaian sektor swasta seiring dengan kemajuan negara ke arah skim caruman sukarela insurans sosial (contohnya skim persaraan swasta).

  - ☐ Bank akan **menyokong dan bekerjasama dengan Kerajaan untuk menggunakan pangkalan data perlindungan sosial yang komprehensif dan tergabung**, dengan matlamat untuk meminimumkan kesilapan rangkuman dan pengecualian[7]. Bagi mencapai matlamat ini, aplikasi teknologi, kerjasama antara agensi, dan pembinaan keupayaan yang berterusan akan menjadi amat penting.

- ■ Bank akan **meneruskan liberalisasi selanjutnya bagi tarif motor dan tarif kebakaran** untuk menyokong peralihan yang teratur kepada pendekatan penentuan harga yang lebih berasaskan pasaran. Liberalisasi selanjutnya akan menjadi pendorong kepada ITO untuk melakukan inovasi dalam produk dan meningkatkan kualiti perkhidmatan, lantas memberikan manfaat yang lebih baik dan penjimatan kos untuk pengguna. Walaupun begitu, Bank akan memastikan liputan perlindungan motor asas terus boleh diakses oleh semua segmen pengguna. Untuk tempoh lima tahun akan datang, Bank akan meletakkan keutamaan untuk melengkapkan usaha yang lebih luas bagi menyokong transformasi ekosistem tuntutan motor ke peringkat akhir yang diingini. Transformasi digital merentas rantaian nilai akan menjadi amat penting bagi mencapai matlamat ini (lihat butiran lanjut mengenai Strategi 3A(ii) dalam bab “Memajukan pendigitalan dalam sektor kewangan”).

[7] Ralat rangkuman merujuk peruntukan bantuan kepada kumpulan bukan sasaran yang tidak memerlukan bantuan, manakala ralat pengecualian merujuk kurang liputan atau kegagalan untuk membantu kumpulan sasaran.

■ Bank akan memberikan tumpuan pada langkah-langkah bagi **menangani isu kemampanan dan kemampuan jangka panjang untuk memiliki insurans/takaful perubatan dan kesihatan swasta (*medical and health insurance/takaful*, MHIT)**. Sejak tahun 2016, pertumbuhan tuntutan perubatan (11.6% setahun) telah mengatasi premium/caruman perubatan (9.5% setahun), kecuali pada tahun 2020. Ditambah pula dengan peningkatan kos rawatan perubatan swasta di Malaysia yang dilaporkan sebagai antara yang tertinggi di Asia Tenggara[8], terdapat kemungkinan tekanan yang lebih tinggi terhadap penentuan harga dan kemampanan perlindungan insurans/takaful hospital dan pembedahan (*hospital and surgical insurance/takaful*, HSIT).

Peserta MHIT perlu kerap menentukan semula harga produk mereka bagi menyesuaikan dengan peningkatan kos. Ini mungkin memberi kesan susulan (*knock-on effects*) yang ketara ke atas kos premium/sumbangan kepada pemegang polisi dan sijil sedia ada, seterusnya menjadikan produk semakin tidak mampu dibayar. Perkembangan ini menyerlahkan perlunya intervensi awal dan pembaharuan struktur untuk membendung kenaikan inflasi tuntutan perubatan. Daripada dapatan dan penilaian penanda aras global oleh Bank, Bank telah mengenal pasti lima faktor kejayaan utama untuk mengurus inflasi kos dan tuntutan perubatan secara mampan (lihat Gambar Rajah 5).

Gambar Rajah 5 :
Faktor kejayaan utama untuk mengurus kos perubatan dan inflasi tuntutan secara mampan



Dengan mengambil kira dapatan ini, Bank akan meletakkan sasaran untuk melaksanakan usaha membantu menangani isu-isu ini, berpaksikan pada tiga hasil yang dihasratkan:

☐ Pertama, Bank akan **mengkaji langkah-langkah yang boleh mendorong perubahan positif tingkah laku** dalam kalangan peserta ekosistem penjagaan kesihatan perubatan swasta supaya perlindungan kekal inklusif dan mampan untuk pemegang polisi dan sijil, serta berdaya maju dari segi kewangan bagi penyedia insurans dan takaful.

[8] Willis Towers Watson (2021), "2022 Global Medical Trends Survey Report".

Bank akan bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk mengkaji langkah-langkah yang boleh menggalakkan penggunaan yang lebih bertanggungjawab dalam kalangan pengguna, termasuk kebolehlaksanaan untuk memperkenalkan ciri-ciri perkongsian kos[9] (*cost-share*) yang lebih bermakna dalam perlindungan HSIT. Berdasarkan pemerhatian Bank, ciri-ciri perkongsian kos yang dilaksanakan di negara lain telah mendorong tingkah laku penggunaan positif secara berkesan dengan mengurangkan "sindrom bufet"[10] dalam kalangan pemegang polisi dan sijil, dan dengan itu mengurangkan penggunaan berlebihan perkhidmatan perubatan yang boleh membawa kepada inflasi tuntutan yang lebih tinggi. Di Malaysia sendiri, berdasarkan kumpulan sampel HSIT[11], Bank telah memerhatikan bagaimana ciri-ciri perkongsian kos telah mengurangkan premium/caruman sebanyak 19% hingga 68%.

Bagi melengkapkan ciri-ciri perkongsian kos, Bank juga akan mengkaji daya maju mekanisme lain untuk menggalakkan tabungan secara aktif dan menggembleng dana untuk perbelanjaan berkaitan dengan perubatan. Mekanisme tabungan sedemikian akan membolehkan pengurusan risiko kelanjutan umur (*longevity risk*) yang lebih baik. Dana boleh digunakan untuk membiayai tambah nilai premium/caruman, kenaikan kos perubatan pada masa hadapan dan perbelanjaan sendiri untuk perkhidmatan yang tidak dilindungi di bawah perlindungan perubatan. Oleh yang demikian, Bank akan mengkaji dan menilai kesesuaian untuk mewujudkan pelan peringkat kebangsaan dengan agensi dan pihak berkepentingan yang berkaitan, selaras dengan pembaharuan penjagaan kesihatan yang dirancang oleh Kerajaan.

- Kedua, Bank berhasrat untuk **menyokong pengurusan kawalan kos yang lebih baik dan ketelusan** perlindungan MHIT dengan memanfaatkan penyelesaian digital. Usaha ini akan dijalankan secara berperingkat, dengan fasa pertama akan tertumpu pada penyediaan protokol data dalam kalangan ITO. Sebaik-baiknya, usaha ini juga boleh diperluaskan pada masa hadapan untuk menyeragamkan protokol data dalam kalangan hospital melalui kerjasama dengan pihak berkepentingan yang berkaitan.

  Sebagai permulaan, Bank akan membantu mengumpul dan menyeragamkan data tuntutan MHIT merentas industri melalui platform pertukaran data berpusat. Usaha ini bertujuan untuk membolehkan analisis data tuntutan perubatan yang lebih luas di seluruh industri dan membuka jalan bagi penerbitan kos prosedur perubatan biasa, serta pelaksanaan tahap perkongsian kos minimum. Bank akan mengemudi industri untuk mewujudkan arkitektur data terbuka bagi platform tersebut untuk meletakkan asas bagi membolehkan ITO menghantar dan menganalisis data dengan cara yang lebih cekap serta sistematik, sebagai sebahagian daripada visi yang lebih luas untuk mendigitalkan data MHIT.

  Bank juga akan menggalakkan lebih ketelusan untuk pengguna membuat keputusan penjagaan kesihatan berdasarkan maklumat yang mencukupi mengenai penyedia perubatan pilihan mereka dan kewajaran kos yang ditanggung. Hal ini termasuk bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memberikan maklumat yang relevan kepada orang ramai tentang kos prosedur perubatan biasa. Usaha yang sama telah dilihat berkesan di Singapura, Australia dan Amerika Syarikat.

- Ketiga, Bank akan **melaksanakan standard yang lebih tinggi mengenai amalan perniagaan dan amalan jualan**, termasuk tetapi tidak terhad kepada: (i) meningkatkan keperluan lembaran penzahiran produk untuk menambah baik pemahaman pengguna dan menggalakkan tindakan berdasarkan maklumat yang mencukupi; (ii) memperkukuh kehendak jualan berasaskan keperluan untuk produk MHIT bagi mengurangkan risiko salah jual; dan (iii) menyediakan panduan tambahan tentang amalan penentuan semula harga bagi menggalakkan pendekatan penentuan semula harga yang lebih objektif, berstruktur dan konsisten untuk industri pada masa hadapan.

---

[9] Perkongsian kos merujuk bahagian kos untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan yang dikongsi antara pesakit dengan penanggung insurans/ pengendali takaful mereka.

[10] Fenomena apabila pemegang polisi dan sijil berusaha untuk memaksimumkan nilai premium/caruman yang dibayar, dengan itu menggunakan perkhidmatan perubatan tanpa mengambil kira kewajaran atau keperluan kos yang berkaitan. Hal ini selalunya membawa kepada penggunaan perkhidmatan perubatan yang berlebihan.

[11] Berdasarkan rangkaian produk dengan deduktibel antara RM300 – RM50,000.

Menguruskan kemampuan dan kemampanan jangka panjang perlindungan bayaran balik perubatan di Malaysia memerlukan penyelarasan dan kerjasama daripada semua pihak berkepentingan dalam ekosistem iaitu pembayar, penyedia penjagaan kesihatan, organisasi penjagaan terurus, Kerajaan, dan pengawal selia serta pengguna. Pembaharuan struktur yang lebih luas dan usaha yang diselaraskan oleh KKM akan diperlukan untuk memastikan perkhidmatan penjagaan kesihatan kekal inklusif dan mampu dibayar oleh semua pengguna. Bagi tujuan ini, Bank komited untuk bekerjasama dengan KKM dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan untuk melaksanakan langkah-langkah di atas bersama-sama industri, dan menyokong pembaharuan ekosistem yang lebih luas.

- Bank akan **menyokong perancangan kewangan awal dan akses kepada pelbagai penyelesaian kewangan yang memenuhi keperluan persaraan** individu. Bank akan membantu pembangunan model perniagaan dan penyelesaian baharu dalam ekosistem perancangan persaraan yang akan menangani jurang perlindungan, serta melengkapkannya dengan usaha literasi Bank mengenai perancangan kewangan untuk persaraan di bawah FEN. Yang penting, usaha untuk membina semula dana persaraan yang berkurang akibat pengeluaran awal dan langkah-langkah bantuan perlu dilakukan segera. Ini harus dilaksanakan bersama-sama dengan pembaharuan yang lebih luas melalui tiga tonggak perlindungan sosial, yang akan menjadi faktor utama dalam membina semula daya tahan kewangan untuk persaraan (rujuk '*pembaharuan perlindungan sosial yang komprehensif*' dalam bahagian awal sebelum ini).

Strategi 2C
Membentuk sistem kewangan yang memastikan urus niaga yang adil dan bertanggungjawab dengan pengguna kewangan

Rangka kerja perlindungan pengguna yang berkesan sangat penting untuk landskap perkhidmatan kewangan yang inklusif dan sesuai. Rangka kerja perlindungan yang berkesan akan mewujudkan kepercayaan, menimbulkan keyakinan dan memperkasa pengguna dengan pengetahuan berkenaan hak dan tanggungjawab mereka. Hal ini seterusnya akan menyokong penggunaan penyelesaian kewangan secara lebih aktif dan produktif oleh pengguna. Perkembangan pesat kewangan digital memberikan peluang yang besar untuk meningkatkan pengalaman pemerkasaan pengguna dengan menyediakan lebih banyak penyelesaian yang berasaskan keperluan dan disuaikan, serta alatan inovatif untuk membuat keputusan kewangan yang berdasarkan maklumat yang mencukupi. Walau bagaimanapun, perkembangan kewangan digital yang pesat juga memperkenalkan risiko baharu yang boleh menjejaskan kepercayaan pengguna dan perlu ditangani secara aktif, seperti penipuan digital, penyalahgunaan data peribadi dan pengecualian kewangan yang dikaitkan dengan bias pembelajaran mesin.

Aplikasi perkhidmatan kewangan baru muncul yang dibolehkan oleh AI/ML seperti platform penasihat robo (*robo-advisory*), perkhidmatan agregator dan pengurusan kewangan peribadi sudah semakin diterima oleh pasaran. Dalam sesetengah kes, platform ini menggantikan peranan ejen, khususnya bagi mereka yang tidak meningkatkan kemahiran untuk memberikan lebih nilai kepada pelanggan mereka dengan khidmat nasihat yang khusus, berasaskan keperluan dan menjimatkan kos. Hal ini menyerlahkan perlunya pengantara fizikal, terutamanya ejen insurans/takaful, untuk mempertimbangkan cara amalan perniagaan mereka supaya berkembang untuk kekal relevan, sama ada melalui transformasi digital, penggunaan standard profesionalisme yang lebih tinggi, atau kedua-duanya.

Dalam mengemudi persekitaran pada masa hadapan, Bank akan mewujudkan persekitaran pengawalseliaan yang kondusif untuk terus memberikan hasil pengguna yang adil dan munasabah, dengan menangani pergeseran pengawalseliaan yang tidak wajar dan terus memperkasakan pengguna. Pada masa yang sama, Bank juga akan meningkatkan rangka kerja perlindungan pengguna dan amalan pasaran sedia ada dengan menangani kebimbangan pengguna yang timbul dan meletakkan akauntabiliti yang lebih berat ke atas FSP bagi melindungi kepentingan pengguna. Langkah ini akan disokong oleh prinsip menyeluruh Bank dalam mengawal selia inovasi (lihat Strategi 3B(iii) dalam bab "Memajukan pendigitalan dalam sektor kewangan").

Bagi tujuan ini, Bank akan berusaha melaksanakan perkara yang berikut:

i. Memperkukuh standard profesional, rangka kerja insentif dan amalan penzahiran;
ii. Menggalakkan persekitaran amalan yang menyokong inovasi dan kecekapan; dan
iii. Melaksanakan pembaharuan pengawalseliaan untuk memperkukuh pengawasan penyedia kredit pengguna bukan bank dan menggalakkan perlindungan pengguna yang konsisten.



i Memperkukuh standard profesional, rangka kerja insentif dan amalan penzahiran

- Bank akan **memastikan rangka kerja pengawalseliaan yang responsif terhadap pengawalan amalan** pengantara baharu dan sedia ada, terutamanya dalam perniagaan insurans dan takaful.

  - Bank akan **mengkaji semula keperluan pengawalseliaan sedia ada mengenai amalan pengantara** untuk merangkumi model perniagaan digital baharu dan pengembangan penyelesaian yang ditawarkan oleh pengantara sedia ada, seperti ejen insurans/takaful, broker dan penasihat kewangan (*financial advisers*, FA). Hal ini juga akan menggalakkan kemasukan pengantara digital baharu yang berwibawa dan boleh menawarkan penyelesaian inovatif bagi mengurangkan jurang perlindungan kritikal dalam kalangan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan, dengan memanfaatkan potensi jangkauan platform mereka.

  - Bank akan **meningkatkan rangka kerja dasar bankasurans/banktakaful** untuk memperkukuh perlindungan pengguna dan memastikan promosi produk insurans/takaful yang adil dan bertanggungjawab dijalankan melalui saluran bankasurans. Apabila bankasurans/bankatakaful berkembang sebagai saluran pengedaran utama, terutamanya untuk produk insurans hayat dan takaful keluarga, Bank melihat terdapatnya ruang untuk menyelaraskan amalan ejen bankasurans dengan lebih baik, mengikut keperluan pengguna. Penghalusan dasar termasuk memperkukuh keperluan tadbir urus dalaman dan memerlukan pengenalpastian, peletakan sasaran dan pemasaran berasaskan keperluan pengguna yang berkesan dijalankan pada masa hadapan. Dasar ini bertujuan untuk memastikan saluran bankasurans terus berkembang secara mampan dan bertanggungjawab, dengan mengambil kira kepentingan dan keperluan pengguna kewangan.

- Bank akan **meningkatkan tahap profesionalisme dan integriti pengantara** dalam melaksanakan peranan mereka bagi menyokong dengan lebih baik keputusan kewangan pengguna berdasarkan maklumat yang mencukupi.

  - Bank akan **menambah baik keperluan kelayakan profesional dan saringan kakitangan** bagi meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap tenaga kerja agensi sebagai saluran pengedaran yang adil dan dipercayai. Tenaga kerja agensi kekal sebagai wahana utama antara pengendali insurans dan takaful dengan pengguna, dengan 41% transaksi perniagaan dalam insurans hayat/takaful keluarga disokong oleh tenaga kerja tersebut pada tahun 2020[12]. Bagi melengkapkan ejen insurans hayat/takaful keluarga dengan lebih baik dalam kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan analisis keperluan kewangan dan menjelaskan risiko produk, Bank akan meningkatkan keperluan kelayakan peringkat kemasukan sedia ada. Bank juga akan mengenakan standard yang lebih kukuh kepada penanggung insurans dan pengendali takaful berkaitan dengan saringan dan prosedur kakitangan untuk memastikan pematuhan ejen terhadap keperluan layak dan sesuai.

  - Bank dan SC akan bersama-sama **menjalankan kajian semula ke arah merasionalkan pengawalseliaan pengantara insurans/takaful dan pasaran modal** yang menyediakan khidmat nasihat kepada pengguna kewangan dan pelabur ke dalam satu rangka kerja pelesenan bersepadu. FA dan perancang kewangan (*financial planners*, FP) memainkan peranan penting dalam menyediakan nasihat kewangan dan pelaburan yang berkualiti untuk memudahkan pengguna membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi. Pada masa ini, FA yang diluluskan untuk memberikan nasihat mengenai produk insurans/takaful dikawal selia oleh Bank, manakala FP yang dilesenkan untuk memberikan nasihat mengenai produk pasaran modal dikawal selia di bawah bidang kuasa SC. Walau bagaimanapun, kebanyakan FA turut memohon lesen FP daripada SC untuk menawarkan rangkaian penuh khidmat nasihat kepada pelanggan mereka. Menyedari akan perkara ini, rasionalisasi ini bertujuan untuk mengurangkan kos pengawalseliaan daripada rejim dwipelesenan (*dual licensing*) FA dan FP, serta meningkatkan kecekapan melalui penawaran khidmat nasihat dan perancangan kewangan yang lebih luas.

  - Bank akan **mengkaji semula dan memperkukuh rangka kerja insentif untuk pengantara insurans dan takaful** bagi memastikan terdapat penjajaran dengan penyampaian hasil dan pengalaman pengguna yang baik. Memandangkan penyelesaian kewangan meningkat dari segi kepelbagaian dan kompleksiti, pengguna meletakkan kepercayaan dan pergantungan yang lebih tinggi kepada pengantara untuk memastikan kepentingan terbaik mereka semasa mengesyorkan produk. Oleh demikian, Bank akan melaksanakan langkah-langkah yang bertujuan untuk menggalakkan ketelusan yang lebih tinggi dan menyelaraskan rangka kerja insentif dengan jangkaan pengguna ini. Bank akan bermula dengan mengkaji daya maju peralihan daripada struktur imbuhan berasaskan komisen kepada struktur imbuhan berasaskan yuran, dan menambah baik lagi penzahiran kepada pengguna tentang amaun, jenis dan sumber imbuhan yang diterima oleh pengantara.

- Bank akan **meningkatkan keberkesanan keperluan ketelusan dan penzahiran produk** dengan meningkatkan kebolehcapaian kepada maklumat penting produk dan memanfaatkan pemahaman tingkah laku. Hasil ini akan memudahkan keputusan kewangan yang berdasarkan maklumat yang mencukupi. Bagi tujuan ini, Bank akan:

  - **Melipatgandakan penggunaan bahasa yang lebih mudah** menerusi navigasi yang lebih baik (contohnya papan tanda dengan panduan ringkas, gambar rajah) bagi membantu pengguna membuat rumusan berkenaan dengan manfaat, risiko serta terma dan syarat utama di sebalik produk yang ditawarkan.

  - **Memastikan keperluan penzahiran** terus mencerminkan keperluan dan pengalaman pengguna yang berubah-ubah (contohnya penzahiran melalui saluran digital untuk pengguna yang mengakses perkhidmatan kewangan melalui peranti mudah alih).

[12] Sumber: Bank Negara Malaysia.

- ☐ **Memanfaatkan pemahaman tingkah laku dengan lebih mendalam** untuk mendorong pengguna membuat pilihan kewangan yang bertanggungjawab dan optimum. Sebagai contoh, reka bentuk interaktif dan susun atur mesra mudah alih didapati telah menggalakkan pembacaan oleh pengguna yang kurang cenderung untuk mengkaji dokumen penzahiran secara digital.

- ■ Bank akan menggabungkan **penilaian risiko amalan sebagai komponen penting dalam libat urus penyeliaan dengan institusi kewangan di bawah proses kajian semula Penarafan Risiko Komposit (Composite Risk Rating, CRR)**[13] tahunan. Langkah ini menambahkan satu lagi dimensi selain kriteria keselamatan dan kekukuhan, yang menjadi tumpuan semasa komunikasi CRR. FSP akan dinilai dari segi tingkah laku dan amalan perniagaan mereka, serta sejauh mana amalan ini boleh menyebabkan kemudaratan kepada pengguna dan menimbulkan risiko kewangan atau reputasi yang ketara kepada FSP. Bank juga mungkin mengeluarkan teguran awam (*public reprimand*) sebagai sebahagian daripada penguatkuasaannya, dengan tujuan untuk memperkukuh budaya risiko amalan yang mantap dalam FSP. Apabila FSP memperkukuh akauntabiliti dan pengurusan risiko amalan pada masa hadapan, hal ini akan membuka jalan selanjutnya untuk Bank menerima pakai pendekatan yang lebih berasaskan prinsip dalam pengawalseliaan risiko amalan.



[13] Mewakili profil risiko keseluruhan FSP, tahap pemantauan dan intervensi penyeliaan yang diperlukan oleh Bank. Hal ini seterusnya menentukan kategori premium perlindungan deposit FSP.

ii Menggalakkan persekitaran amalan yang menyokong inovasi dan kecekapan

- Bank akan **menggariskan parameter minimum bagi mengenal pasti risiko amalan dan mitigasi** untuk model perniagaan baharu dan inovasi oleh industri. Sebagai contoh, penggunaan teknologi untuk merangkum, menyimpan dan menganalisis data perlu dilengkapi dengan perlindungan untuk mengelakkan penyalahgunaan data pelanggan dan dedahan kepada risiko keselamatan siber. Memandangkan landskap terus berkembang dengan kompleksiti yang lebih besar daripada inovasi, FSP juga perlu sentiasa meningkatkan rangka kerja kesinambungan dan penyelesaian perniagaan mereka melalui perancangan kontingensi, pemulihan dan penyelesaian keluar yang jelas. Ini bertujuan untuk mengurangkan gangguan kepada penyampaian perkhidmatan kewangan dan melindungi kepentingan pengguna sekiranya FSP keluar daripada pasaran.

- Bank akan **menggariskan prinsip dan kehendak pengawalseliaan tentang penggunaan teknologi yang baru muncul secara beretika**, khususnya AI. Aplikasi AI boleh menawarkan lonjakan ketara dalam kecekapan proses dan memperkaya pengalaman pelanggan. Contoh manfaat ini adalah melalui penilaian kredit automatik yang dibolehkan oleh algoritma dan penunjuk bukan tradisional, seperti hantaran media sosial dan transaksi pembelian dalam talian. Walau bagaimanapun, algoritma AI juga tertakluk pada bias yang boleh membawa kepada hasil yang tidak saksama atau pengecualian kewangan yang bukan dihasratkan bagi segmen pengguna tertentu yang merupakan peminjam yang mempunyai kebolehpercayaan kredit. Tadbir urus AI yang sesuai penting untuk menangani keadaan ini. Selaras dengan perkembangan pengawalseliaan global, rangka kerja Bank akan menekankan kepentingan penggunaan teknologi secara adil dan beretika, disokong oleh tadbir urus AI yang teguh dan telus.

- Bank meletakkan sasaran untuk **memudahkan perbandingan produk, proses alih dan penawaran produk inovatif oleh FSP**. Dengan berbuat demikian, Bank akan menumpukan usahanya ke arah mengenal pasti pembaharuan struktur yang akan menggalakkan ketelusan pasaran dan persaingan yang lebih baik bagi memanfaatkan pengguna.

  - Pertama, Bank akan **memastikan Rangka Kerja Kadar Rujukan (Reference Rate Framework, RRF)[14] yang dipertingkatkan dilaksanakan dengan berkesan untuk pasaran pinjaman yang lebih kompetitif**. Rangka kerja ini yang berkuat kuasa pada bulan Ogos 2022 akan memperkenalkan Kadar Asas Standard (Standardised Base Rate, SBR) sebagai kadar rujukan bersama untuk semua FSP dalam menentukan harga kemudahan pembiayaan runcit baharu. Harga kemudahan yang ditawarkan kepada pengguna akan disebut sebagai "*SBR + spread*". Perubahan ini bertujuan untuk memudahkan pengguna mengenal pasti FSP yang menawarkan kadar paling kompetitif. Disamping itu, Bank akan meneruskan usaha untuk menyokong pasaran pinjaman yang lebih cekap dan berdaya saing, dengan mengkaji langkah-langkah untuk mengurangkan kos tukar ganti (*switching cost*) untuk pengguna.



[14] Untuk butiran lanjut, rujuk Dokumen Dasar mengenai 'Rangka Kerja Kadar Rujukan' yang dikeluarkan pada 11 Ogos 2021 dan akan berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2022. Butiran lanjut boleh diakses melalui pautan berikut https://www.bnm.gov.my/documents/20124/938039/Reference+Rate+Framework.pdf.


- Kedua, Bank akan **mendorong usaha yang lebih meluas ke arah perkongsian data yang terbuka dan selamat** yang akan menyokong kemudahan perbandingan produk dan tukar ganti oleh pengguna (rujuk kepada Strategi 2A(ii) dalam bab ini dan Strategi 3A(ii) bab "Memajukan pendigitalan dalam sektor kewangan" untuk butiran lanjut). Bagi tujuan ini, Bank akan bermula dengan memberikan tumpuan pada usaha mewujudkan infrastruktur data dan rangka kerja tadbir urus data yang teguh.

iii Melaksanakan pembaharuan pengawalseliaan untuk memperkukuh pengawasan penyedia kredit pengguna bukan bank dan menggalakkan perlindungan pengguna yang konsisten

- Bank akan bekerjasama rapat dengan MOF dan SC untuk **memperbaharui arkitektur pengawalseliaan amalan** bagi memperkukuh pengawalseliaan ke atas penyedia kredit pengguna bukan bank. Hal ini akan dicapai melalui perkara yang berikut:

  - Pertama, **penggubalan Akta Kredit Pengguna (Consumer Credit Act, CCA) yang dicadangkan**. Pertindihan tanggungjawab antara pihak berkuasa kawal selia dan jurang liputan dalam penyeliaan penyedia kredit pengguna telah menyebabkan keadaan tidak konsisten pada tahap perlindungan yang diberikan kepada pengguna. Menyedari tentang perkara ini, Bank dan SC, dengan sokongan MOF, sedang menerajui pembaharuan untuk merapatkan jurang ini melalui penggubalan CCA. Di bawah CCA yang dicadangkan, Lembaga Pengawasan Kredit Pengguna (Consumer Credit Oversight Board, CCOB) akan ditubuhkan untuk bertindak sebagai pihak berkuasa amalan bebas bagi menyelia penyedia kredit pengguna yang pada masa ini tidak tertakluk pada pengawasan amalan pengguna[15]. Dalam jangka panjang, fungsi ini dijangka berkembang untuk merangkumi penyedia kredit bukan bank lain yang kini berada di bawah bidang kuasa pelbagai Kementerian dan agensi, dengan tujuan untuk akhirnya beralih kepada struktur bersepadu bagi pengawalseliaan amalan kewangan di Malaysia.

  - Kedua, **Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (Ombudsman for Financial Services, OFS) dan Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (Securities Industry Dispute Resolution Center, SIDREC) akan disatukan** sebagai satu skim penyelesaian pertikaian bersepadu. Rangka kerja penyelesaian pertikaian bebas penting dalam usaha Bank untuk memastikan pengaturan penyelesaian yang berkesan tersedia kepada pengguna kewangan. OFS ditubuhkan untuk menyediakan penyelesaian pertikaian yang berkaitan dengan entiti yang dikawal selia oleh Bank, manakala SIDREC di bawah SC menyediakan perkhidmatan penyelesaian pertikaian kepada pelabur yang berurusan dengan produk, perkhidmatan dan institusi pasaran modal. Penyatuan OFS-SIDREC bertujuan untuk meningkatkan sinergi operasi skim penyelesaian pertikaian memandangkan peningkatan kompleksiti penyelesaian kewangan dan kekaburan garis pemisah antara aktiviti pasaran kewangan dan modal yang dijalankan oleh FSP.



[15] Syarikat pemajakan, syarikat pemfaktoran, pengutip hutang, pembeli pinjaman terjejas bukan bank, entiti yang menawarkan skim Beli Sekarang Bayar Kemudian.

Teras Strategik 3
Memajukan pendigitalan dalam sektor kewangan

Pendigitalan terus memberi implikasi yang meluas terhadap perkhidmatan kewangan. Pelanggan mengharapkan perkhidmatan yang lebih pantas, lebih lancar dan lebih khusus, dengan kesedaran yang semakin meningkat tentang kepentingan privasi dan keselamatan data. Model perniagaan digital juga semakin didorong oleh ekosistem, sama ada melalui platform atau rangkaian perkongsian. Di samping itu, landskap risiko juga sedang mengalami perubahan. Sempadan menjadi semakin kabur dengan rantaian yang baharu dan lebih kompleks dalam dan di luar sektor kewangan. Yang penting, industri kewangan Malaysia perlu memanfaatkan kelebihan pendigitalan disamping perlu mengurus risiko yang berkaitan, terutamanya risiko yang mungkin mengancam kestabilan seluruh sistem, keperluan pengguna dan keyakinan terhadap sektor kewangan.

Bagi tujuan ini, Bank akan melaksanakan empat strategi utama (Gambar Rajah 1).


Gambar Rajah 1:
Memajukan pendigitalan dalam sektor kewangan



A

Memperteguh infrastruktur digital utama untuk masa hadapan


- Memanfaatkan infrastruktur kewangan utama untuk ekosistem digital Malaysia yang lebih meluas
- Memajukan pembangunan ekosistem data terbuka yang sesuai dan adil untuk masa hadapan



B

Menyokong landskap perkhidmatan kewangan digital yang lebih memberangsangkan


- Mempermudah laluan ujian, skala dan keluar untuk inovasi digital
- Menyokong strategi yang diterajui industri untuk penerapan pembayaran digital
- Mengekalkan pengawasan yang berkesan ke atas model perniagaan digital



C

Memperkukuh kesediaan dan tindak balas keselamatan siber

- Memperkukuh pengawasan dan keupayaan keselamatan siber di seluruh sistem
- Memperkukuh usaha kolaboratif keselamatan siber di dalam negeri dan di peringkat global



D


Menyokong penggunaan teknologi yang lebih meluas bagi tujuan pengawalan dan penyeliaan

- Memanfaatkan teknologi untuk mengukuhkan lagi pengawalan dan penyeliaan Bank terhadap industri kewangan
- Memperteguh strategi data Bank untuk masa hadapan

Strategi 3A
Memperteguh infrastruktur digital utama untuk masa hadapan

Ekonomi digital dibina berlandaskan gabungan infrastruktur teknologi (Gambar Rajah 2). Infrastruktur kewangan merupakan bahagian yang penting dalam gabungan infrastruktur ini. Contohnya, sistem pembayaran dan penyelesaian membolehkan kegiatan ekonomi harian isi rumah dan perniagaan dijalankan. Apabila lebih banyak transaksi dan data beralih ke sfera digital, maka akan wujud potensi dan risiko yang besar bersama-samanya.

Gambar Rajah 2:
Infrastruktur utama untuk ekonomi digital



Strategi Bank bagi memperteguh infrastruktur kewangan utama untuk masa hadapan akan berteraskan pada beberapa hasil yang diingini. Pertama, infrastruktur ini perlu berdaya tahan, terutamanya untuk mewujudkan satu ekosistem yang selamat dan memelihara kesinambungan perkhidmatan yang penting dalam situasi mencabar. Kedua, infrastruktur ini hendaklah terangkum iaitu dirangka untuk menggalakkan keterbukaan dan saling kendali, mencerminkan profil pihak berkepentingan yang semakin pelbagai dalam landskap kewangan, tanpa menjejaskan keselamatan sistem. Ketiga, infrastruktur ini perlu disesuaikan dengan perkembangan baru muncul, termasuk teknologi dan model pengendalian baharu.

Infrastruktur digital yang lebih luas, termasuk infrastruktur digital bukan kewangan, juga sama pentingnya untuk mencapai objektif pembangunan kewangan. Hasil yang serupa seperti daya tahan, keterangkuman dan kebolehsuaian juga perlu menjadi panduan kepada pembangunan infrastruktur ini. Ketersambungan dan identiti digital merupakan beberapa contoh utama yang menyokong inovasi yang lebih meluas dan penggunaan perkhidmatan kewangan digital. Infrastruktur ini juga akan menjadi penting bagi memanfaatkan platform digital yang baru muncul untuk meraih peluang yang besar bagi sektor kewangan dan ekonomi yang lebih luas.

Bagi ekosistem data, Bank akan meningkatkan usaha yang boleh memberikan lebih manfaat kepada pengguna kewangan. Usaha ini termasuk menyediakan dasar dan perlindungan yang menyokong penggunaan data yang bertanggungjawab dan beretika, serta memudahkan inisiatif perkongsian data yang adil dan bersifat timbal balik dalam kalangan peserta ekosistem data Malaysia. Usaha ini akan diperkukuh melalui inisiatif kerjasama dengan Kerajaan bagi mempercepat pelaksanaan dan penambahbaikan infrastruktur yang lebih luas ini.

Bagi tujuan ini, Bank akan:

i. Memanfaatkan infrastruktur kewangan utama untuk ekosistem digital Malaysia yang lebih luas; dan
ii. Memajukan pembangunan ekosistem data terbuka yang sesuai untuk masa hadapan.

i Memanfaatkan infrastruktur kewangan utama untuk ekosistem digital Malaysia yang lebih luas

Bank akan mengkaji semula model akses RENTAS untuk menampung penyertaan yang lebih pelbagai, termasuk penyertaan penyedia perkhidmatan pembayaran bukan bank

- Bank bertujuan memperteguhkan **sistem pembayaran Malaysia untuk masa hadapan terutamanya infrastruktur pembayaran masa nyata**, termasuk sistem penyelesaian kasar masa nyata dan sistem pembayaran runcit, dengan tumpuan terhadap tiga bidang.

  - **Usaha pemodenan berbilang tahun untuk Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-Time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS)**. Sebagai sebahagian daripada usaha ini, Bank akan mengkaji semula model akses RENTAS untuk menampung penyertaan yang lebih pelbagai termasuk penyertaan penyedia perkhidmatan pembayaran (*payment service provider,* PSP) bukan bank, tanpa menjejaskan daya tahan operasi dan daya tahan siber RENTAS. Selain menjadikan persaingan lebih adil antara bank dengan PSP bukan bank, usaha ini akan memperluas julat transaksi yang diselesaikan melalui wang bank pusat dan seterusnya berpotensi mengurangkan risiko penyelesaian dalam ekosistem. Usaha pemodenan juga akan merangkumi inisiatif untuk mengukuhkan pengurusan risiko dari mula ke akhir dalam RENTAS, menggalakkan saling kendali dan meningkatkan kecekapan, membantu persaingan dan inovasi, serta menambah baik kefungsian pengguna (lihat Gambar Rajah 3 untuk ringkasan).

  - **Membolehkan infrastruktur pembayaran dikongsi bersama** dalam ekosistem pembayaran Malaysia, termasuk RPP. Infrastruktur ini membolehkan peserta industri mengumpulkan sumber dan berkongsi kos, sambil bersaing pada peringkat produk untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna akhir, seperti pengguna dan peniaga. Usaha penting yang menjadi keutamaan adalah untuk memelihara dan memastikan pelaksanaan

Gambar Rajah 3:
Objektif utama pelaksanaan modenisasi RENTAS



Memperkukuh daya tahan
- Mengkaji semula infrastruktur sistem secara holistik, termasuk untuk mengukuhkan perlindungan daripada ancaman siber dan menyediakan infrastruktur yang fleksibel untuk memenuhi keperluan masa hapadan



Menggalakkan kesalingkendalian dan kecekapan
- Menggalakkan penjajaran dengan standard antarabangsa (cth. penerapan Pertubuhan Perniawaian Antarabangsa (International Organisation for Standardisation, ISO) 20022 di seluruh industri menjelang pertengahan tahun 2024, melalui pendekatan secara berperingkat)



Membolehkan persaingan dan inovasi
- Menilai semula model akses RENTAS bagi memenuhi pengaturan penyertaan yang lebih pelbagai
- Mengkaji kemungkinan penggunaan mata wang digital bank pusat (CBDC) dan teknologi lejar teragih (DLT) untuk RENTAS



Mempertingkatkan fungsi pengguna
- Memudahkan pelaporan masa nyata dan keupayaan pemantauan yang dipertingkat serta membangunkan alat yang lebih baik untuk membuat analisis di bawah RENTAS iLINK*
- Mengkaji penggunaan antara muka API bagi menggantikan saluran akses sedia ada untuk RENTAS

* **RENTAS iLINK adalah sistem berasaskan web dalam RENTAS yang menyediakan maklumat masa nyata kepada peserta seperti kedudukan wang tunai, pemegangan sekuriti dan status penyelesaian.*

rejim akses terbuka dan akses berasaskan risiko yang berkesan untuk bank dan PSP bukan bank, sama ada melalui rejim penyertaan langsung atau tidak langsung[1].

Antara bidang-bidang tumpuan yang lain termasuk memudahkan penerapan standard teknikal yang lazim (contohnya ISO 20022, DuitNow QR) dan meneroka peluang untuk memanfaatkan infrastruktur pembayaran yang dikongsi bersama bagi lebih banyak kes penggunaan (contohnya bayaran kebajikan, bayaran balik cukai, analisis penipuan, pembiayaan perdagangan).

- ☐ **Mempergiat usaha untuk menambah baik kecekapan pembayaran rentas sempadan**. Bank akan bekerjasama dengan peserta industri untuk menangani cabaran yang berkaitan dengan pembayaran rentas sempadan, seperti kos yang tinggi, kelajuan yang rendah, akses yang terhad dan ketelusan yang tidak mencukupi. Hal ini termasuk usaha menghubungkan RPP dengan sistem pembayaran masa nyata lain di rantau Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) dan negara-negara lain, dengan memberikan tumpuan pada negara yang mempunyai hubungan ekonomi yang kukuh dengan Malaysia. Bank akan membangunkan jalinan pembayaran QR yang telah diwujudkan baru-baru ini dengan Thailand dan Indonesia, di samping usaha yang berterusan dengan Singapura dan Filipina. Usaha-usaha ini bermatlamat untuk meluaskan skop kes penggunaan kepada pemindahan dana P2P serta mewujudkan jalinan yang serupa dengan negara-negara lain di dalam dan luar rantau ini. Selain rantau ini, Bank juga sedang mengusahakan pembuktian konsep (*proof-of-concept,* POC) dengan Bank for International Settlements (BIS) Innovation Hub dan rakan kongsi lain dalam Projek Nexus untuk membangunkan model berbilang hala dan berskala. Projek ini bertujuan menghubungkan semua sistem pembayaran masa nyata secara global bagi memudahkan pembayaran rentas sempadan yang pantas dan lancar.

  Sebagai tambahan pada jalinan pembayaran masa nyata, Bank akan **meneroka inovasi pembayaran yang baharu bagi pembayaran rentas sempadan**, seperti penggunaan pengaturan berbilang CBDC. Tidak seperti pengaturan perbankan koresponden sedia ada, penggunaan CBDC boleh memendekkan rantaian transaksi dan membebaskan mudah tunai yang 'terperangkap' dalam akaun perbankan koresponden, sekali gus menghasilkan pembayaran rentas sempadan yang lebih pantas dan murah. Bank akan memulakan inisiatif kerjasama dalam pengaturan tersebut, termasuk memanfaatkan dapatan daripada penyertaan dalam Projek Dunbar. Dalam hal ini, Bank telah bekerjasama dengan BIS Innovation Hub dan bank-bank pusat lain, iaitu Reserve Bank of Australia, Monetary Authority of Singapore dan South African Reserve Bank untuk menguji penggunaan CBDC berbilang dan DLT bagi penyelesaian rentas sempadan.

- ■ Bank akan **mempergiat penyelidikan dan ujian mengenai penggunaan mata wang digital bank pusat** untuk infrastruktur monetari dan kewangan Malaysia. Tumpuan awal akan diberikan pada pembayaran borong sebagai sebahagian daripada usaha gerak balas yang lebih luas terhadap perkembangan mata wang digital (rujuk rencana "Mata wang digital: Sempadan baharu").



[1] Rejim penyertaan tidak langsung bermaksud pergantungan penyedia perkhidmatan pembayaran bukan bank kepada pengantara (juga dikenali sebagai 'institusi penaja') untuk menyertai rangkaian infrastruktur pembayaran yang dikongsi bersama secara tidak langsung. Sesetengah PSP mungkin lebih suka rejim penyertaan tidak langsung disebabkan keperluan komersial atau operasi tertentu.



- Pelaksanaan perkhidmatan kewangan digital yang berkesan juga bergantung pada **ketersediaan infrastruktur digital lazim bukan kewangan yang menyokong semua sektor ekonomi**. Bagi tujuan ini, terdapat tiga bidang utama yang akan terus dilaksanakan oleh Bank dengan kerjasama Kerajaan dan agensi yang berkaitan:

  - **Pembentukan identiti digital nasional**, yang memerlukan kerjasama terselaras antara pelbagai agensi kerajaan dengan sektor swasta. Bank akan terus menyokong pelaksanaan yang cepat dan berkesan bagi memenuhi keperluan sedia ada dan akan datang (terutamanya berkaitan dengan pilihan teknologi untuk pengesahan).

  - Pembaharuan dalam aspek perundangan dan kawal selia bagi memudahkan pendigitalan proses perniagaan dari mula ke akhir, seperti **penggunaan tandatangan digital dan elektronik** oleh sektor swasta dan sektor awam.

  - Kepantasan, kualiti dan kemampuan memiliki **sambungan internet** di seluruh negara dan merentas segmen masyarakat. Hal ini seterusnya akan memudahkan kebolehcapaian dan penggunaan perkhidmatan kewangan digital yang lebih besar, terutamanya dalam kalangan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan dan segmen yang tidak mendapat perkhidmatan kewangan, serta mereka yang tinggal di kawasan luar bandar.

ii Melaksanakan pembangunan ekosistem data terbuka yang sesuai untuk masa hadapan

- Bank akan terus **menyokong usaha membangunkan standard lazim untuk perkongsian data dalam sektor kewangan,** terutamanya bagi kes penggunaan berimpak tinggi. Bagi tujuan ini, Bank berhasrat untuk menumpukan usaha-usaha pada kes penggunaan yang:

  - Menggalakkan **rangkuman kewangan** yang lebih meluas. Hal ini termasuk memudahkan pengaturan perkongsian data baharu, seperti pengguna "*thin file*", iaitu mereka yang mempunyai sedikit atau tiada sejarah kredit, bagi membolehkan model pemarkahan kredit alternatif dibangunkan. Model ini bertujuan untuk menggunakan pelbagai bentuk data alternatif seperti data pembayaran atau utiliti, yang boleh membantu meningkatkan penilaian kepercayaan kredit.

  - Menyokong pengguna untuk membuat **keputusan kewangan yang lebih baik berdasarkan maklumat yang mencukupi**, seperti melalui perancangan kewangan. Hal ini termasuk penyelesaian pengurusan kewangan peribadi, menyediakan maklumat yang lebih berkualiti kepada pengguna dan mendorong pengguna ke arah tingkah laku kewangan yang lebih baik (seperti menggalakkan tabiat baik berhubung dengan tabungan dan pelaburan).

Dalam kes penggunaan khusus yang telah dikenal pasti oleh industri, Bank akan bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan yang berkaitan dalam pembangunan standard data lazim dan pengaturan perkongsian data yang sesuai. Hal ini bertujuan untuk memberikan panduan tentang dasar dan pengawalan, yang mana sesuai. Pendekatan yang diterajui pasaran secara amnya akan lebih diutamakan bagi menyediakan ruang yang mencukupi kepada peserta industri untuk melakukan ujian dan pengulangan, sebelum menetapkan standard yang sesuai dengan tujuan (*fit-for-purpose*). Walau bagaimanapun, Bank mungkin mempertimbang untuk mewujudkan

Gambar Rajah 4:
Pendigitalan - pengubah pengalaman tuntutan motor pengguna



mandat bagi mempercepat kemajuan, sekiranya perlu. Hal ini bagi memenuhi kepentingan orang ramai yang lebih luas selaras dengan objektif pengawalseliaan Bank.

- Bank akan **menyokong usaha untuk mewujudkan infrastruktur data yang dikongsi bersama untuk sektor kewangan dan rantaian nilainya yang lebih luas**. Hal ini termasuk platform digital baru muncul yang membolehkan sambungan yang lebih lancar dan cekap dalam kalangan pengguna yang pelbagai. Seperti infrastruktur digital utama yang lain, keutamaan penting Bank adalah untuk menggalakkan penerapan prinsip reka bentuk terbuka dan saling boleh kendali. Antara infrastruktur ini termasuk infrastruktur pembiayaan perdagangan (contohnya untuk mengesan invois pendua), pertukaran data tuntutan perubatan (contohnya untuk kos prosedur perubatan biasa) yang boleh diakses oleh peserta industri, serta sistem moden yang membolehkan pengalaman digital dari mula ke akhir untuk tuntutan motor.

  Bagi perkhidmatan insurans dan takaful khususnya, pendigitalan merupakan titik peralihan penting yang akan membawa perkhidmatan semasa ke tahap yang lebih tinggi. Hal ini terutamanya untuk mencipta pengalaman yang lancar bagi pengguna yang membuat tuntutan motor, serta menangani kerumitan yang sedia ada dalam proses tersebut. Bagi tujuan ini, Bank akan mempergiat usaha untuk membuka laluan kepada penanggung insurans dan pengendali takaful melaksanakan usaha transformasi digital yang akan menghasilkan proses yang lebih bersepadu, telus dan lancar (lihat Gambar Rajah 4 untuk matlamat yang dihasratkan bagi ekosistem motor). Hal ini termasuk mewujudkan dan menambah baik infrastruktur sedia ada untuk menyokong penggunaan teknologi digital dalam proses tuntutan. Infrastruktur ini merupakan prasyarat yang diperlukan untuk liberasasi tarif motor yang sepenuhnya.

- Bank akan **terus mengkaji semula rangka kerja tadbir urus data untuk sektor kewangan**, seiring dengan perkembangan undang-undang dan aplikasi teknologi bagi memastikan perlindungan dan layanan yang adil terhadap pengguna kewangan. Kajian semula ini termasuk potensi penambahbaikan pada mekanisme persetujuan pelanggan dan keperluan mengenai penggunaan data yang beretika dan bertanggungjawab. Hal ini merupakan elemen utama dalam pembentukan rejim data yang dipercayai. Bank menghendaki FSP untuk mengumpul, memproses dan berkongsi data peribadi pengguna dengan cara yang sah dan selamat supaya individu mengetahui cara data mereka akan digunakan dan memberikan persetujuan untuk penggunaan data tersebut. Data juga hendaklah digunakan dengan cara yang tidak mengakibatkan layanan tidak adil terhadap pengguna.

- Selain industri kewangan, Bank akan terus bekerjasama dengan peserta industri dan pihak berkepentingan lain bagi **membolehkan pengaturan yang lebih luas untuk perkongsian data yang lebih terbuka dan selamat, dengan menumpukan pada tiga keutamaan**:

  - **Meningkatkan kebolehcapaian kepada data awam** di bawah inisiatif-inisiatif data terbuka Kerajaan. Inisiatif-inisiatif ini, contohnya platform Data Terbuka Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit, MAMPU), memberikan potensi kepada pelbagai pihak berkepentingan, termasuk sektor kewangan, untuk memanfaatkan set data yang berada di bawah agensi-agensi lain. Hal ini membolehkan pihak berkepentingan mewujudkan inovasi yang didorong data supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada orang ramai. Bagi menjadikan perkongsian data lebih lancar, semua pembaharuan utama yang dibincangkan dalam dokumen dasar perdana (contohnya RMK12, MyDigital) perlu diselaraskan dan pendekatan seragam untuk tadbir urus data dibangunkan. Hal ini seterusnya akan menyediakan asas yang diperlukan untuk menerima pakai standard dan format saling boleh kendali merentas sektor.

  - **Menyokong usaha negara membangunkan rangka kerja undang-undang perlindungan data**. Bank akan melaksanakan usaha ini khususnya melalui keahlian Bank dalam jawatankuasa peringkat kebangsaan. Bank juga akan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan berhubung dengan undang-undang dan dasar utama, seperti merangka NDSP dan pindaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Personal Data Protection Act 2010, PDPA). Pelaksanaan PDPA yang dipinda dan NDSP akan mengukuhkan keyakinan dan kepercayaan pengguna data bagi menyokong perkongsian data yang lebih meluas dalam ekonomi digital secara keseluruhan.

  - **Menyokong inisiatif perkongsian data peringkat serantau**. Bagi tujuan ini, Bank akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan peserta industri untuk melaksanakan amalan terbaik berhubung dengan aliran data rentas sempadan, yang sejajar dengan standard dan dasar global. Bidang tumpuan utama termasuk menangani penipuan dan pengubahan wang haram rentas sempadan, menyokong amalan pengurusan risiko institusi kewangan yang aktif pada peringkat antarabangsa serta menggalakkan aktiviti perdagangan termasuk dalam rantau ASEAN.

Strategi 3B
Menyokong landskap perkhidmatan kewangan digital yang lebih memberangsangkan

Perubahan teknologi yang berlaku pada kadar yang belum pernah dicatatkan sejak beberapa tahun kebelakangan telah membolehkan penggunaan aplikasi baharu dalam perkhidmatan kewangan. Pandemik telah mempercepat perubahan ini, didorong oleh pelanggan yang memilih untuk mengakses saluran kurang hubungan secara langsung (*low-touch*) atau saluran digital sepenuhnya, sekali gus membentuk tingkah laku norma bagi perkhidmatan kewangan.

Teknologi baharu boleh membentuk semula landskap ini, dengan memperluas sempadan keupayaan perkhidmatan kewangan dari segi teknikal dan operasi. Tumpuan perlu diberikan kepada usaha untuk bergerak seiring dan bertindak balas secara berkesan terhadap teknologi.

Dalam hal ini, strategi Bank adalah untuk memberikan tumpuan terhadap usaha memupuk persekitaran yang menyokong inovasi, sambil memelihara kestabilan sistem kewangan yang lebih meluas. Bank juga akan mengutamakan pengukuhan pengaturan institusi untuk memudahkan kerjasama yang lebih erat dalam kalangan peserta industri, pengawal selia dan agensi-agensi lain.

Bagi mencapai matlamat ini, Bank akan melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

i. Mempermudah laluan ujian, skala dan keluar untuk inovasi digital;
ii. Menyokong strategi yang diterajui industri untuk penerapan pembayaran digital; dan
iii. Mengekalkan pengawasan yang berkesan ke atas model perniagaan digital.

i Mempertingkat laluan ujian, skala dan keluar untuk inovasi digital

- Bank akan meningkatkan mekanisme ujian untuk inovasi kewangan melalui dua cara utama.

  Pertama, Bank akan **mengemas kini Sandbox Pengawalseliaan (*Regulatory Sandbox*)**. Sandbox telah memainkan peranan penting dalam memajukan inovasi digital setakat ini, dengan membuka laluan untuk kes-kes penggunaan penting seperti e-Kenali Pelanggan Anda (*electronic Know-Your-Customer*, e-KYC), dan model perniagaan baharu seperti penanggung insurans digital, takaful keluarga P2P dan pengiriman wang digital. Sandbox akan terus menyokong peserta industri untuk membawa inovasi kewangan dengan selamat ke pasaran, merentas peringkat kitaran inovasi yang berbeza.

  Penambahbaikan pada masa hadapan akan meletakkan sasaran untuk mempercepat ujian tempoh sedia untuk digunakan (*time-to-live testing*) dalam Sandbox. Bagi penyelesaian inovatif pada peringkat akhir atau peringkat yang lebih lanjut, penambahbaikan ini mungkin termasuk laluan yang dipercepat untuk aktiviti berisiko lebih rendah atau parameter ujian yang dipermudah bagi peserta yang dapat menunjukkan amalan tadbir urus dan pengurusan risiko yang mantap. Khususnya, bagi institusi kewangan yang sudah berada di bawah pengawalseliaan Bank, Bank akan memudahkan dan mengurangkan proses pengawalan akses Sandbox untuk menguji cadangan nilai baharu dan menangani implikasi pengawalseliaan. Usaha ini bertujuan membolehkan institusi kewangan menguji inovasi mereka dengan lebih cepat dan fleksibel, di samping dilengkapi parameter ujian berasaskan prinsip.

  Berdasarkan pengalaman Bank dengan laluan ujian e-KYC khusus, Bank juga akan mempertimbangkan laluan dipercepat yang serupa untuk kes penggunaan lain yang berkaitan. Usaha ini akan merangkumi aktiviti berisiko rendah atau boleh diurus dalam sempadan yang standard dan ditentukan lebih awal, atau apabila pembangunan dasar yang berkaitan sedang dijalankan. Aktiviti sedemikian termasuk aktiviti pengagregatan insurans dan takaful.

  Kedua, Bank akan **melaksanakan mekanisme 'rintis secara kolaboratif'** untuk bidang-bidang yang memerlukan transformasi digital pada peringkat industri atau kebangsaan. Hal ini relevan untuk inovasi kewangan yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan. Ujian dan pengulangan merentas rantaian nilai diperlukan bagi membuka laluan ke arah model dan pengaturan perniagaan yang berdaya maju untuk industri. Hal ini termasuk usaha untuk mewujudkan utiliti atau platform yang dikongsi bersama, menggalakkan standard lazim, atau merintis kes-kes penggunaan baharu untuk industri.

  Sebelum ini, Bank telah menggunakan pendekatan kolaboratif untuk menggalakkan penggunaan standard API terbuka lazim dan membangunkan Projek Spyder[2], iaitu penyelesaian kewangan perdagangan berasaskan DLT. Di samping meneruskan usaha sedemikian, Bank juga akan melaksanakan inisiatif ke arah mewujudkan infrastruktur digital yang dikongsi bersama untuk penyelesaian insurans dan takaful, seperti yang dinyatakan dalam Strategi 3A(ii) dalam bab ini.



[2] Projek Spyder merupakan pembuktian konsep (proof-of-concept) yang dibangunkan pada tahun 2019 antara Bank dengan konsortium industri bank-bank Malaysia terkemuka untuk mengesan pembiayaan invois berganda dan untuk membolehkan perkongsian antara bank mengenai maklumat invois dengan cara yang selamat. Fasa ujian Projek Spyder telah dimuktamadkan pada bulan November 2019, di mana lebih 1,700 invois berganda dikesan daripada lebih 290,000 invois yang dihantar oleh bank-bank peserta.

- Bank akan **menyokong pendigitalan model perniagaan dalam perkhidmatan kewangan secara lebih tersebar**, iaitu memberikan keutamaan kepada perniagaan yang boleh meluaskan lagi rangkuman kewangan. Hal ini bagi memenuhi keperluan golongan yang tidak mendapat perkhidmatan kewangan dan golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan (lihat bab "Meningkatkan kesejahteraan kewangan isi rumah dan perniagaan").

  Keutamaan akan diberikan kepada **pelaksanaan rangka kerja perbankan digital yang lancar**. Bank komited untuk memastikan persekitaran dasar kekal relevan untuk bank digital dan bank sedia ada terus mengembangkan model perniagaan mereka (contohnya melalui usaha sama yang lebih erat dengan FSP yang lain atau pihak ketiga) bagi mewujudkan ekosistem yang boleh menangani dengan lebih baik segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan dan tidak mendapat perkhidmatan kewangan, tanpa menjejaskan kestabilan seluruh sistem dan hasil yang berkaitan dengan pengguna. Pertimbangan utama adalah untuk memupuk persekitaran pengawalseliaan yang sesuai bagi semua peserta yang terlibat dalam perkhidmatan perbankan, sama ada melalui saluran tradisional atau digital, selaras dengan prinsip pariti, kesetaraan dan keneutralan (rujuk Strategi 3B (iii) dalam bab ini).

  Di samping itu, Bank akan **memuktamadkan rangka kerja pengawalseliaan bagi penanggung insurans digital dan pengendali takaful digital pada tahun 2022**, dengan tujuan untuk mempertingkatkan kedinamikan sektor ini secara signifikan. Pada tahun 2023, Bank berhasrat untuk memberikan lesen kepada peserta digital baharu yang boleh memanfaatkan teknologi untuk melaksanakan tawaran nilai dalam tiga aspek. Pertama, aspek rangkuman, iaitu untuk meningkatkan daya tahan kewangan pelanggan yang tidak mendapat perlindungan yang mencukupi. Kedua, aspek persaingan, iaitu untuk mengubah struktur pasaran insurans/takaful sedia ada melalui penyelesaian yang inovatif. Ketiga, aspek kecekapan, iaitu untuk memberikan pengalaman dan perlindungan pengguna yang lebih lancar pada kos yang lebih rendah.

- Bank akan terus **mendorong dan menyokong potensi pertumbuhan ekosistem *fintech* Malaysia yang lebih meluas**. Sebagai tambahan kepada infrastruktur digital yang lebih meluas (rujuk Strategi 3A dalam bab ini), Bank juga berhasrat untuk menyepadukan rangka kerja Bank, contohnya Sandbox, secara lancar dengan inisiatif lain pada peringkat industri dan kebangsaan. Usaha ini bertujuan untuk meluaskan rangkaian dengan pihak berkepentingan utama, yang dapat menghubungkan syarikat permulaan *fintech* kepada rangkaian kemudahan sokongan yang komprehensif, bermula daripada sumber pembangunan keupayaan sehingga peluang mengakses pasaran. Usaha ini akan dibangunkan berdasarkan pelbagai inisiatif sedia ada, termasuk inisiatif di bawah Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI) yang baru ditubuhkan.

ii Menyokong strategi yang diterajui industri untuk penerapan pembayaran digital

- Berdasarkan trajektori landskap perkhidmatan pembayaran runcit Malaysia, Bank akan **melaksanakan pendekatan yang diterajui industri untuk pembangunan pembayaran digital**. Tahap penggunaan pembayaran digital telah meningkat dengan ketara di Malaysia dan menjadi semakin pantas disebabkan oleh pandemik baru-baru ini. Meskipun usaha pengawalseliaan sepanjang dekad yang lalu telah membantu mempercepat kemajuan yang dicapai setakat ini, industri pembayaran runcit juga telah menjadi semakin matang. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Bank telah menyaksikan persaingan dalam industri semakin meningkat, terutamanya dengan kemasukan peserta baharu. Hal ini menyebabkan perkhidmatan kepada peniaga, termasuk PKS, menjadi lebih murah dan lebih inovatif. Teknologi baharu yang melibatkan pengguna secara langsung (*consumer-facing technologies*), seperti teknologi biometrik dan peranti boleh pakai, juga telah menjadikan pembayaran digital lebih mudah. Berlatarkan perkembangan ini, Bank berharap industri akan berusaha mengekalkan momentum penggunaan pembayaran digital, di samping Bank memainkan peranan untuk terus menyokong perkembangannya.



- ☐ Memandangkan ekonomi Malaysia secara amnya menggunakan lebih banyak teknologi digital, pentingnya fungsi pengendali sistem pembayaran (*payment system operators*, PSO) seperti Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet), Visa dan Mastercard kepada kestabilan seluruh sistem juga akan meningkat seiring dengan perkembangan minat dari sektor perniagaan untuk menjadi PSO di Malaysia. Sehubungan dengan itu, Bank akan **memajukan pengawalseliaan ke atas PSO**. Tindakan ini akan memberikan pencerahan dan menyelaraskan kehendak dalam bidang-bidang seperti tadbir urus, pengurusan risiko, daya tahan operasi dan ketelusan.

- ☐ Bank juga akan **mengkaji semula dasar pengawalseliaan pembayaran digital yang sedia ada** bagi memastikan dasar itu kekal relevan. Antara dasar tersebut ialah Rangka Kerja Dana Insentif untuk e-Pembayaran (e-Payment Incentive Fund Framework, ePIF), Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran (Payment Card Reform Framework, PCRF) dan Rangka Kerja Pemindahan Kredit Saling Boleh Kendali (Interoperable Credit Transfer Framework, ICTF).

- ☐ Usaha juga akan dilakukan untuk **membuka laluan bagi kepimpinan industri dan kedinamikan pasaran yang lebih besar berkaitan dengan pemegangan saham dalam PayNet**. Selaras dengan peranan PayNet sebagai pengendali infrastruktur pembayaran perkongsian, komposisi pemegangan sahamnya akan dipertingkatkan lagi untuk lebih mencerminkan kepelbagaian yang semakin meningkat dalam landskap pembayaran Malaysia. Seiring dengan perubahan ini, Bank akan melupuskan sahamnya dalam PayNet secara beransur-ansur mengikut peredaran masa.

- ■ Bank **menyokong aspirasi negara yang lebih luas untuk pembayaran digital di bawah MyDigital**. Bank menjangkakan komitmen daripada agensi persekutuan dan negeri untuk menerapkan bayaran tanpa tunai akan memainkan peranan penting bagi mewujudkan peralihan tingkah laku ke arah penerimaan pembayaran digital yang lebih meluas. Bank komited untuk menyokong aspirasi negara ini dan akan memperhebatkan strategi Bank untuk memupuk kesedaran bagi mencapai matlamat tersebut.


iii Mengekalkan pengawasan yang berkesan terhadap model perniagaan digital

- Bank akan **terus memperhalus dan menyesuaikan dasar sektor kewangan terhadap model perniagaan digital** bagi memastikan risiko diuruskan dengan berkesan. Inovasi digital sentiasa berkembang, dibentuk oleh perubahan teknologi dan kejayaan besar sektor perniagaan. Dalam mengawasi landskap sedemikian, Bank akan berpandukan pada satu set pertimbangan utama untuk menentukan cara Bank mengawal selia perkhidmatan kewangan digital (Gambar Rajah 5):

- Bank meletakkan sasaran untuk **memelihara pariti (*parity*), keserataan (*proportionality*), dan keneutralan (*neutrality*)**. Kenyataan ini bermakna jenis risiko yang sama akan dikawal dengan cara yang sama ('pariti') tetapi dengan kerapian dan keamatan yang disesuaikan dengan tahap risiko ('keserataan').

  Bagi melaksanakan pengawalan berasaskan keserataan, Bank akan mempertimbangkan ciri-ciri risiko serta kepentingan orang ramai. Sebagai contoh, dalam bidang keselamatan siber, terutamanya yang berkaitan dengan

Gambar Rajah 5:
Pendekatan Bank dalam mengawal selia inovasi



perkhidmatan kewangan yang penting, kerapian dalam keperluan pengawalan yang sama mungkin digunakan untuk semua peserta bagi menangani risiko 'pautan paling lemah' dalam rantaian nilai kewangan, misalnya aktiviti-aktiviti yang dihubungkan antara satu sama lain merentas firma atau infrastruktur (rujuk Strategi 3C dalam Bab ini). Begitu juga, mekanisme bantuan penyelesaian pengguna yang universal bagi perkhidmatan kewangan akan terus dipelihara untuk semua pengguna kewangan, tanpa mengira saiz atau kompleksiti FSP.

Bank bersikap neutral terhadap teknologi, sistem dan pendekatan yang berbeza-beza ('keneutralan'). Walau bagaimanapun, Bank menghendaki peserta industri menunjukkan bahawa risiko yang berkaitan dengan teknologi atau inovasi tertentu dapat difahami dengan baik dan diurus dengan sejajarnya.

Secara kolektif, Bank menjangkakan usaha ini akan memupuk medan operasi yang sama, sambil memastikan inovasi digital disokong oleh pengurusan risiko yang mantap.

- ☐ Bank akan **terus menerapkan gabungan pengawalan yang berasaskan aktiviti dan entiti**[3]. Pendekatan berasaskan aktiviti semata-mata mungkin sesuai untuk keadaan yang membabitkan risiko yang lebih mudah dan agak terlindung. Yakni, pergeseran daripada situasi malang, seperti kegagalan perniagaan atau gangguan perkhidmatan sementara, tidak akan mempunyai kesan limpahan yang ketara terhadap sistem kewangan atau ekonomi. Bank akan menerapkan pengawalan berasaskan aktiviti dengan dua keutamaan penting. Pertama, memastikan perlindungan yang sewajarnya terhadap hasil berkaitan pengguna seperti melalui penzahiran yang jelas, serta mekanisme penyelesaian pertikaian dan bantuan penyelesaian. Kedua, menangani arbitraj pengawalseliaan supaya perniagaan yang berbeza tetapi menjalankan perkhidmatan yang sama akan tertakluk pada peraturan yang sama.

  Peraturan berasaskan entiti adalah sesuai untuk aktiviti-aktiviti tertentu apabila digabungkan sebagai sebahagian daripada model perniagaan, ia boleh menimbulkan profil risiko yang lebih kompleks serta kesalingbergantungan yang boleh menyebabkan gangguan besar kepada keseluruhan pasaran. Hal ini boleh wujud dalam model perniagaan yang menggabungkan pelbagai aktiviti berbeza yang dibangunkan dalam ekosistem atau platform sedia ada. Hal ini kadang kala digambarkan sebagai 'kewangan tersirat' (*embedded finance*). Dalam keadaan ini, entiti-entiti ini mungkin tertakluk pada kehendak kehematan yang menyeluruh termasuk yang berkaitan dengan tadbir urus, pengurusan risiko, keupayaan kewangan untuk menyerap kerugian serta penzahiran. Entiti yang menimbulkan risiko sistemik kepada sistem kewangan juga mungkin perlu merangka pelan pemulihan dan penyelesaian yang boleh melindungi perkhidmatan kewangan yang penting. Pelaksanaan pelesenan bank digital mencerminkan pendekatan berasaskan entiti, berdasarkan pada penilaian Bank terhadap risiko berkaitan perniagaan perbankan.

  Bank juga akan **meningkatkan tumpuan pada rangka kerja kesinambungan perniagaan dan penyelesaian**. Pasaran yang lebih kompetitif dan inovatif mungkin memerlukan penyelesaian bagi menangani lebih banyak keadaan yang tidak diketahui dan menghadapi perubahan yang lebih dinamik dalam landskap kewangan. Hal ini mungkin merangkumi kadar keluar masuk entiti yang lebih tinggi dalam industri perkhidmatan kewangan. Objektif Bank adalah untuk memastikan aktiviti perkhidmatan kewangan boleh dibubarkan secara teratur tanpa menjejaskan kestabilan seluruh sistem dengan teruk, sambil melindungi keperluan pengguna. Pada masa yang sama, Bank juga akan memberikan tumpuan pada usaha mengukuhkan kredibiliti rancangan kesinambungan perniagaan oleh institusi kewangan untuk memastikan mereka mengambil kira perubahan konfigurasi operasi dengan secukupnya serta kesalingbergantungan dengan pihak ketiga dan infrastruktur perkongsian bersama yang kian meningkat.

[3] Peraturan berasaskan aktiviti terdiri daripada keperluan yang perlu dipenuhi oleh mana-mana institusi yang menawarkan perkhidmatan tertentu (contohnya pemberian pinjaman, perkhidmatan pembayaran). Peraturan berasaskan entiti terdiri daripada keperluan yang dikenakan ke atas institusi yang mempunyai lesen atau piagam tertentu, seterusnya menetapkan aktiviti yang dibenarkan untuk entiti tersebut.



- ☐ Bank akan terus membangunkan dan memperhalus garis panduan kawal selia Bank yang berkaitan dengan pendorong digital yang penting, seperti penggunaan awan (*cloud*), AI serta ML. Ini bertujuan untuk menyelaraskan dengan lebih baik jangkaan di kalangan peserta industri bagi memastikan pengurusan risiko yang kukuh serta layanan yang adil terhadap pengguna. Bank juga akan menangani pengawalseliaan atau ketidakcekapan yang tidak wajar, sekiranya ada, termasuk proses penyeliaan Bank. Hal ini bertujuan menyokong institusi kewangan menggunakan teknologi itu dengan lebih cepat (rujuk rencana "Keutamaan jangka sederhana untuk rangka kerja kehematan dan AML/CFT").

- Bank akan **meningkatkan kerjasama antara agensi bagi memantapkan pengawasan terhadap model perniagaan bukan bank yang sedang pesat berkembang**, dengan memberikan tumpuan pada dua bidang:

  - ☐ Sektor ekonomi yang semakin dikaitkan dengan perkhidmatan kewangan (seperti telekomunikasi dan e-dagang); dan

  - ☐ Mandat pengawalseliaan yang berkait rapat dengan kestabilan monetari dan kewangan dalam bidang kewangan digital, terutamanya persaingan, perlindungan data dan privasi.

  Pendekatan ini mencerminkan ekosistem kewangan digital yang semakin meluas (contohnya kemunculan pemberi pinjaman digital, jualan silang produk kewangan oleh pengendali e-dompet, potensi perkongsian antara bank atau penanggung insurans dengan penyedia perkhidmatan berasaskan teknologi yang lain).

  Dalam mempertingkatkan pengaturan ini, Bank memberikan keutamaan pada usaha menyokong pengenalpastian, pemantauan dan pengurangan risiko yang tepat pada masanya dalam rangkaian nilai kewangan keseluruhan terhadap kestabilan kewangan dan hasil berkaitan pengguna. Memandangkan skala model digital berpotensi untuk berkembang pada kadar yang pesat, Bank juga akan bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa berkaitan dari segi pengaturan perkongsian maklumat dan intervensi yang tepat pada masanya.

Strategi 3C
Memperkukuh kesediaan dan tindak balas keselamatan siber


Sektor kewangan Malaysia semakin menjadi sebahagian daripada rangkaian hubungan digital yang lebih luas dengan penyedia perkhidmatan pihak ketiga, institusi kewangan lain dan peranti. Apabila jalinan rantaian bekalan rentas sempadan dan global kian mendalam, kesalingbergantungan dan potensi kelemahan baharu turut semakin meningkat. Dalam rangkaian-rangkaian ini, setiap saluran mungkin menjadi sasaran. Berbeza daripada kebanyakan risiko operasi, pencerobohan keselamatan siber pada satu saluran boleh merebak dengan pantas ke saluran lain dalam masa yang singkat. Oleh itu, kekukuhan keselamatan siber pada mana-mana saluran atau institusi bergantung pada kekuatan pautan yang terlemah dalam rangkaian tersebut.

Dengan pendigitalan perkhidmatan kewangan yang berterusan di Malaysia, keselamatan siber boleh dianggap sebagai salah satu risiko terbesar. Ekosistem digital yang sama yang telah mempercepat inovasi, sekali gus menyediakan banyak kelebihan kepada pengguna dan perniagaan, turut menimbulkan risiko dan kelemahan kepada sektor kewangan. Risiko ini termasuk gangguan operasi, pencerobohan data, penipuan dan kerugian kewangan. Sekiranya tidak diuruskan dengan baik, hal ini boleh memudaratkan kestabilan kewangan dan monetari serta ekonomi yang lebih luas.

Yang penting, landskap ancaman keselamatan siber sangat kompleks dan dibentuk oleh pelbagai faktor (lihat Gambar Rajah 6). Alat-alat penjenayah siber juga sentiasa berkembang, menjadi lebih mudah dan lebih murah dari hari ke hari. Ancaman ini tanpa sempadan, dan semakin diselaraskan serta canggih. Faktor-faktor ini memperhebat cabaran bagi menyediakan perlindungan yang boleh dipercayai.

Berlatarkan persekitaran ini, sistem kewangan yang mempunyai asas keselamatan siber yang kukuh akan terus menjadi keutamaan penting Bank dan seterusnya menyediakan asas yang mantap untuk inovasi berkembang maju.

Gambar Rajah 6:
Faktor utama membentuk ekosistem siber



Berdasarkan ciri-ciri risiko siber, strategi Bank bertumpu pada kesediaan dan tindak balas. Walaupun matlamat mengurangkan kebarangkalian serangan siber kekal penting, Bank akan mempergiatkan usaha untuk mengurangkan kesan daripada serangan seperti itu. Bank juga akan memperkukuh pengaturan kerjasama dalam kalangan pihak berkuasa dan peserta industri, baik di dalam mahupun di luar negara. Usaha ini bertujuan membangunkan pertahanan secara menyeluruh terhadap risiko keselamatan siber kepada sektor kewangan, termasuk risiko daripada infrastruktur telekomunikasi dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang berpotensi menjadi sangat penting, seperti pengendali awan.

Bagi tujuan ini, Bank akan melaksanakan strategi-strategi yang berikut:

i. Memperkukuh pengawasan dan keupayaan keselamatan siber di seluruh sistem; dan
ii. Memperkukuh usaha kerjasama keselamatan siber di dalam negeri dan pada peringkat global.

i Memperkukuh pengawasan dan keupayaan keselamatan siber di seluruh sistem

- Bank akan **terus memperkukuh pengawasan terhadap risiko keselamatan siber, dengan memberikan lebih tumpuan kepada ekosistem kewangan yang lebih luas**. Langkah ini memerlukan tindakan yang berikut:

  - ☐ **Memastikan industri kewangan mematuhi standard minimum yang kukuh** dalam tadbir urus dan pengurusan risiko siber.



  - ☐ **Mempergiat tumpuan Bank terhadap isu-isu keselamatan siber yang timbul daripada TPSP yang sangat penting.** Usaha ini akan melibatkan penilaian ke atas tahap kecukupan dasar sedia ada dalam menguruskan risiko TPSP dan sekiranya perlu, membangunkan rangka kerja tambahan untuk melindungi ekosistem kewangan dengan lebih baik di seluruh rantaian nilainya.

    Selanjutnya, Bank akan mempertimbangkan keperluan untuk memperkukuh pengaturan pengawasan yang mengambil kira interaksi antara sektor kewangan dengan TPSP yang boleh menimbulkan risiko sistemik. Usaha ini termasuk memperluas perimeter pengawalseliaan berikutan meningkatnya saling bergantungan dengan TPSP. Bank akan mendapatkan maklum balas peserta industri utama termasuk TPSP yang sangat penting untuk membentuk pendekatan yang boleh melindungi jalinan teknologi sistem kewangan dengan penyedia pihak ketiga.

    Bank juga akan membuat pertimbangan untuk menyepadukan TPSP sebagai sebahagian daripada pengaturan perkongsian risikan yang dibentuk dalam sektor kewangan (seperti yang dinyatakan di bawah).

- Bank akan **mempergiat perkongsian risikan keselamatan siber yang boleh diambil tindakan** dengan:

  - ☐ Membangunkan lagi keupayaan Bank untuk membina dan mengekalkan peta penularan siber yang menyeluruh dalam industri kewangan. Matlamat peta ini adalah untuk mengenal pasti secara berterusan titik kelemahan, potensi penumpuan risiko dan kesalinghubungan dalam sektor kewangan yang timbul daripada infrastruktur dan perkhidmatan teknologi yang digunakan oleh institusi kewangan. Peta penularan ini dijangka memberikan gambaran yang lebih terperinci tentang cara kejutan daripada insiden siber boleh merebak ke seluruh ekosistem kewangan, termasuk magnitud dan kesannya.

Perkara ini akan memberikan panduan kepada penilaian penyeliaan Bank terhadap institusi kewangan, menyokong keputusan perniagaan yang berdasarkan maklumat yang mencukupi oleh sektor kewangan bagi menguruskan potensi penumpuan risiko TPSP atau perkhidmatan berkaitan, serta menumpukan usaha Bank di peringkat kebangsaan bagi melindungi infrastruktur sangat penting dengan lebih baik.

- ☐ **Memperluas skop dan liputan mengenai langkah-langkah daya tahan yang berterusan**. Langkah ini termasuk pelaksanaan rangka kerja penilaian kematangan daya tahan siber (*cyber resilience maturity assessment*, CRMA), latihan siber dengan pihak berkepentingan lain dan Kerajaan, serta Platform Perisikan Ancaman Siber Sektor Kewangan (Financial Sector Cyber Threat Intelligence Platform, FinTIP) yang baru diwujudkan. Merentas seluruh inisiatif ini, Bank meletakkan sasaran untuk melibatkan lebih banyak pihak berkepentingan dan peserta industri dalam rantaian nilai sektor kewangan. Inisiatif-inisiatif ini dijangka dapat memperkayakan pemahaman kolektif Bank dan meningkatkan keupayaan seluruh ekosistem bagi mengurangkan risiko siber secara proaktif.



ii Memperkukuh usaha kerjasama keselamatan siber di dalam negeri dan pada peringkat global

- Bank akan terus **menyokong usaha di seluruh negara untuk memperkukuh amalan celik digital dan keselamatan siber (*cyber hygiene*)** pengguna kewangan. Dengan penggunaan perkhidmatan kewangan digital yang lebih meluas, amalan keselamatan siber asas akan menjadi penting untuk melindungi pengguna daripada ancaman seperti penipuan dalam talian, penipuan kewangan dan pencurian identiti. Bagi tujuan ini, Bank akan menyokong dan bekerjasama dengan persatuan industri, agensi penguatkuasaan undang-undang dan agensi kerajaan yang berkaitan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan siber dalam kalangan pengguna supaya mereka dapat melindungi data dan peranti digital mereka dengan berkesan.

- Bank akan **menyokong penggunaan istilah keselamatan siber dan daya tahan siber yang lebih seragam** pada peringkat kebangsaan. Melalui penggunaan bahasa yang sama dalam kalangan semua pihak berkepentingan yang berkaitan, usaha seluruh ekosistem untuk melindungi dan mengukuhkan keselamatan siber, sama ada untuk berkongsi maklumat atau menyelaraskan intervensi, dapat diteruskan dengan lebih berkesan. Bank menyasarkan untuk memanfaatkan amalan yang diterima secara meluas dalam memberi sokongan ini. Dalam hal ini, Bank akan mempertimbangkan amalan yang diterima pada peringkat global seperti Cyber Lexicon oleh FSB, ISO serta dasar dalam negeri pelbagai agensi seperti Agensi Keselamatan Siber Negara (National Cybersecurity Agency Malaysia, NACSA), CyberSecurity Malaysia (CSM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Malaysian Communications and Multimedia Commission, MCMC), National Institute of Standards and Technology (NIST) dan lain-lain.

- Bank akan **memudahkan inisiatif untuk menyampaikan latihan dan pensijilan keselamatan siber khusus** yang menggalakkan pembangunan kemahiran dan kompetensi dalam industri kewangan. Dalam melaksanakan inisiatif ini, Bank akan bekerjasama dengan agensi kerajaan dan persatuan industri yang berkaitan seperti MDEC, CSM, NACSA, dan Persatuan Penguji Keselamatan Siber (PPKS) untuk mengumpul, membuat perbandingan dan menilai data untuk merancang pelan hala tuju yang jelas, bagi meluaskan kumpulan tenaga mahir keselamatan siber di Malaysia.

Strategi 3D
Menyokong penggunaan teknologi yang lebih meluas bagi tujuan pengawalan dan penyeliaan

Bank juga komited untuk memastikan teknologi digital dimanfaatkan untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan secara berterusan, terutamanya sebagai pengawal dan penyelia kewangan. Usaha ini akan menjadi pelengkap kepada peralihan industri kewangan menuju pendigitalan yang lebih meluas.

Pertimbangan utama Bank untuk maju ke hadapan adalah dengan meningkatkan cara Bank mewujudkan, menghimpun, mengumpul, melakukan sintesis dan berkongsi data bagi tujuan meningkatkan kecekapan, integriti, dan keselamatan ekosistem. Hal ini mencerminkan penggunaan data yang semakin penting untuk pelbagai fungsi, daripada pengawasan risiko dan kelemahan sehingga pematuhan dasar dan keperluan pengawalseliaan dengan cara yang cekap. Memandangkan penambahbaikan masa hadapan akan memberikan kesan pada infrastruktur, sistem, dan proses sedia ada, Bank akan memastikan hala tuju ke hadapan ditentukan secara usaha sama dengan peserta industri dan pihak berkuasa pengawalseliaan yang lain.

Sebagai sebahagian daripada usaha ini, Bank akan melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

i. Memanfaatkan teknologi untuk mengukuhkan lagi pengawalan dan penyeliaan Bank terhadap industri kewangan; dan
ii. Memperteguh strategi data Bank untuk masa hadapan.

i Memanfaatkan teknologi untuk mengukuhkan pengawalan dan penyeliaan Bank terhadap industri kewangan

- Bank akan mengukuhkan penggunaan teknologi secara berterusan seperti AI, ML, pemprosesan bahasa semula jadi dan automasi bagi **penambahbaikan proses** pengawalan dan penyeliaan Bank. Langkah-langkah ini termasuk:

  - **Menyepadukan sistem dan kaedah analisis risiko Bank** bagi menyokong pengawasan yang lebih menyeluruh merentas set data yang berbeza. Hal ini membolehkan Bank meneroka penambahbaikan selanjutnya berkaitan dengan cara Bank menjalankan aktiviti pemantauan. Khususnya, tindakan ini dijangka meningkatkan aktiviti penyeliaan berasaskan risiko, dengan memberikan pandangan yang lebih mendalam untuk mengenal pasti dan menilai risiko kepada institusi kewangan. Seterusnya, usaha tersebut akan membolehkan intervensi yang lebih bersasar dan lebih tepat pada masanya.

  - **Memperkemas dan memudahkan proses pengawalseliaan dan pematuhan yang lebih cekap**. Langkah ini termasuk menyediakan antara muka (*interface*) permohonan dan penghantaran tunggal yang disokong teknologi serta mempunyai keupayaan pemantauan, dalam kalangan institusi kewangan yang dibenarkan dengan Bank.

ii Memperteguh strategi data Bank untuk masa hadapan

Bank berhasrat/berusaha untuk merubah pengaturan data, termasuk melalui penggunaan API dan inisiatif Data Terbuka

- Bank akan memulakan **tinjauan industri yang menyeluruh berkaitan dengan ekosistem data kewangan** yang merangkumi penghantaran, pemprosesan dan penggunaan pelaporan pengawalseliaan serta penghantaran statistik kepada Bank. Dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun akan datang, Bank akan memberikan tumpuan untuk menambah baik ketepatan masa, kualiti, perincian dan ketelusan data yang dikumpul daripada industri. Inisiatif ini akan dilakukan melalui pelaksanaan pengaturan pengumpulan dan perkongsian data yang baharu antara Bank, industri kewangan dan institusi rakan kongsi yang lain.

  - **Kualiti dan ketepatan masa**. Bank akan bekerjasama dengan industri untuk menamatkan secara beransur-ansur proses penghantaran data secara manual atau separa automatik dan proses kawalan kualiti, serta mengkaji penggunaan API untuk menambah baik keseluruhan proses penyediaan dan penghantaran data. Hal ini akan mengurangkan kos pematuhan institusi kewangan serta meningkatkan kecekapan pengawalan dan penyeliaan Bank.

  - **Perincian**. Bank akan lebih memanfaatkan penggunaan teknologi geospatial dan teknologi lain untuk terus meningkatkan perincian data dan selanjutnya, mendorong pemahaman yang lebih mendalam untuk Bank melakukan analisis dan membuat keputusan. Langkah ini akan dibangunkan berdasarkan usaha yang telah dilaksanakan setakat ini, seperti inisiatif rintis yang Bank lakukan sejak bermulanya pandemik. Melalui inisiatif ini, Bank telah mengumpulkan data pembayaran dan rangkuman kewangan yang lebih terperinci hampir pada masa nyata daripada institusi kewangan terpilih. Bank akan terus memperluas skop projek rintis sedemikian untuk mencakupi set data lain, seperti data isi rumah dan perniagaan, serta data dedahan berkaitan iklim dan pembiayaan hijau.

  - **Ketelusan**. Bank akan terus meningkatkan akses dan kebolehbawaan pelbagai set data Bank berkaitan kewangan dan ekonomi yang tidak mendedahkan sebarang maklumat sensitif dari segi komersial untuk kemudahan orang ramai. Usaha ini boleh membantu menggalakkan komuniti data yang lebih luas, seperti melalui inisiatif Data Terbuka, bagi mewujudkan pemahaman mendalam yang baharu dan mengenal pasti peluang untuk menjalinkan kerjasama, termasuk bekerjasama dengan Bank. Bank juga akan mengkaji pembangunan keupayaan papan pemuka (*dashboard*) dengan memanfaatkan data industri yang dilaporkan kepada Bank. Tindakan ini bagi memudahkan institusi-institusi kewangan menanda aras profil dan amalan risiko mereka dengan rakan setara, tanpa perlu mendedahkan nama institusi.

Rencana

Mata wang digital: Sempadan baharu

Sepanjang dekad yang lalu, inovasi teknologi yang pesat dan kadar pendigitalan yang semakin meningkat telah mengubah landskap pembayaran di Malaysia. Penggunaan pembayaran digital telah meningkat dengan pantas seiring dengan landskap penyedia perkhidmatan pembayaran yang lebih pelbagai. Sejak kebelakangan ini, mata wang digital semakin mendapat perhatian. Mata wang digital lazimnya memanfaatkan tokenisasi (*tokenisation*) dan DLT untuk memudahkan pindahan dari rakan ke rakan (P2P) tanpa memerlukan pengantara (Rajah 1). Bank-bank pusat juga sedang membuat kajian tentang mata wang digital bank pusat (*central bank digital currencies*, CBDC), iaitu satu bentuk wang bank pusat yang baharu yang merupakan liabiliti langsung bank pusat tersebut.

Rajah 1:
Perbandingan CBDC, *stablecoins* dan aset digital tanpa sokongan

	Dikeluarkan oleh badan berdaulat	***Dikeluarkan oleh pihak swasta***	
	Mata Wang Digital Bank Pusat (CBDC)	***Stablecoins* (aset digital dengan mekanisme penstabilan nilai)**	**Aset Digital Tanpa Sokongan**
	1. **CBDC Borong:** dikeluarkan untuk memudahkan penyelesaian antara institusi kewangan 2. **CBDC Runcit:** dikeluarkan untuk kegunaan orang ramai (isi rumah dan perniagaan) bagi memudahkan transaksi harian	1. **Disokong fiat:** nilai disokong dengan mata wang fiat (cth. Tether) 2. **Disokong aset:** nilai disokong dengan aset seperti komoditi atau aset kripto (cth. Dai) 3. **Berasaskan algoritma:** nilai disokong oleh protokol yang melaraskan penawaran sebagai tindak balas kepada perubahan dalam permintaan (cth. Terra)	1. **Token pertukaran:** digunakan sebagai kaedah pertukaran atau pelaburan (cth. Bitcoin, Ethereum) 2. **Token sekuriti:** mungkin memberikan hak tertentu (cth. hak milik, pembayaran balik sejumlah wang atau kelayakan terhadap keuntungan pada masa depan) 3. **Token utiliti:** boleh ditebus untuk akses kepada produk atau perkhidmatan tertentu
Penyimpan nilai	Nilai **disokong oleh badan berdaulat** (cth. Kerajaan, bank pusat)	Nilai **disokong dengan aset atau distabilkan dengan mengawal bekalan pasaran *stablecoin***	**Nilainya tiada sokongan formal,** iaitu bergantung pada kuasa pasaran
Medium pertukaran	Berkemungkinan digunakan secara meluas sebagai kaedah pembayaran memandangkan CBDC merupakan mata wang fiat dalam bentuk digital	Berpotensi untuk digunakan sebagai kaedah pembayaran bergantung pada keberkesanan mekanisme penstabilan nilai	Tidak digunakan secara meluas sebagai kaedah pembayaran berikutan pelbagai batasan (cth. harga yang tidak menentu)
Unit akaun	Dalam denominasi mata wang fiat	Mungkin dalam denominasi mata wang fiat (bagi *stablecoin* yang disokong dengan mata wang fiat)	Mempunyai unit akaun sendiri

Perkembangan dalam ruang ini boleh mendorong ke arah landskap pembayaran dan kewangan yang lebih cekap, terangkum dan memberangsangkan. Peningkatan persaingan dalam bidang pembayaran runcit boleh membawa kepada kos yang lebih rendah, akses yang lebih luas, dan perkhidmatan yang lebih baik. Penggunaan teknologi baharu seperti CBDC, *stablecoins* dan infrastruktur DLT yang lebih meluas juga boleh membantu menangani kesukaran yang wujud sejak sekian lama, terutamanya dalam pembayaran rentas sempadan (contohnya kos yang tinggi, tempoh yang lama, akses yang terhad dan kurang ketelusan)[1].

CBDC secara khusus juga boleh berfungsi sebagai alat untuk mencapai matlamat dasar awam, termasuk untuk meluaskan rangkuman kewangan, mengukuhkan pelaksanaan dasar monetari[2] serta menggalakkan inovasi dalam perkhidmatan pembayaran. Dengan mengambil manfaat daripada ciri-ciri boleh programnya[3] *(programmable features)*, CBDC juga dapat memacu inovasi lain dari segi cara transaksi kewangan dijalankan melalui penggunaan kontrak pintar.

Meskipun perkembangan ini menawarkan pelbagai peluang kepada Malaysia, terdapat risiko baharu yang perlu diuruskan. Bergantung pada cara reka bentuknya, pengeluaran CBDC boleh memberikan kesan kepada operasi dasar monetari serta meningkatkan risiko operasi dan risiko siber kepada Bank. Risiko kestabilan kewangan juga boleh tercetus jika terdapat peralihan deposit bank secara besar-besaran kepada CBDC.

Demikian juga, penggunaan rentas sempadan CBDC dalam denominasi mata wang asing (CBDC asing) dan *stablecoins* mungkin menyebabkan kesan limpahan kepada Malaysia. Sebagai contoh, penggunaan CBDC asing dan *stablecoins* yang meluas untuk pembayaran di Malaysia boleh meningkatkan risiko penggantian mata wang, yang seterusnya boleh menjejaskan kestabilan monetari. Selain itu, CBDC asing dan *stablecoins* boleh meningkatkan risiko volatiliti aliran modal. Dalam tempoh tekanan, kestabilan kewangan mungkin boleh terjejas jika terdapat aliran keluar dana kepada CBDC asing dan *stablecoins*, yang mungkin dianggap sebagai penyimpan nilai alternatif yang lebih selamat. Risiko sedemikian boleh menjadi kenyataan jika CBDC asing dan *stablecoins* memintas pengantara tradisional dan kawalan yang lazimnya dikuatkuasakan melalui langkah-langkah pertukaran asing dan keperluan pengawalseliaan lain.

Memandangkan teknologi pembayaran baharu semakin berkembang, Bank perlu berada dalam keadaan bersedia bagi memanfaatkan peluang ini, dan pada masa yang sama mengurangkan risiko yang berkaitan. Antara lain, tindakan ini termasuk menggalakkan saling boleh kendali antara platform CBDC dan infrastruktur pembayaran sedia ada untuk memastikan aliran pembayaran yang lancar. Selain itu, Bank juga perlu memastikan kesamaan dan kesetaraan untuk menyokong inovasi serta mewujudkan perlindungan yang diperlukan, apabila dikehendaki.

Dengan mengambil kira keseimbangan ini, Bank akan melaksanakan strategi serampang dua mata:

Pertama, tumpuan pada pembinaan keupayaan dalaman bagi menyokong keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi mengenai pengeluaran CBDC


Ketika penerbitan Pelan Sektor Kewangan ini, Bank tidak merancang untuk mengeluarkan CBDC pada masa terdekat. Di Malaysia, sistem kewangan terus menyokong fungsi ekonomi, manakala alat dasar monetari dan kewangan sedia ada terus berkesan bagi melindungi kestabilan monetari dan kewangan. Selain itu, sistem pembayaran domestik, termasuk RPP, terus beroperasi dengan selamat dan cekap untuk menyokong keperluan individu dan perniagaan di samping memudahkan peralihan kepada pembayaran secara digital.

---

[1] Sumber: Financial Stability Board (2020), "Enhancing Cross-Border Payments: Stage 1 assessment report to the G20".
[2] Sebagai contoh, CBDC yang mengenakan faedah (*interest-bearing*) boleh mengukuhkan mekanisme pelaksanaan dasar monetari.
[3] CBDC boleh diprogramkan dengan logik perniagaan (contohnya dengan membenarkan CBDC dibelanjakan setelah memenuhi syarat-syarat tertentu).

Gambar Rajah 2:
Pelan hala tuju pembuktian konsep CBDC Malaysia

Kajian berbilang tahun untuk menilai potensi CBDC menangani jurang dalam sektor kewangan dan mencapai objektif dasar awam



Walau bagaimanapun, Bank sedar pentingnya tindakan yang proaktif untuk meningkatkan pemahaman dan keupayaan kakitangan Bank tentang CBDC. Hal ini akan memberikan dua manfaat utama:

- Pemahaman yang lebih jelas tentang kes-kes penggunaan yang menawarkan kelebihan yang lebih besar kepada Malaysia, potensi risiko dan implikasi kepada kestabilan monetari dan kewangan yang timbul daripada pengeluaran CBDC, serta reka bentuk CBDC dan kawalan yang sesuai bagi memastikan risiko dikurangkan dengan sewajarnya; dan

- Pemahaman dan keupayaan teknikal yang mencukupi untuk membina dan mengendalikan platform CBDC, sekiranya wujud keperluan untuk melaksanakannya pada masa akan datang.

Gambar Rajah 3:
Gambaran keseluruhan Projek Dunbar



Untuk tujuan ini, Bank telah memulakan kajian CBDC berbilang tahun melalui POC dengan tiga fasa (Gambar Rajah 2). POC ini bertujuan mengkaji potensi CBDC untuk menangani pernyataan masalah penting dengan mengutamakan kes-kes penggunaan yang akan menawarkan kelebihan yang lebih besar kepada Malaysia. Perkara ini akan dilakukan secara kerjasama dengan pihak berkepentingan yang berkaitan, termasuk untuk memudahkan peserta industri yang berminat untuk menyertai POC.

- **Fasa 1 (CBDC borong rentas sempadan):** Bank melihat potensi yang terdapat pada CBDC bagi menangani kesukaran yang wujud sejak sekian lama dalam pengaturan pembayaran rentas sempadan seperti tempoh yang lama, kos yang tinggi, akses yang terhad dan kurang ketelusan. Dengan membolehkan penyelesaian segera, CBDC berpotensi mengurangkan bilangan pengantara dan keperluan pendanaan pendahuluan bagi membiayai akaun perbankan koresponden berbilang, sekali gus membuatkan pembayaran rentas sempadan menjadi lebih cepat dan lebih murah. Sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka dengan nisbah perdagangan kepada KDNK berpurata lebih 130% sejak tahun 2010[4], sebarang peningkatan dalam kecekapan pembayaran rentas sempadan berpotensi menghasilkan penjimatan kos dan keuntungan produktiviti yang besar, lantas mengukuhkan daya saing perdagangan Malaysia. Dalam hal ini, Bank bekerjasama dengan BIS Innovation Hub, Reserve Bank of Australia, Monetary Authority of Singapore dan South African Reserve Bank untuk menguji penggunaan CBDC borong bagi penyelesaian antarabangsa melalui platform bersama menerusi Projek Dunbar (Gambar Rajah 3). POC telah bermula pada bulan September 2021 dan dijangka siap pada bulan Mac 2022. Dapatan interim Projek Dunbar telah diterbitkan menerusi portal BIS.

- **Fasa 2 (CBDC Borong Domestik):** POC ini akan memberikan peluang kepada Bank untuk mengkaji semula dan memperteguh sistem pembayaran borong domestik, RENTAS, untuk persediaan masa hadapan. Meskipun RENTAS telah beroperasi pada tahap ketersediaan, kecekapan dan daya tahan yang tinggi, penggunaan CBDC borong dan DLT berpotensi untuk meningkatkan sistem pembayaran borong domestik ke tahap seterusnya. Beberapa manfaat yang mungkin diperoleh termasuk mengurangkan risiko titik kegagalan tunggal (*single point of failure risk*), meningkatkan kecekapan pengurusan mudah tunai, memudahkan proses pematuhan, dan membolehkan kes penggunaan baharu seperti penyelesaian aset token.

- **Fasa 3 (CBDC Runcit Domestik):** Walaupun Bank sudah mempunyai sistem pembayaran runcit masa nyata yang cekap iaitu RPP, Bank melihat potensi yang terdapat pada CBDC runcit sebagai pelengkap kepada RPP dan berperanan sebagai pemangkin untuk mendorong inovasi yang lebih besar dalam sektor kewangan. Selain meningkatkan kepelbagaian dan daya tahan pembayaran, CBDC dapat memperkenalkan versi wang bank pusat lebih pintar yang dapat menyokong kes penggunaan baharu melalui ciri-ciri boleh program CBDC. Dengan mengambil kira kepentingan awam semasa membangunkan platform CBDC, platform CBDC yang terbuka dan fleksibel ini dapat berfungsi sebagai infrastruktur yang dikongsi bersama bagi memudahkan inovasi sektor swasta berkembang. Sebagai contoh, CBDC boleh diprogramkan untuk menyelaraskan proses pematuhan dan memudahkan pembayaran automatik kepada benefisiari setelah memenuhi syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan terlebih dahulu. Beberapa contoh termasuklah pembayaran kupon automatik apabila bon mencapai tempoh matang, pembayaran cukai yang disalurkan kepada pihak berkuasa secara automatik semasa jualan[5] dan penyelesaian pembelian kenderaan atau harta tanah secara automatik setelah pengesahan pemindahan hak milik sah. Di samping mengurangkan kos urus niaga, ini juga berpotensi mengurangkan risiko rakan niaga dan seterusnya meningkatkan kestabilan kewangan.

[4] Sumber: Bank Dunia.
[5] Sumber: Bank for International Settlements (2021), "Central Bank Digital Currencies: User Needs and Adoption".

Kedua, menilai implikasi ekosistem mata wang digital yang lebih meluas terhadap kestabilan monetari dan kewangan, dan merangka tindak balas dasar yang sesuai

Tanpa mengambil kira keputusan Bank mengenai pengeluaran CBDC, perkembangan dalam bidang mata wang digital yang lebih meluas, terutamanya CBDC asing, *stablecoins* dan aset digital lain mungkin menimbulkan cabaran dan risiko lain yang sebahagiannya telah dinyatakan pada bahagian awal rencana ini.

Bank juga akan menjalankan penilaian menyeluruh mengenai implikasi CBDC asing, *stablecoins* dan aset digital lain terhadap kestabilan monetari dan kewangan melangkaui penilaian peluang dan risiko berkaitan dengan terbitan CBDC melalui POC CBDC. Hal ini dilakukan dengan tujuan untuk merangka tindak balas dan strategi dasar yang sesuai. Langkah ini mungkin merangkumi:

- Penilaian terhadap implikasi kepada penyaluran dasar monetari, pengantaraan kewangan, pengurusan aliran modal dan integriti kewangan;
- Pembangunan rangka kerja pengawasan yang berkesan; dan
- Pengukuhan rangka kerja pengawalseliaan dan pengawasan untuk mengurangkan risiko tanpa menyekat inovasi. Hal ini mungkin merangkumi usaha untuk membangunkan pendekatan pengawalseliaan yang sesuai bagi *stablecoins* dan mewujudkan tindakan berhemat bagi aset digital dalam sektor kewangan.

Menerusi penglibatan Bank dalam pelbagai forum antarabangsa, Bank akan terus mendorong kerjasama antarabangsa dalam membangunkan peraturan dan piawaian yang berkaitan untuk memudahkan saling boleh kendali, meningkatkan kerjasama pengawasan dan menggalakkan inovasi yang bertanggungjawab dalam bidang mata wang digital bagi mengurangkan sebarang kesan limpahan negatif.

Bersama-sama membuat persediaan

Dalam tempoh lima tahun akan datang, Bank yakin bahawa mata wang digital akan terus membentuk landskap infrastruktur pembayaran. Khususnya, CBDC yang dibentuk dengan mengutamakan kepentingan awam mungkin berpotensi untuk berfungsi sebagai infrastruktur penting yang membolehkan peserta sektor swasta membuat pembaharuan bagi menggalakkan landskap kewangan yang lebih cekap, terangkum dan memberangsangkan.

Meskipun jangkauan dan magnitud kesan mata wang digital masih belum kelihatan, usaha kajian awal penting bagi memastikan sektor kewangan dapat menyesuaikan diri dengan berkesan. Bank komited untuk memajukan usaha-usaha ini demi Malaysia seperti yang dinyatakan dalam pendekatan serampang dua mata di atas. Berikutan perkembangan yang kompleks dan pantas ini, Bank mengalu-alukan dan akan terus menyokong usaha kerjasama yang lebih meluas ini. Hal ini termasuk inisiatif kerjasama antarabangsa bagi melaksanakan prinsip inovasi yang bertanggungjawab dalam bidang mata wang digital, serta kerjasama antara sektor awam dengan swasta yang kukuh. Kerjasama ini akan memastikan infrastruktur CBDC direka bentuk dengan baik bagi menangani kesukaran semasa dan memenuhi keperluan ekonomi yang baru muncul.



Teras Strategik 4

Meletakkan sistem kewangan pada kedudukan yang memudahkan peralihan secara teratur kepada ekonomi lebih lestari

Perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar menimbulkan cabaran dan peluang yang tidak pernah dihadapi sebelum ini yang akan membentuk semula landskap ekonomi dan kewangan. Hal ini termasuk:

- **Risiko fizikal.** Peristiwa berkaitan cuaca yang melampau dan perubahan iklim secara beransur- ansur boleh merosakkan harta benda dan mengganggu aktiviti perniagaan. Selain menimbulkan risiko kepada mata pencarian dan dalam kes yang sangat ekstrem boleh mengancam nyawa, perkembangan sedemikian turut meningkatkan risiko kewangan kepada institusi kewangan berikutan kemerosotan kepercayaan kredit peminjam yang teruk terjejas. Selain itu, hal ini akan mengakibatkan kos perlindungan kewangan yang meningkat atau berkemungkinan mengurangkan keupayaan insurans dan takaful. Risiko fizikal juga memberikan kesan kepada nilai pelaburan dan cagaran, melibatkan kemusnahan aset atau kerosakan ketara akibat peristiwa iklim atau alam sekitar.




- **Risiko peralihan.** Penyesuaian kepada ekonomi rendah karbon mungkin melibatkan perubahan pada dasar awam, rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan, teknologi atau respons masyarakat berkemungkinan memberikan kesan ke atas ekonomi dan sektor kewangan. Pada peringkat global, kadar penyesuaian sedemikian semakin dipergiat, dengan lebih banyak negara dan organisasi besar telah memberikan komitmen terhadap pelepasan neutral karbon atau pelepasan sifar bersih (*net-zero emissions*). Dasar untuk menggalakkan ekonomi kitaran[1] juga semakin pesat dilaksanakan yang turut menyumbang kepada perubahan yang sejajar dengan hasil alam sekitar dan kemakmuran sosioekonomi jangka panjang. Perubahan kehendak pengguna dan pelabur, tekanan pengawalseliaan serta kemajuan teknologi menimbulkan risiko terhadap perniagaan. Sebagai sebuah ekonomi berorientasikan eksport, Malaysia akan terjejas secara langsung berikutan usaha peralihan oleh rakan perdagangan utama. Perniagaan yang beralih kepada trend baharu ini secara mendadak atau lewat berkemungkinan mempunyai aset terkandas (aset yang susut nilai atau merosot nilainya di luar jangkaan) disebabkan oleh permintaan yang berkurang atau mengalami sekatan pengawalseliaan. Bagi institusi kewangan yang terdedah kepada perniagaan sedemikian, perubahan ini boleh menyebabkan risiko kewangan dan reputasi yang boleh memberi kesan negatif kepada kunci kira-kira dan keuntungan mereka.

- **Limpahan fiskal.** Selain kerugian kepada ekonomi dan kewangan swasta, risiko fizikal dan risiko peralihan yang berlaku juga akan memberikan kesan yang cepat dan meluas (*cascading effects*) kepada kewangan awam. Di samping dedahan langsung Kerajaan, terdapat juga risiko limpahan seperti pengurangan hasil cukai, spread kerajaan yang lebih tinggi dan perbelanjaan fiskal yang sangat besar akibat bencana alam.

[1] Ekonomi kitaran merupakan sistem perindustrian yang mempunyai matlamat dan reka bentuk yang bersifat pemulihan atau penjanaan semula. Konsep ekonomi kitaran adalah untuk memisahkan kegiatan ekonomi secara beransur-ansur daripada penggunaan sumber terhad yang tidak mampan dan seterusnya beralih kepada sistem yang direka untuk mengurangkan sisa dan pencemaran, mengekalkan penggunaan produk dan bahan serta menjana semula sistem semula jadi. Sumber: World Economic Forum (2014), "Towards the Circular Economy: Accelerating the Scale-up Across Global Supply Chains"; Ellen Macarthur Foundation (2020), "Financing the Circular Economy: Capturing the Opportunity".

Gambar Rajah 1:
Pemindahan risiko iklim kepada ekonomi dan sistem kewangan



Sumber: Network for Greening the Financial System (2020), "Guide for Supervisors: Integrating Climate-related and Environmental Risks into prudential supervision".

- **Risiko liabiliti.** Kerajaan, syarikat serta pengarah dan pegawai syarikat juga berkemungkinan besar menghadapi tindakan undang-undang kerana gagal menangani risiko berkaitan iklim dan alam sekitar dengan sewajarnya. Selain menanggung kos liabiliti akibat litigasi tersebut, ianya boleh juga meninggalkan kesan reputasi yang signifikan kepada pihak berkepentingan yang terlibat. Risiko ini boleh menjejaskan institusi kewangan yang memberikan perlindungan liabiliti, pembiayaan atau pelaburan kepada syarikat yang terlibat.

Berlatarkan keadaan ini, tumpuan utama Bank adalah **untuk menggalakkan daya tahan sistem kewangan** dengan meneruskan usaha Bank memantapkan pengurusan risiko berkaitan iklim dan alam sekitar dalam sektor kewangan.

Bank juga akan berusaha **menggalakkan persekitaran pasaran yang kondusif** untuk pembiayaan dan pelaburan hijau. Tindakan yang signifikan dan utuh diperlukan bagi menyokong peralihan yang teratur oleh isi rumah dan perniagaan Malaysia, serta memanfaatkan peluang daripada peralihan kepada ekonomi rendah karbon dan mampan. Pada ketika ini, usaha yang diperlukan untuk menangani risiko berkaitan iklim dan alam sekitar, seperti latihan semula, penggunaan teknologi baharu, penaiktarafan infrastruktur dan pemeliharaan ekosistem semula jadi, masih mengalami kekurangan dana. Dalam hal ini, Bank akan menyelaraskan rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan jika bersesuaian[2], dan menyokong mekanisme untuk menggembleng kewangan arus perdana dalam menyokong peralihan negara kepada ekonomi yang lebih lestari.


Gambar Rajah 2:
Meletakkan sistem kewangan pada kedudukan yang memudahkan peralihan secara teratur kepada ekonomi yang lebih lestari



A

Mengintegrasikan risiko berkaitan iklim dan alam sekitar dalam pengawalan dan penyeliaan berhemat

- Memastikan pelaksanaan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-Based Taxonomy, CCPT) yang berkesan bagi memudahkan penilaian risiko berkaitan iklim dan menggalakkan aliran kewangan ke arah kegiatan ekonomi yang melestarikan alam sekitar
- Menyelaras rangka kerja kehematan dan penyeliaan untuk merangkumkan pertimbangan risiko iklim dan alam sekitar
- Memperkukuh amalan penzahiran risiko iklim oleh institusi kewangan



B

Menyokong peralihan teratur kepada ekonomi rendah karbon

- Menambah baik ketersediaan, akses dan penggunaan data untuk menangani perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar
- Meningkatkan kewangan hijau untuk Malaysia yang lebih lestari
- Bekerjasama dengan agensi kerajaan untuk menyelaraskan respons sektor kewangan dengan strategi nasional ke arah mencapai sasaran neutral karbon dan sifar bersih
- Mewakili perspektif pasaran sedang pesat membangun mengenai perkembangan dan cabaran kewangan yang mampan



C

Menyepadukan risiko iklim dalam fungsi dan operasi dalaman Bank

- Memperkaya skop penilaian kestabilan makroekonomi dan kewangan Bank untuk merangkumi kesan iklim dan kelestarian
- Menguruskan aset kewangan Bank dengan memberikan pertimbangan yang lebih mendalam terhadap risiko iklim dan alam sekitar
- Menjalankan operasi fizikal Bank secara lebih lestari

[2] Selaras dengan mandat Bank untuk menggalakkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif di bawah seksyen 5 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

Peranan utama sektor kewangan dalam memperuntukkan dan menggunakan sumber ekonomi mampu menjadi pemangkin untuk menggalakkan peserta ekonomi Malaysia menerapkan amalan yang lebih lestari. Pada masa yang sama, hal ini seharusnya menggalakkan **peralihan yang adil dan teratur**, iaitu peralihan yang memperkukuh tindakan awal dan berterusan bagi menangani perubahan iklim dan isu berkaitan alam sekitar, sambil memberikan sokongan secukupnya kepada komuniti yang terjejas untuk membuat penyesuaian yang diperlukan dan memperbaiki kesan jangka pendek.

Bagi mencapai matlamat ini, Bank akan melaksanakan strategi yang berikut (lihat Gambar Rajah 2 untuk gambaran keseluruhan).

Strategi 4A
Mengintegrasikan risiko berkaitan iklim dan alam sekitar dalam pengawalan dan penyeliaan berhemat

Usaha Bank akan tertumpu pada penjajaran rangka kerja pengawalan dan penyeliaan sektor kewangan untuk mengambil kira risiko fizikal dan risiko peralihan yang berkaitan iklim serta alam sekitar. Usaha ini akan berasaskan rangka kerja yang sama untuk mengenal pasti dan merangkumi risiko berkaitan iklim dan alam sekitar merentas sektor kewangan bagi menyokong penilaian dan penzahiran risiko.

Bagi tujuan ini, Bank akan meneruskan tugas Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3)[3] untuk melaksanakan hasil yang berikut untuk sektor kewangan:

i. Memastikan pelaksanaan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-Based Taxonomy, CCPT[4]) yang berkesan bagi memudahkan penilaian risiko berkaitan iklim dan menggalakkan aliran kewangan ke arah kegiatan ekonomi yang melestarikan alam sekitar;
ii. Menyelaraskan rangka kerja kehematan dan penyeliaan merangkumkan pertimbangan risiko iklim dan alam sekitar; dan
iii. Memperkukuh amalan penzahiran risiko iklim oleh institusi kewangan.



i Memastikan pelaksanaan CCPT yang berkesan bagi memudahkan penilaian risiko berkaitan iklim dan menggalakkan aliran kewangan ke arah kegiatan ekonomi yang melestarikan alam sekitar

- Dengan penerbitan CCPT pada bulan April 2021, tumpuan Bank adalah untuk bekerjasama dengan industri melalui Kumpulan Pelaksana CCPT di bawah JC3 bagi **memastikan taksonomi tersebut dilaksanakan secara konsisten dan boleh dipercayai**. Usaha ini termasuk memperkaya repositori kes penggunaan untuk membimbing institusi kewangan dalam menggunakan CCPT.

---

[3] JC3 merupakan platform untuk melaksanakan tindakan kerjasama bagi membangunkan daya tahan iklim dalam sektor kewangan Malaysia. JC3 dipengerusikan bersama oleh Bank dan SC dengan ahli yang terdiri daripada pengurusan kanan Bursa Malaysia, industri kewangan dan pakar bidang berkaitan. JC3 terdiri daripada lima jawatankuasa kecil: Pengurusan Risiko; Tadbir Urus dan Penzahiran; Produk dan Inovasi; Keterlibatan dan Pembinaan Keupayaan; dan Menangani Jurang Data.

[4] Dokumen panduan CCPT diterbitkan pada 30 April 2021 untuk memberikan pemahaman yang sama kepada institusi kewangan bagi mengklasifikasikan dan melaporkan dedahan berkaitan iklim. Butiran lanjut boleh diakses melalui https://www.bnm.gov.my/documents/20124/938039/Climate+Change+and+Principle-based+Taxonomy.pdf



- Selain mengenal pasti dan menangani isu pelaksanaan, Bank akan menggalakkan pengintegrasian dan penjajaran selanjutnya dengan Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-based Intermediation Assessment Framework, VBIAF) dan panduan sektoral rangka kerja tersebut, yang menyediakan instrumen khusus sektor[5] untuk institusi kewangan merangkumkan pertimbangan risiko ESG dalam keputusan pembiayaan dan pelaburan mereka. Selain usaha ini, Bank juga akan meneruskan usaha yang lebih meluas secara aktif untuk menggalakkan kebolehbandingan, penjajaran dan saling boleh kendali dengan taksonomi berkaitan ESG mengikut peredaran masa, seperti taksonomi Pelaburan yang Mampan dan Bertanggungjawab SC, Taksonomi ASEAN untuk Kewangan Mampan dan taksonomi lain yang diterima pakai pada peringkat global, jika bersesuaian. Hal ini penting untuk merangsang pembiayaan luar dan pelaburan asing dalam usaha mitigasi dan adaptasi.

ii Menyelaraskan rangka kerja kehematan dan penyeliaan untuk merangkumkan pertimbangan risiko iklim dan alam sekitar

- Bank akan **mengukuhkan kehendak penyeliaan untuk institusi kewangan mengenal pasti, mengukur, memantau dan menguruskan dedahan kepada risiko berkaitan iklim dan alam sekitar.** Usaha ini termasuk menetapkan kehendak bagi institusi kewangan untuk menyelaraskan strategi perniagaan dan risiko, dengan komitmen kelestarian mereka (seperti pencapaian sifar bersih dan sasaran pembiayaan hijau) dan memantau pelan peralihan dengan sewajarnya.

- Bank akan **menyemak rangka kerja kehematan sedia ada untuk menyelaraskan kehendak ke atas institusi kewangan untuk meningkatkan daya tahan mereka terhadap risiko iklim dan alam sekitar.** Usaha ini termasuk pertimbangan pelarasan yang berkaitan dengan keperluan kehematan (contohnya, wajaran risiko modal, proses penilaian kecukupan modal dalaman, had dedahan rakan niaga dan olahan cagaran), jika bersesuaian.

Bank akan bekerjasama dengan industri dan pihak berkepentingan yang lebih luas untuk mengumpul data dan menjalankan penyelidikan bagi memaklumkan sebarang pelarasan pada rangka kerja kehematan. Penyesuaian keperluan pengawalseliaan akan mempertimbangkan ciri-ciri unik risiko tersebut, termasuk sifat ketidakpastian yang ketara, tidak linear dan berpandangan ke hadapan. Oleh itu, pertimbangan penyeliaan akan memainkan peranan yang penting.

[5] Sehingga kini, panduan sektoral telah dikeluarkan untuk enam aktiviti/sektor yang berikut: Minyak Sawit; Tenaga Boleh Diperbaharui; Kecekapan Tenaga; Minyak dan Gas; Pembinaan dan Infrastruktur; dan Perkilangan.

Bank juga akan memberikan perhatian yang teliti untuk memastikan perlindungan disediakan bagi membendung tindakan sesetengah syarikat yang mendakwa produk mereka sebagai mesra alam sekitar (*greenwashing*). Selain itu, rangka kerja pengawalseliaan akan mencerminkan peranan dan kehendak yang amat perlu bagi institusi kewangan untuk menyokong aktiviti peralihan. Bagi tujuan ini, Bank akan berusaha memastikan institusi kewangan mempertimbangkan keperluan pelanggan yang paling mudah terjejas akibat risiko fizikal dan risiko peralihan serta menyokong usaha mereka untuk menyesuaikan diri.

- Bank juga akan terus menyokong usaha industri untuk memperluas ketersediaan program teknikal pertengahan dan lanjutan mengenai risiko berkaitan iklim bagi mengukuhkan keupayaan profesional sektor kewangan dalam bidang pengurusan risiko iklim dan alam sekitar. Usaha ini termasuk bekerjasama dengan pakar bidang daripada badan profesional dan institusi akademik, termasuk Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF), Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM), Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) dan Asia School of Business (ASB), untuk membangunkan penyelesaian latihan berstruktur yang relevan dengan konteks Malaysia.

iii Memperkukuh amalan penzahiran risiko iklim oleh institusi kewangan

- Bank akan **memperkukuh amalan penzahiran dedahan risiko berkaitan iklim oleh institusi kewangan**. Pelan hala tuju yang jelas akan diumumkan kepada semua institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank untuk membuat penzahiran risiko berkaitan iklim mandatori yang sejajar dengan saranan Pasukan Petugas Mengenai Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim (Task Force on Climate-related Financial Disclosures, TCFD). Penzahiran ini bertujuan menyediakan lebih ketelusan kepada pasaran, mengekalkan risiko dan strategi perniagaan institusi kewangan yang sejajar dengan pertimbangan iklim serta menggalakkan kesan limpahan yang cepat dan meluas untuk turut menambah baik penzahiran oleh perniagaan yang diberikan pembiayaan dan pelaburan. Penzahiran yang lebih berkualiti akan seterusnya memudahkan aliran kewangan kepada aktiviti yang menyokong masa hadapan yang lebih lestari.

> Penzahiran risiko berkaitan iklim merupakan langkah yang amat perlu bagi menangani jurang data iklim dan memacu peralihan ke arah ekonomi pelepasan sifar bersih

Gambar Rajah 3:
Gambaran Keseluruhan TCFD

Bidang tematik	*Cadangan penzahiran*	*Prinsip bagi penzahiran yang berkesan*
Tadbir urus	◆ Pengawasan Lembaga terhadap risiko perubahan iklim dan peluang ◆ Peranan Pengurusan dalam menilai dan mengurus risiko perubahan iklim dan peluang	◆ Menunjukkan maklumat yang berkaitan ◆ Khusus dan lengkap ◆ Jelas, seimbang dan boleh difahami ◆ Konsisten sepanjang masa ◆ Boleh dibandingkan antara syarikat dalam industri sektor ◆ Boleh dipercayai, disahkan dan objektif ◆ Disediakan tepat pada masanya
Strategi	◆ Kesan risiko perubahan iklim dan peluang terhadap perniagaan, strategi dan perancangan kewangan organisasi ◆ Daya tahan strategi organisasi, dengan mengambil kira pelbagai senario berkaitan iklim	
Pengurusan risiko	◆ Proses organisasi untuk mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko iklim ◆ Penyepaduan risiko iklim dalam pengurusan risiko keseluruhan	
Metrik dan sasaran	◆ Metrik yang digunakan untuk menilai risiko perubahan iklim dan peluang selaras dengan strategi dan proses pengurusan risiko ◆ Pelepasan gas rumah hijau ◆ Sasaran yang digunakan untuk menguruskan risiko perubahan iklim dan peluang serta prestasi berbanding dengan sasaran	

Sumber: TCFD (2017), "Final Report: Recommendations of the Task Force on Climate-related Financial Disclosures".

Strategi 4B
Menyokong peralihan teratur kepada ekonomi rendah karbon

Cabaran alam sekitar, termasuk perubahan iklim, adalah sangat kompleks. Bagi menangani cabaran ini dengan berkesan, usaha bersepadu merentas pelbagai pihak berkepentingan, yang lazimnya di luar sempadan negara, serta dilaksanakan secara berterusan adalah perlu.

Dalam hal ini, sektor kewangan mempunyai peranan yang sangat penting. Haluan ke arah neutral karbon dan akhirnya sifar bersih memerlukan pelaburan hijau yang signifikan dan kewangan peralihan disalurkan kepada inisiatif yang mengurangkan jejak karbon Malaysia (contohnya, penyelesaian tenaga boleh diperbaharui, menilai semula sistem pengangkutan, bandar rendah karbon) serta meningkatkan daya tahan iklim (contohnya, perlindungan terhadap kenaikan aras laut, cuaca melampau). Perniagaan juga memerlukan pembiayaan untuk beralih kepada model perniagaan baharu, menyesuaikan semula amalan sedia ada dan menerapkan teknologi baharu. Di Malaysia, permintaan terhadap dana pelaburan hijau dijangka meningkat kepada RM76.2 bilion menjelang tahun 2030[6] dan lebih banyak pelaburan diperlukan pada tahun-tahun akan datang untuk membiayai peralihan Malaysia kepada pelepasan sifar bersih dan kelestarian yang lebih meluas. Oleh itu, amat penting untuk institusi kewangan meningkatkan usaha dan menggembleng modal dengan segera bagi menyokong permintaan yang semakin meningkat terhadap dana hijau dan peralihan pada masa akan datang.

Matlamat untuk memenuhi keperluan ini menuntut peningkatan sumber pendanaan awam dan swasta yang ketara bagi memanfaatkan sepenuhnya permintaan global yang semakin meningkat terhadap peluang pelaburan hijau yang bermakna dan boleh diukur. Dalam hal ini, pelaksanaan CCPT oleh institusi kewangan akan memainkan peranan yang penting bagi membantu menyalurkan dana kepada projek hijau yang boleh dilaburkan.

Sebagai pelengkap kepada peranan institusi kewangan, strategi memantapkan landskap ini (yang dinyatakan dalam bab “Membiayai transformasi ekonomi Malaysia”) juga akan memberikan tumpuan khusus untuk menangani jurang pendanaan bagi projek hijau berkeutamaan tinggi, di mana risiko atau peluang yang disebabkan oleh perubahan iklim yang amat ketara kepada ekonomi Malaysia. Hal ini merangkumi penggunaan pelbagai instrumen pembiayaan seperti kewangan alternatif untuk memenuhi keperluan keutamaan kewangan hijau yang pelbagai.

[6] Sumber: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia (2017), “Green Technology Master Plan Malaysia 2017-2030”.

Dasar-dasar Kerajaan juga perlu bergerak seiring untuk mengatasi halangan atau memberikan insentif kepada model ekonomi yang lebih mampan. Dasar negara yang jelas akan menyediakan asas untuk agenda pembaharuan yang kohesif oleh agensi sektor awam, pengawal selia, perniagaan, masyarakat sivil dan pengguna. Asas ini juga perlu disokong oleh usaha bina upaya untuk memperluas akses kepada kemahiran, pengetahuan, teknologi dan data yang diperlukan untuk melaksanakan pembaharuan yang berkaitan dengan iklim dan alam sekitar.

Bank komited untuk memainkan peranannya sebagai bank pusat dan pengawal selia kewangan dalam usaha 'pendekatan menyeluruh kerajaan' dan 'seluruh masyarakat' yang lebih meluas. Khususnya, Bank akan melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

i. Menambah baik ketersediaan, akses dan penggunaan data untuk menangani perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar;
ii. Meningkatkan kewangan hijau untuk Malaysia yang lebih lestari;
iii. Bekerjasama dengan agensi kerajaan untuk menyelaraskan respons sektor kewangan dengan strategi nasional ke arah mencapai sasaran neutral karbon dan sifar bersih; dan
iv. Mewakili perspektif pasaran sedang pesat membangun mengenai perkembangan dan cabaran kewangan yang mampan.

i Menambah baik ketersediaan, akses dan penggunaan data untuk menangani perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar

- Bank akan **menyokong penggunaan instrumen digital canggih untuk memenuhi keperluan sektor kewangan berhubung dengan data yang tepat, terperinci dan khusus dari segi lokasi** bagi menyokong kes penggunaan risiko iklim mitigasi dan adaptasi. Sebagai contoh, data yang pelbagai seperti ini boleh membantu:

  - ☐ Menjangka insiden risiko fizikal (contohnya, kemarau dan banjir) yang menyebabkan kerugian ekonomi, dan dengan itu memaklumkan dan memberikan ganjaran tentang usaha adaptasi melalui premium insurans/ sumbangan takaful yang lebih rendah;



Ketersediaan dan ketelusan data berkaitan iklim di Malaysia merupakan prasyarat untuk pengurusan risiko yang berkesan dalam sektor kewangan

- ☐ Memendekkan tempoh tuntutan insurans dengan mengaitkan pembayaran dengan pencetus berkaitan iklim yang telah ditetapkan lebih awal (contohnya, banjir melebihi paras tertentu) tanpa perlu menilai kerugian atau kerosakan sebenar aset fizikal;
- ☐ Mengesan pelepasan dengan cara yang boleh dipercayai untuk mengesahkan amalan kelestarian dan menangani risiko *greenwashing*; dan
- ☐ Mengukur dan mengesahkan tangkapan karbon (*carbon capture*) di hutan hujan dari jarak jauh untuk memberikan jaminan yang cekap terhadap pasaran karbon secara sukarela (*voluntary carbon markets*) dan skim perdagangan pelepasan.

- ■ Melalui Jawatankuasa Kecil JC3 bagi Menangani Jurang Data, Bank akan bekerjasama dengan agensi kerajaan, institut akademik, syarikat teknologi dan peserta lain yang berkaitan untuk **mengenal pasti keperluan data yang sangat penting dan mewujudkan akses terbuka kepada sumber data yang berkaitan**. Kerjasama ini akan meningkatkan secara berterusan ketersediaan data yang sangat penting kepada risiko iklim dan strategi perniagaan.

ii Meningkatkan kewangan hijau untuk ekonomi Malaysia yang lebih lestari

- ■ Bank akan **bekerjasama dengan peserta industri seperti Cagamas Berhad, CGC dan institusi kewangan pembangunan untuk terus membangunkan dan mengembangkan mekanisme pendanaan dan pengurangan risiko khusus**, misalnya Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (Low Carbon Transition Facility, LCTF) dan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (Green Technology Financing Scheme, GTFS). Kerjasama ini bertujuan menggalakkan peningkatan kewangan hijau, terutamanya untuk PKS, melalui penambahbaikan dan perlindungan kredit secara bersasar, serta akses kepada pendanaan dengan kos yang lebih rendah untuk aktiviti sokongan dan peralihan iklim. Bank juga akan menyokong usaha untuk melibatkan sektor kewangan dalam membangunkan pasaran karbon, seperti skim perdagangan pelepasan domestik dan pasaran karbon secara sukarela. Hal ini bagi menggalakkan penetapan harga pelepasan luaran yang lebih baik dan meningkatkan aliran modal kepada penyelesaian berasaskan alam semula jadi seperti pemuliharaan hutan hujan.

iii Bekerjasama dengan agensi kerajaan untuk menyelaraskan respons sektor kewangan dengan strategi nasional ke arah mencapai sasaran neutral karbon dan sifar bersih

- ■ Bank akan **terus menyelaraskan usahanya dengan objektif Malaysia yang lebih meluas untuk melaksanakan kelestarian, seperti yang digariskan dalam RMK12 dan menurut strategi kebangsaan yang ditetapkan oleh Majlis Tindakan Perubahan Iklim Malaysia (Malaysia Climate Change Action Council, MyCAC)**. Dasar dan inisiatif sektor kewangan, termasuk yang dinyatakan di atas, untuk membina daya tahan sektor kewangan dan memupuk persekitaran yang kondusif bagi pembiayaan dan pelaburan hijau, akan mengambil kira komitmen negara di bawah Perjanjian Paris dan pengenalan perundangan perubahan iklim yang akan memformalkan sasaran iklim negara dan garis masa untuk mencapai pelepasan gas rumah hijau sifar bersih.



- Untuk **menggalakkan sinergi antara dasar peringkat kebangsaan dengan inisiatif sektor kewangan**, Bank akan turut bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk menggalakkan tindakan yang tepat pada masanya dan terselaras dalam bidang keutamaan tinggi di bawah pelan hala tuju kewangan mampan Malaysia yang akan diterbitkan. Tumpuan khusus akan diberikan pada usaha memastikan peralihan yang teratur, memantapkan adaptasi risiko fizikal, serta menggalakkan bidang kelebihan bersaingan (*competitive advantage*).

iv Mewakili perspektif pasaran sedang pesat membangun mengenai perkembangan dan cabaran kewangan yang mampan

Usaha global ke arah menjana hasil yang saksama adalah amat penting

- Pendekatan global yang inklusif bagi mengatasi perubahan iklim amat penting bagi menjana hasil yang saksama untuk semua. Sehubungan dengan itu, Bank akan **terus mengambil bahagian dalam usaha antarabangsa untuk memacu perspektif pasaran sedang pesat membangun dan ASEAN mengenai kewangan mampan**. Sokongan terhadap ekonomi sedang pesat membangun dalam menguruskan limpahan peralihan daripada momentum antarabangsa yang semakin meningkat ke arah sifar bersih (contohnya, akses pasaran yang berkurang dan kehilangan pekerjaan disebabkan oleh perubahan permintaan dan pengawalseliaan) akan menjadi sangat penting. Banyak ekonomi sedang pesat membangun juga menghadapi cabaran daripada risiko fizikal yang teruk dan berusaha untuk mengeluarkan sebahagian besar penduduk mereka daripada kemiskinan. Pada masa yang sama, banyak ekonomi sedang pesat membangun mempunyai modal semula jadi bernilai tinggi tetapi terkurang harga (*under-priced*) yang berpotensi untuk menjadi kawasan tadahan karbon dan pusat simpanan biodiversiti global.

- Melalui keanggotaan Bank dalam Network for Greening the Financial System (NGFS) serta penglibatan dalam badan dan platform penetapan standard antarabangsa yang lain, Bank akan **menggalakkan kerjasama yang bermakna untuk memacu inisiatif pembinaan keupayaan selain menyampaikan maklumat mengenai strategi dan piawaian global tentang risiko iklim dan kewangan mampan**.

- Di rantau ini, Bank akan terus bekerjasama rapat dengan South East Asian Central Banks (SEACEN), Menteri Kewangan ASEAN dan Gabenor-Gabenor Bank Pusat, serta rakan kerjasama lain untuk menangani isu-isu lazim yang dihadapi dalam pengurusan risiko iklim dan alam sekitar. Hal ini termasuk usaha menangani batasan data di seluruh rantau ini bagi menyokong pengawasan risiko yang lebih berkesan dan bekerjasama untuk memperkukuh rangka kerja pengawalan dan penyeliaan. Bank juga akan menyokong usaha-usaha yang lebih meluas dalam pembangunan Peta Hijau ASEAN bagi menggalakkan pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu dalam menangani isu-isu kemampanan di seluruh pasaran perbankan, insurans dan modal di rantau ini.

Strategi 4C

Menyepadukan risiko iklim dalam fungsi dan operasi dalaman Bank

Bank mengambil pendekatan holistik dalam organisasinya untuk menyepadukan risiko iklim dan pertimbangan kelestarian dalam melaksanakan mandat Bank.

Bagi tujuan ini, Bank akan melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

i. Memperkaya skop penilaian kestabilan makroekonomi dan kewangan Bank untuk merangkumi kesan iklim dan kelestarian;
ii. Menguruskan aset kewangan Bank dengan memberikan pertimbangan yang lebih mendalam terhadap risiko iklim dan alam sekitar; dan
iii. Menjalankan operasi fizikal Bank secara lebih lestari.

i Memperkaya skop penilaian kestabilan makroekonomi dan kewangan Bank untuk merangkumi kesan iklim dan kelestarian

Bank komited untuk menguruskan risiko iklim dalam seluruh fungsi dasar Bank dan mengurangkan pelepasan daripada operasi fizikal Bank

- Bank menyasarkan untuk **menjalankan ujian tekanan risiko iklim ke atas industri kewangan menjelang tahun 2024**. Ujian tekanan ini akan menilai kesan perubahan iklim terhadap kunci kira-kira institusi kewangan sepanjang tempoh 30 tahun akan datang dan menganggarkan potensi kerugian kewangan yang mungkin berlaku. Tindakan ini akan dilengkapi dengan usaha untuk memodelkan impak makroekonomi dan sistem kewangan akibat kejutan iklim berdasarkan pelbagai senario iklim, berlandaskan senario yang dibangunkan oleh NGFS.

- **Bank akan meningkatkan tugasan pengawasan dan pengunjuran untuk memahami dengan lebih mendalam kesan perubahan iklim kepada pemboleh ubah makroekonomi utama**. Hal ini termasuk sesi libat urus dengan pemimpin perniagaan dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan untuk lebih memahami penyebaran risiko fizikal dan risiko peralihan kepada sektor benar, termasuklah kesan yang menyusuli (*knock-on effect*) terhadap seluruh rantaian bekalan. Bank juga akan berusaha untuk memahami dengan lebih mendalam kesan perubahan ini terhadap pengendalian dasar monetari.

Diagram 4:
Gambaran keseluruhan proses analisis senario



Sumber: TCFD (2017), "Technical Supplement: The Use of Scenario Analysis in Disclosure of Climate-related Risks and Opportunities".

ii Menguruskan aset kewangan Bank dengan memberikan pertimbangan yang lebih mendalam terhadap risiko iklim dan alam sekitar

- Bank akan **menerapkan cadangan TCFD dan terus meningkatkan penzahiran kewangan berkaitan iklim Bank**, berlandaskan penzahiran yang dibuat sejak tahun 2020. Usaha akan tertumpu pada peluasan dedahan untuk merangkumi risiko pengurusan, matriks dan sasaran yang berkaitan dengan operasi Bank.

- Bank akan **merangkumkan pertimbangan risiko iklim dan alam sekitar ke dalam portfolio aktiviti pengurusan Bank**. Langkah ini bertujuan untuk menguruskan dedahan Bank kepada risiko iklim dan alam sekitar, di samping menyumbang kepada peralihan ke arah pengurangan pelepasan dengan cara yang konsisten dengan matlamat pelaburan Bank. Strategi pelaburan Bank akan mengambil kira faktor dan prinsip ESG dan Pelaburan yang Mampan dan Bertanggungjawab (Sustainable and Responsible Investment, SRI) sambil Bank menguruskan kesan portfolionya terhadap alam sekitar selaras dengan pulangan kewangan yang mampan.

iii Menjalankan operasi fizikal Bank secara lebih lestari

- Dalam pengurusan fasiliti, Bank akan **meningkatkan kecekapan tenaga dan beralih ke arah prinsip kitaran dalam pengurusan sisa.**

- Berkaitan dengan pengurusan mata wang, Bank akan **terus menggalakkan pengeluaran dan penggunaan wang kertas polimer jangka hayat lebih panjang**. Hal ini akan mengurangkan jumlah pelupusan wang kertas dari semasa ke semasa. Bank juga akan mengkaji cara yang lebih mampan untuk melupuskan wang kertas yang telah dirincih di samping menggandakan usaha untuk memacu penggunaan e-pembayaran, yang juga akan menggalakkan agenda pendigitalan yang lebih meluas.






Teras Strategik 5

Membangunkan kewangan berasaskan nilai melalui kepimpinan dalam kewangan Islam

Pada amnya, kewangan Islam di Malaysia telah melalui tiga fasa pembangunan sejak empat dekad yang lalu, iaitu pembinaan asas, mengetengahkan kewangan Islam, serta memacu kepelbagaian dan inovasi (Gambar Rajah 1).

Gambar Rajah 1:
Fasa pembangunan sepanjang empat dekad yang lepas



Kepimpinan Malaysia dalam kewangan Islam pada peringkat global merupakan hasil usaha bersepadu pihak Kerajaan, pengawal selia kewangan dan peserta industri. Sejak beberapa tahun lalu, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, termasuk menyediakan keseluruhan persekitaran undang-undang dan pengawalseliaan yang diperlukan, memperkenalkan pembaharuan struktur untuk menyelaras strategi, menangani pergeseran pasaran dan insentif pasaran, serta membina keupayaan jangka panjang. Malaysia juga telah menyumbang kepada pembangunan infrastruktur global bagi menggalakkan pembangunan kewangan Islam, seperti penubuhan Islamic Financial Services Board (IFSB) dan International Islamic Liquidity Management Corporation (IILM). Ibu pejabat bagi kedua-dua entiti ini terletak di Malaysia.


Pada masa ini, Malaysia mempunyai ekosistem kewangan Islam yang matang dengan peserta yang dinamik dan berdaya tahan, produk yang pelbagai serta infrastruktur sokongan yang komprehensif (lihat Gambar Rajah 2 untuk gambaran keseluruhan).

Tatkala ekosistem kewangan Islam Malaysia terus membuat penyesuaian dengan keperluan ekonomi dan sosial yang kian berkembang pesat, usaha ini kekal bertunjangkan prinsip Syariah dengan sasaran untuk merealisasikan visi pertumbuhan ekonomi yang seimbang, progresif, mampan dan inklusif (Gambar Rajah 3).

Berlandaskan pencapaian ini, strategi untuk lima tahun akan datang bertujuan untuk terus memanfaatkan ekosistem kewangan Islam Malaysia yang lebih maju, terutamanya untuk:

- Memperteguh tawaran nilai Malaysia sebagai gerbang antarabangsa untuk kewangan Islam;
- Memperkukuh pendorong dasar kewangan berasaskan nilai bagi mencapai impak yang lebih besar; dan
- Mengetengahkan kewangan sosial.


Gambar Rajah 2:
Sorotan ekosistem kewangan Islam di Malaysia



[1] Bursa Suq Al-Sila` (BSAS) ialah sebuah platform dagangan komoditi khusus untuk memudah cara pengurusan kecairan dan pembiayaan Islam oleh institusi-institusi kewangan Islam.
[2] Bursa Malaysia-i (BM-i) ialah pelantar pertukaran sekuriti Islam bersepadu dengan rangkaian kemudahan pertukaran yang lengkap serta menerapkan ciri-ciri yang patuh Syariah.

Sumber: Bank Negara Malaysia, anggaran data MIFC, Bursa Malaysia, Agensi Kelayakan Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Refinitiv

Gambar Rajah 3:
Prinsip-prinsip Syariah yang menjadi tunjang usaha-usaha pembangunan kewangan Islam



Gambar Rajah 4:
Membangunkan kewangan berasaskan nilai melalui kepimpinan dalam kewangan Islam




A **Memperteguh tawaran nilai Malaysia sebagai gerbang antarabangsa untuk kewangan Islam**

- Memperkukuh keupayaan gerbang yang sangat penting dalam industri kewangan Islam Malaysia
- Menggalakkan kepimpinan industri yang lebih mantap
- Memudahkan usaha untuk memperdalam pasaran kewangan dan modal Islam Malaysia



B **Memperkukuh pendorong dasar kewangan berasaskan nilai bagi mencapai impak yang lebih besar**

- Membangunkan persekitaran pengawalseliaan yang lebih kondusif bagi memudahkan penggunaan pelbagai kontrak Syariah
- Menyokong usaha inovasi industri dalam membangunkan model perniagaan, penyelesaian dan amalan berasaskan nilai yang baharu
- Menyokong peningkatan aktivisme pihak berkepentingan melalui penzahiran yang lebih berkualiti



C **Mengetengahkan kewangan sosial**

- Meningkatkan kewangan sosial sebagai sebahagian penting daripada ekosistem kewangan Islam


Strategi 5A
Memperteguh tawaran nilai Malaysia sebagai gerbang antarabangsa untuk kewangan Islam

Landskap kewangan Islam global telah berkembang dengan ketara. Berbanding dengan sedekad yang lalu, kewangan Islam telah menjadi semakin penting dalam landskap kewangan global. Aset kewangan Islam global telah meningkat daripada USD1.6 trilion pada tahun 2012 kepada USD2.7 trilion pada tahun 2020[1]. Prospek pertumbuhan selanjutnya kekal ketara, terutamanya dalam kalangan negara-negara Asia dan Pertubuhan Kerjasama Islam (Organisation of Islamic Cooperation, OIC). Perkembangan ini mungkin berpunca daripada segmen pasaran yang belum diterokai, perniagaan halal yang semakin berkembang dan permintaan terhadap pelaburan yang lebih mampan. Di samping pendigitalan perkhidmatan kewangan yang lebih meluas, peluang *fintech* Islam juga semakin berkembang, terutamanya di negara-negara membangun dengan penduduk majoriti Muslim.

Oleh yang demikian, ruang kewangan Islam dijangka menjadi lebih memberangsangkan pada peringkat global. Semakin banyak negara ingin membangunkan pasaran dalam negeri dan mengembangkan penyertaan mereka dalam pasaran luar negara. Persekitaran ini mewujudkan peluang baharu untuk kewangan Islam, seperti perkongsian rentas sempadan yang baharu untuk merealisasikan sinergi, termasuk melalui 'persaingan melibatkan kerjasama' (*co-opetition*) dalam kalangan pusat kewangan Islam yang telah bertapak dan yang sedang pesat berkembang.

Berlatarkan persekitaran ini, visi dan strategi Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC) terus berubah berikutan trend global dan peralihan dalam keperluan ekonomi benar (Gambar Rajah 5).

Gambar Rajah 5:
Visi MIFC pada masa hadapan



Gerbang global bagi pasaran kewangan Islam di Asia dan OIC

- Menghubungkan perniagaan, pelabur dan pihak berkepentingan lain dengan peluang dalam kewangan Islam di Asia dan OIC
- Pengkhususan dalam kewangan lestari dan ekonomi halal
- Inisiatif dipacu industri dan disokong ekosistem perkhidmatan bakat Malaysia

Memanfaatkan kelebihan sedia ada…

- Rangka kerja pengawalseliaan dan undang-undang yang menyokong
- Pelbagai produk, peserta dan segmen pasaran
- Menjadi hos infrastruktur kewangan Islam global utama (cth. IFSB, IILM, Pusat Kecemerlangan Islamic Development Bank (IsDB))
- Ekosistem bakat yang rancak serta memenuhi keperluan kewangan Islam global (cth. INCEIF, IBFIM, ASAS[1])
- Infrastruktur pasaran yang patuh Syariah (cth. BSAS, BM-i)

… dan berpandukan hasil yang strategik

	Dimensi perniagaan	Dimensi kepimpinan
Dalaman	Pasaran yang rancak bagi pelbagai perniagaan kewangan Islam	Inovasi dalam penyelesaian kewangan Islam bagi bidang utama
Luaran	Memanfaatkan peluang global secara aktif	Pengaruh global dalam bidang kepakaran

[1] Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam (Association of Shariah Advisors in Islamic Finance, ASAS)

[1] Sumber: IFSB (2013, 2021), "Islamic Finance Services Industry (IFSI) Stability Report".

Sasaran strategi Bank adalah untuk memperteguh tawaran nilai Malaysia khususnya, sebagai **gerbang global untuk pasaran kewangan Islam di Asia dan OIC**. Strategi ini membayangkan Malaysia sebagai penghubung kepada peluang kewangan Islam dalam pasaran Asia dan OIC dengan perniagaan, pelabur dan pihak berkepentingan lain di seluruh dunia, termasuk perkongsian dengan negara lain bagi memajukan bidang kepentingan bersama. Bank akan memperhebat usaha untuk menyokong inisiatif yang diterajui oleh industri yang mengambil manfaat daripada ekosistem kewangan Islam Malaysia iaitu infrastruktur, instrumen, kepakaran dan peserta. Hal ini termasuk usaha mengekalkan kelebihan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi aktiviti pemerolehan dana dan pelaburan Islam, serta hab takaful semula.

Bagi mengukuhkan tawaran nilai Malaysia sebagai gerbang kewangan Islam, Bank akan meneruskan dua bidang pengkhususan yang berikut:

- Pertama, fokus yang lebih besar terhadap peluang dalam **kewangan lestari**. Usaha ini berdasarkan kerja-kerja perintis oleh Malaysia berkaitan Pengantaraan Berasaskan Nilai (*Value-based Intermediation*, VBI), yang menetapkan rangka kerja dan panduan pelaksanaan untuk pendekatan yang menyeluruh kepada pengantaraan kewangan. Terdapat juga sinergi dengan usaha Bank dalam aspek risiko iklim dan alam sekitar yang merupakan suatu usaha penting bagi menjayakan agenda kewangan lestari (rujuk bab “Meletakkan sistem kewangan pada kedudukan yang memudahkan peralihan secara teratur kepada ekonomi lebih lestari”).

Bank komited terhadap agenda MIFC dan akan terus menerajui bidang kawal selia dan Syariah serta memudahkan akses pasaran untuk institusi kewangan

- Kedua, integrasi kewangan Islam yang lebih kukuh dengan **industri halal**, terutamanya dalam pembiayaan perdagangan dan pelaburan halal. Usaha ini menyokong penyelesaian yang lebih lengkap untuk rantaian nilai halal. Terutamanya, perdagangan halal global mempunyai prospek yang besar (dianggarkan bernilai USD2.4 trilion pada tahun 2024[2]). Dalam merealisasikan potensi ini, komuniti MIFC boleh memainkan peranan untuk menyokong aktiviti perdagangan dan rantaian bekalan halal (contohnya pensijilan halal dan logistik). Selain itu, institusi kewangan juga boleh membantu memupuk perniagaan halal tempatan untuk menjadi peserta global atau serantau.

Bagi menyokong perkembangan ini, Bank akan terus menyediakan persekitaran dasar yang diperlukan. Untuk merealisasikan visi ini, institusi kewangan Islam Malaysia perlu tangkas dan berada dalam keadaan bersiap siaga untuk memanfaatkan peluang yang kian berubah. Kepimpinan industri yang lebih mantap serta perkongsian awam-swasta yang bersasar akan menjadi penting. Hal ini termasuk inisiatif dalam ekosistem tenaga kerja mahir kewangan Islam yang akan kekal penting bagi memacu pembangunan kepakaran dalam bidang tumpuan utama sebagai gerbang kewangan Islam, serta mengeksport perkhidmatan pendidikan dan latihan Malaysia ke luar negara.

Dalam melaksanakan visi yang diperteguh untuk MIFC, strategi Bank disasarkan pada:

i. Memperkukuh keupayaan gerbang yang sangat penting dalam industri kewangan Islam Malaysia;
ii. Menggalakkan kepimpinan industri yang lebih mantap; dan
iii. Memudahkan usaha untuk memperdalam pasaran kewangan dan modal Islam Malaysia.

[2] Jumlah yang diunjurkan berdasarkan perbelanjaan masyarakat Muslim terhadap produk dan perkhidmatan halal (Sumber: Dinar Standard Report (2020), “State of the Global Islamic Economy Report 2020/21: Thriving in Uncertainty”).

i Memperkukuh keupayaan gerbang yang sangat penting dalam industri kewangan Islam Malaysia

- Bank akan **menyokong usaha industri kewangan Islam untuk menambah baik keupayaan pengedaran global mereka** agar dapat lebih memanfaatkan peluang di luar Malaysia. Hal ini termasuk menyokong aktiviti kewangan Islam dalam pasaran lain oleh perniagaan yang lebih gemar menggunakan kewangan Islam, serta membolehkan eksport halal dipadankan dengan bakal pelanggan di luar negara (lihat Gambar Rajah 6). Bagi tujuan ini, Bank akan meningkatkan kesalinghubungan Malaysia dengan bakal pasaran kewangan Islam bagi mengukuhkan atau merealisasikan keupayaan pengedaran institusi kewangan. Hal ini termasuk usaha kerjasama untuk:

  - **Memudahkan institusi kewangan Malaysia memperluas perniagaan kewangan Islam mereka** dalam pasaran lain, antara lain dengan melibatkan pengawal selia dan pihak berkuasa kewangan lain, sama ada secara dua hala atau pelbagai hala, bagi membolehkan penyediaan produk kewangan Islam yang lebih meluas.

  - **Menggalakkan standard dan amalan berkaitan kewangan Islam yang lebih sejajar**, termasuk melalui badan penetapan standard global seperti IFSB, di samping penglibatan dua hala. Bank juga akan terus menggalakkan pengiktirafan bersama untuk keperluan Syariah dan pengawalseliaan pada peringkat global. Hal ini termasuk usaha meningkatkan peranan dan struktur Badan Berautoriti Penasihat Syariah Berpusat bagi Kewangan Islam (Centralised Shariah Advisory Authorities, CSAA) sebagai platform untuk meneruskan pengiktirafan bersama penerapan prinsip Syariah merentas negara.

  - **Menyokong usaha mempromosi secara lebih giat perkhidmatan profesional** (contohnya khidmat nasihat Syariah) **dan institusi pembangunan tenaga kerja mahir Malaysia** (contohnya INCEIF, Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance, ISRA), IBFIM). Tindakan ini bertujuan meneruskan eksport kepakaran kewangan Islam Malaysia melalui kerjasama dengan peserta industri dan agensi kerajaan yang berkaitan, seperti Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Malaysia External Trade Development Corporation, MATRADE) dan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (Halal Development Corporation, HDC).

- Bank akan **menyokong inovasi kewangan Islam yang sangat baharu**, termasuk mempercepat penskalaan produk dan perkhidmatan baharu. Usaha Bank akan tertumpu pada penyelesaian berkaitan perdagangan, model kewangan alternatif (contohnya, kewangan campuran) dan kewangan lestari. Hal ini termasuk mengguna semula pendanaan modal benih sedia ada oleh Bank kepada syarikat pengurusan dana Islam (*Islamic fund management companies*, IFMC) yang akan memberikan tumpuan pada mandat yang didorong kelestarian dan inovasi. Sementara itu, pasaran yang semakin berkembang untuk *fintech* Islam akan disokong oleh inisiatif yang lebih meluas bagi memupuk landskap perkhidmatan kewangan digital yang memberangsangkan, termasuk persekitaran yang kondusif bagi menguji dan meningkatkan inovasi digital (rujuk Strategi 3B(i) "Memajukan pendigitalan dalam sektor kewangan").

- Sebagai pelengkap kepada usaha ini, Bank akan terus **mengukuhkan perkongsian global bagi memajukan inovasi kewangan Islam** melangkaui sempadan Malaysia. Hal ini termasuk inisiatif bersama dengan pusat kewangan antarabangsa yang lain dan organisasi pelbagai hala (contohnya Bank Dunia, Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Development Programme, UNDP) dan IsDB). Inisiatif sedemikian boleh memberikan pemahaman yang amat perlu untuk melaksanakan inovasi dalam ekosistem kewangan Islam Malaysia. Jika bersesuaian, Bank akan menggunakan pengaturan ini untuk mengenal pasti bidang-bidang yang membolehkan Malaysia bertindak sebagai medan ujian bagi inovasi demi memenuhi keperluan kewangan Islam global dengan lebih baik.

- Bank kekal komited untuk **memperhalus langkah-langkah bagi memperkukuh daya saing global Malaysia sebagai gerbang kewangan Islam**. Hasil utama adalah untuk menyokong Malaysia sebagai rakan kewangan Islam pilihan bagi pertumbuhan industri halal. Bagi tujuan ini, Bank akan mengkaji kerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan (contohnya MOF, Malaysian Investment Development Authority (MIDA) dan HDC). Kerjasama ini bertujuan mewujudkan hubungan yang lebih kukuh antara perkhidmatan kewangan Islam dengan tawaran nilai ekonomi Malaysia sebagai hab halal terkemuka, terutamanya dalam menyokong sektor nilai tambah yang tinggi dan inisiatif di bawah NIA. Bank juga akan terus bekerjasama dengan pengawal selia kewangan lain seperti SC, Bursa Malaysia dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan mengenai strategi pelengkap yang memajukan agenda MIFC.



ii Menggalakkan kepimpinan industri yang lebih mantap

- Bank akan **menambah baik mekanisme untuk kepimpinan industri yang lebih besar**. Hal ini termasuk kajian semula Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) MIFC dan strategi komunikasi MIFC. Pada tahun-tahun awal agenda MIFC, peranan pengawalseliaan yang kukuh serta sumbangan EXCO MIFC dan peserta industri merupakan asas utama ekosistem kewangan Islam yang kondusif lagi memberangsangkan.

  Dengan industri kewangan Islam yang lebih matang dan landskap peluang global yang berubah dengan pesat, kepimpinan industri yang lebih besar diperlukan pada masa hadapan. Bagi memperteguh tawaran nilai Malaysia sebagai gerbang kewangan Islam, Bank melihat peranannya lebih tertumpu pada usaha menjadi pemudah cara atau rakan dalam usaha yang lebih meluas di seluruh industri.

Dalam jangka masa terdekat, Bank akan bekerjasama dengan industri bagi memperbaharui mekanisme dan platform sedia ada untuk menjadi lebih tangkas serta meletakkan peneraju industri pada kedudukan yang lebih baik bagi memacu agenda yang sangat penting untuk MIFC. Hal ini termasuk meneruskan usaha untuk:

- ☐ Meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai **destinasi pemerolehan dana dan pelaburan Islam**;
- ☐ Memperkukuh **keupayaan pengedaran** dan memperluas akses pasaran untuk peserta menyediakan penyelesaian kewangan Islam;
- ☐ Meningkatkan peranan kewangan Islam untuk **menyokong agenda halal kebangsaan bagi Malaysia** (lihat Gambar Rajah 6); dan
- ☐ Menggalakkan usaha yang bersepadu oleh penyedia pendidikan dan latihan dalam mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai **pusat ilmu pengetahuan yang terkemuka untuk kewangan Islam pada peringkat global.**

Gambar Rajah 6:
Contoh penyelesaian yang ditawarkan oleh kewangan Islam sebagai gerbang kepada ekonomi halal



iii Memudahkan usaha untuk memperdalam pasaran kewangan dan modal Islam Malaysia[3]

Usaha untuk meningkatkan pasaran kewangan dan modal Islam Malaysia akan terus dilaksanakan

- Bank akan terus **mempromosikan Malaysia sebagai pusat originasi, terbitan dan perdagangan sukuk**. Usaha ini memanfaatkan kelebihan berbanding bagi Malaysia dalam khidmat nasihat sukuk, terutamanya dalam penstrukturan dan inovasi yang mengambil kira trend sukuk yang semakin meningkat, termasuk sukuk lestari yang sejajar dengan bidang tumpuan MIFC. Usaha ini juga akan mencapai objektifnya melalui langkah yang berterusan untuk memperdalam pasaran lindung nilai domestik dan memperkukuh keupayaan pengedaran global peserta dalam negeri bagi meningkatkan lagi keupayaan Malaysia menarik lebih ramai dan pelbagai kumpulan pelabur asing yang lebih besar dan lebih luas. Usaha sedemikian akan terus menambah baik tawaran nilai Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk memperoleh dana dan pelaburan patuh Syariah, yang dilengkapkan oleh rangka kerja yang menyokong terbitan dan langganan sukuk dalam denominasi ringgit dan mata wang asing di Malaysia.

- Bank akan terus **meningkatkan amalan dan standard terbaik dalam pasaran wang dan modal Islam**, selaras dengan standard antarabangsa. Bagi tujuan ini, Bank akan terus menggalakkan urus niaga Islam yang berasaskan cagaran dan menyokong pelaksanaan amalan pengurusan cagaran. Antara usaha ini, Bank akan melaksanakan langkah-langkah ke arah pengiktirafan instrumen Islam tambahan untuk penyelesaian bersih (*close-out netting*) (contohnya, komoditi bercagar murabahah) dan penggunaan perjanjian derivatif Islam (*tahawwut*) yang lebih meluas dalam kalangan peserta-peserta antara bank[4].

- Bank akan terus **mengkaji semula dan menambah baik struktur instrumen Islam** bagi menggalakkan penerimaan Syariah yang lebih meluas dan memanfaatkan kepelbagaian kontrak Syariah. Hal ini termasuk usaha menggalakkan penggunaan alat pengurusan risiko Islam yang lebih pelbagai kepada pelabur, termasuk derivatif. Bank membayangkan bahawa langkah ini akan membawa kepada pasaran derivatif Islam yang lebih memberangsangkan dan seterusnya menyumbang kepada pengembangan kewangan Islam serta bahagian pembiayaan Islam dalam pasaran kewangan domestik.

Strategi 5B
Memperkukuh pendorong dasar kewangan berasaskan nilai bagi mencapai impak yang lebih besar

Tatkala Bank melaksanakan matlamat pembangunan mampan dalam pembangunan kewangan, sektor kewangan Islam boleh memainkan peranan penting. Kewangan Islam adalah sejajar dengan seruan yang semakin meningkat untuk model perkhidmatan kewangan yang bertanggungjawab serta beretika, berpandukan nilai-nilai asas Syariah yang bertujuan mencegah kemudaratan dan menggalakkan pencapaian manfaat. Hal ini termasuk usaha untuk meningkatkan kesejahteraan melalui pemeliharaan kekayaan, peredaran kekayaan dan keadilan.

Berlandaskan aspek ini, Bank telah memperkenalkan rangka-rangka kerja penting sejak beberapa tahun kebelakangan ini, iaitu VBI pada tahun 2017 dan VBIT pada tahun 2021. Rangka kerja yang dilengkapi dengan panduan pelaksanaan ini turut menggariskan bagaimana penyelesaian dan amalan kewangan Islam dapat menyokong impak yang lebih positif pada ekonomi, komuniti dan alam sekitar.


Institusi kewangan Islam mencapai kemajuan yang baik sejak rangka kerja itu diperkenalkan, dengan menyediakan penyelesaian kewangan berasaskan nilai kepada semakin banyak individu dan perniagaan sejak beberapa tahun kebelakangan ini (Gambar Rajah 7). Impak VBI juga terbukti dalam industri halal. Perniagaan halal telah mendapat manfaat daripada penyelesaian kewangan yang komprehensif dalam mengembangkan operasi mereka melangkaui pasaran domestik, yang dilengkapi dengan penyediaan khidmat nasihat perniagaan serta perkhidmatan tambahan sampingan.

---

[3] Usaha ini akan diteruskan dengan kerjasama Suruhanjaya Sekuriti, selaras dengan Pelan Induk Pasaran Modal Ketiga (CMP3).

[4] Inisiatif tersebut akan menjurus ke arah penggunaan perjanjian *tahawwut* oleh peserta antara bank dan seterusnya memperluaskan penggunaan kepada pasaran dan peserta yang lain.

Gambar Rajah 7:
Sorotan pembiayaan yang sejajar dengan VBI (2017 - 2020)



Sumber: Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM)

Pada tahun-tahun yang akan datang, Bank membayangkan institusi kewangan Islam akan menerajui usaha memperluas penggunaan kewangan berasaskan nilai di seluruh sektor kewangan. Hal ini termasuk membangunkan penyelesaian inovatif dan memperhalus amalan perniagaan ke arah daya tahan sosial, ekonomi dan alam sekitar yang lebih teguh, disokong oleh langkah-langkah 'nilai dan impak' yang diperhalusi.

Bagi melaksanakan matlamat ini, Bank akan mengutamakan strategi-strategi ini:

i. Membangunkan persekitaran pengawalseliaan yang lebih kondusif bagi memudahkan penggunaan kontrak Syariah yang pelbagai;
ii. Menyokong usaha inovasi industri dalam membangunkan model perniagaan, penyelesaian dan amalan berasaskan nilai yang baharu; dan
iii. Menyokong peningkatan aktivisme pihak berkepentingan melalui penzahiran yang lebih berkualiti.



i Membangunkan persekitaran pengawalseliaan yang lebih kondusif bagi memudahkan penggunaan kontrak Syariah yang pelbagai

- Bank akan mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan Syariah dengan menjajarkan penggunaan kontrak Syariah dengan manfaat (*hikmah*) yang mendasari kontrak tersebut. Hal ini termasuk menyatakan pertimbangan yang jelas bagi institusi kewangan menerima pakai pengaturan tertentu dalam keadaan luar biasa (contohnya, menyerahkan risiko takaful kepada penanggung insurans konvensional atau penanggung insurans semula disebabkan oleh kekangan kapasiti), selaras dengan prinsip *hajah*[5].

  Satu lagi hasil yang dihasratkan ialah institusi kewangan menggunakan kontrak Syariah yang lebih pelbagai, sekali gus membolehkan kewangan berasaskan nilai memenuhi kepelbagaian keperluan ekonomi dan sosial. Hal ini mungkin melibatkan pertimbangan semula penggunaan *tawarruq*, yang kini merupakan kontrak Syariah dominan bagi produk kewangan Islam dalam landskap kewangan Islam Malaysia.

> Inovasi, terutamanya melalui penggunaan kontrak Syariah yang lebih pelbagai, merupakan pendorong penting bagi kewangan berasaskan nilai

- Bank akan **mengkaji potensi penyesuaian semula keperluan pengawalseliaan sedia ada untuk menerima pakai kontrak *ta`awun*[6] dengan lebih meluas dalam takaful**, berpandukan parameter Syariah yang jelas. Peraturan semasa mengehadkan pemindahan lebihan yang boleh diagihkan (*distributable surplus*) merentas dana takaful bagi memenuhi keperluan modal disebabkan pemilikan dana yang berasingan untuk takaful. Penggunaan kontrak *ta`awun* secara meluas membolehkan lebihan boleh agih daripada dana takaful yang mempunyai permodalan mencukupi digunakan untuk menampung kekurangan dalam dana takaful lain.

  Penggunaan *ta`awun* yang lebih meluas juga dapat memperluas kitaran kekayaan dalam masyarakat. Sebagai contoh, penggunaan lebihan boleh agih dalam dana takaful berpotensi disalurkan bagi menyediakan perlindungan takaful untuk isi rumah berpendapatan rendah, sekali gus menambah baik daya tahan kewangan mereka. Dalam mengkaji pengembangan penggunaan *ta`awun*, faktor penting yang diambil kira adalah untuk menyebarkan manfaat kepada masyarakat dengan lebih meluas, sambil memelihara kepentingan peserta takaful.

ii Menyokong usaha inovasi industri dalam membangunkan model perniagaan, penyelesaian dan amalan berasaskan nilai yang baharu

- Bank akan memanfaatkan peningkatan Sandbox Pengawalseliaan Bank yang sedia ada untuk **memberikan sokongan yang lebih baik kepada inovasi dalam kewangan berasaskan nilai**, seperti pembaharuan dalam penggunaan kontrak Syariah. Keadaan ini mungkin timbul daripada penambahbaikan dalam skop penggunaan prinsip *hajah*, serta daripada kajian model perniagaan dan operasi takaful baharu yang menyokong perlindungan berasaskan nilai (rujuk Strategi 3B(i) "Memajukan pendigitalan dalam sektor kewangan").

- Bank akan **menyokong pempelbagaian selanjutnya dalam Akaun Pelaburan (Investment Account, IA) yang ditawarkan oleh bank-bank Islam** untuk menggembleng sumber dana baharu bagi pembiayaan berasaskan nilai, terutamanya inisiatif untuk membangunkan **instrumen pelaburan yang didorong impak**. Tindakan ini akan sejajar dengan usaha yang lebih meluas bagi menyokong penyertaan bank-bank dalam penyelesaian kewangan bukan hutang (rujuk Strategi 1B(ii) "Membiayai transformasi ekonomi Malaysia"). Penawaran IA perlu berkembang seiring dengan persaingan yang semakin meningkat dalam ruang pelaburan runcit, seperti daripada pemerolehan ekuiti melalui internet (*equity crowdfunding*) dan pembiayaan rakan-ke-rakan (*peer-to-peer*, P2P). Bagi memperluas daya tarikan IA yang ditawarkan kepada pelabur yang layak, aset

---

[5] *Hajah* ditakrifkan sebagai keadaan mendesak yang akan menyebabkan atau mungkin menyebabkan kesan buruk pada keselamatan dan kekukuhan institusi kewangan Islam tersebut, lantas memerlukan pengecualian keputusan Syariah buat sementara waktu (Sumber: Bank Negara Malaysia (2021), "Discussion Paper on Hajah").

[6] *Ta`awun* merujuk kerjasama dalam kalangan individu bagi sesebuah dana takaful untuk saling membantu bagi memenuhi keperluan tertentu, seperti yang dipersetujui secara kolektif dalam kontrak takaful (Sumber: Bank Negara Malaysia (2010), "Shariah Resolution in Islamic Finance").

asas perlu dikembangkan melangkaui pembiayaan tradisional. Tawaran ini mungkin termasuk pembiayaan mezanin dan modal usaha niaga yang juga dapat menyokong hasil yang sejajar dengan VBI. Bank akan terus menyokong usaha industri dalam bidang itu dengan sewajarnya, termasuk menangani pergeseran pengawalseliaan di samping memudahkan pembangunan infrastruktur pendorong yang diperlukan.

iii Menyokong peningkatan aktivisme pihak berkepentingan melalui penzahiran yang lebih berkualiti

Dengan penzahiran berkaitan impak yang bermakna, pihak berkepentingan boleh berbincang dan berinteraksi dengan institusi kewangan bagi menangani jurang dan mempercepat penghasilan impak

- Bank akan **menyokong penambahbaikan kualiti dan manfaat penzahiran berasaskan impak**. Keutamaan Bank di sini adalah untuk memupuk persekitaran yang lebih kondusif untuk aktivisme pihak berkepentingan yang berkesan.

  Pada masa ini, institusi kewangan Islam menyediakan penzahiran berasaskan impak di bawah VBI. Walau bagaimanapun, terdapat ruang untuk meningkatkan lagi maklumat yang diterbitkan, termasuk bagi memastikan integriti yang berterusan dalam penzahiran tersebut, di samping menyelaraskannya secara lebih baik dengan amalan antarabangsa. Usaha ini dapat memupuk keyakinan yang lebih tinggi dalam kalangan pihak berkepentingan utama (contohnya, pelabur dan pengguna kewangan) untuk menilai, membuat perbandingan dan membezakan amalan dalam VBI, lantas mendorong industri untuk terus berkembang sambil menyokong kebolehlihatan inisiatif VBI yang lebih meluas melangkaui sempadan negara.

  Dengan kerjasama Komuniti Pengamal VBI dan Jawatankuasa Pemandu Pengantaraan Berasaskan Nilai VBIT, Bank akan menyediakan panduan mengenai metrik pelaporan yang menambah baik perbandingan serta kualiti penzahiran. Fokus utama adalah untuk mengurangkan risiko *impact washing*[7] dalam penzahiran yang mungkin termasuk tindakan mengurangkan kesubjektifan atau budi bicara yang diberikan kepada parameter tertentu. Panduan ini juga akan disejajarkan dengan fasa pelaksanaan VBI oleh setiap institusi kewangan yang berbeza-beza merentas industri[8] dan melengkapkan prinsip pelaporan dan inisiatif kelestarian yang sedia ada mengenai penzahiran risiko iklim.

[7] *Impact washing* merujuk proses apabila inisiatif berfokuskan impak mendakwa ia sejajar dengan dan menyumbang kepada objektif pembangunan tanpa memberikan bukti sokongan yang jelas (Sumber: OECD (2021), "OECD-UNDP Impact Standards for Financing Sustainable Development").

[8] Terdapat empat fasa ke arah pelaksanaan penuh VBI, iaitu *Initiating, Emerging, Engaged* dan *Established* (Sumber: Bank Negara Malaysia (2018), "VBI Implementation Guide").

Strategi 5C

Mengetengahkan kewangan sosial

Kewangan sosial merujuk struktur kewangan atau model perniagaan yang bertujuan untuk memperoleh hasil sosial yang nyata dengan menggembleng modal dermawan (*philanthropic capital*). Modal sedemikian termasuk instrumen kewangan sosial Islam seperti sedekah, wakaf dan zakat. Pada tahun-tahun kebelakangan ini, Bank telah bekerjasama rapat dengan industri dan pihak berkepentingan lain untuk menggalakkan integrasi kewangan sosial yang lebih kukuh dalam ekosistem kewangan Islam.

Pada masa hadapan, kewangan sosial dijangka memainkan peranan yang lebih besar dengan menjadi pelengkap kepada kewangan sektor awam, penyelesaian kewangan komersial dan aktiviti tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility*, CSR) institusi kewangan. Kewangan Islam dijangka menerajui usaha ini ke arah menggalakkan daya tahan sosial yang lebih kukuh. Bagi merungkai potensi kewangan sosial, strategi Bank bertujuan untuk meningkatkan kewangan sosial sebagai sebahagian penting daripada ekosistem kewangan Islam.

Rencana bertajuk “Kewangan sosial sebagai pendorong pembangunan sosial Malaysia” memberikan butiran lanjut mengenai landskap kewangan sosial serta saranan untuk peserta kewangan sosial yang lain bagi merungkai potensi dan mengukuhkan lagi impak kewangan sosial.

i Meningkatkan kewangan sosial sebagai sebahagian penting daripada ekosistem kewangan Islam

- Bank akan **menyokong pelbagai model kewangan yang menggalakkan hasil sosial yang memberikan impak ketara**. Perkara ini mencerminkan bagaimana model optimum boleh dipelbagaikan berdasarkan kesanggupan mengambil risiko, keupayaan, kesediaan operasi dan strategi perniagaan peserta individu serta keperluan pengguna kewangan yang berubah-ubah. Secara amnya, Bank akan **menyokong kedua-dua model pembiayaan campuran dan pencepat pendanaan *(funding escalator)*** (rujuk Gambar Rajah 1 dalam rencana, “Kewangan sosial sebagai pendorong pembangunan sosial di Malaysia”) untuk menangani jurang pembiayaan, pelaburan dan perlindungan dalam pasaran. Perkara ini termasuk menyediakan pendanaan untuk kemudahan pembiayaan tertentu dan menyokong kerjasama antara peserta daripada sektor swasta dan awam. Model kewangan campuran merujuk gabungan pembiayaan komersial (contohnya, pembiayaan mikro) dan modal dermawan (contohnya, zakat atau sedekah)



untuk membiayai benefisiari berdasarkan kriteria penerimaan risiko yang diselaraskan. Model pencepat pendanaan pula merujuk pemupukan atau inkubasi benefisiari dengan menggunakan dana kewangan sosial untuk meningkatkan kepercayaan kredit dan rekod prestasi perniagaan mereka, sehingga mereka layak untuk memperoleh dana berasaskan komersial. Dana kewangan sosial juga digembleng untuk memperluas perlindungan kewangan kepada isi rumah berpendapatan rendah sebagai satu bentuk jaringan keselamatan sekiranya berlaku musibah.

- Bank akan **menyokong persekitaran pengawalseliaan yang kondusif untuk pelbagai model perniagaan**, atas kesedaran bahawa penyelesaian kewangan sosial mungkin dilaksanakan oleh pelbagai peserta. Hal ini berdasarkan minat yang semakin meningkat dalam kalangan peserta industri untuk mempelopori ruang ini, sama ada sebagai sebahagian daripada mandat mereka yang sedia ada (contohnya IKP), inisiatif CSR oleh peserta sedia ada atau sebagai strategi perniagaan utama (contohnya, peserta digital dengan fokus kewangan sosial). Di antara usaha ini, Bank akan **menyokong pelaksanaan program perintis kewangan sosial yang lebih berimpak**. Program ini akan mendorong usaha memastikan tujuan rangka kerja kekal sesuai (*fit-for-purpose*), terutamanya untuk meluaskan penyelesaian kewangan sosial yang telah diuji penggunaannya. Ini termasuk penyesuaian peraturan modal dan mudah tunai untuk mencerminkan profil risiko aktiviti tersebut dengan lebih baik (contohnya, keperluan risiko kredit berkadar untuk pinjaman berasaskan kumpulan yang mengguna pakai dana konsesi dan keperluan mudah tunai yang dipermudah untuk derma yang diasingkan (*ring-fenced*)).

- Bank akan bekerjasama dengan industri untuk **membangunkan ukuran nilai dan impak yang lebih baik** dalam menggalakkan penzahiran yang lebih telus berkenaan kewangan sosial. Strategi ini akan diusahakan bersama-sama dengan penzahiran berasaskan impak bagi kewangan berasaskan nilai, seperti yang digariskan di bawah strategi 5B(iii).



Rencana

Kewangan sosial sebagai pendorong pembangunan sosial di Malaysia

Kewangan sosial berpotensi untuk merapatkan jurang rangkuman yang masih wujud

Kewangan sosial dijangka memainkan peranan yang lebih besar dalam landskap kewangan Malaysia, dengan kewangan Islam sebagai peneraju. Seterusnya, melengkapkan kewangan sektor awam dan penyelesaian kewangan yang berasas komersial bagi menggalakkan daya tahan sosial yang lebih kukuh. Yang penting, kewangan sosial mempunyai tiga kualiti unik yang boleh memajukan rangkuman kewangan dengan cara yang transformatif dan menangani kekangan yang lazimnya dikaitkan dengan kewangan tradisional.

Pertama, instrumen kewangan sosial boleh direka bentuk supaya lebih fleksibel, lantas meningkatkan tahap penyerapan risiko (berbeza daripada kewangan tradisional yang berasaskan hutang). Perkara ini termasuk membenarkan syarat pembayaran balik pinjaman yang lebih fleksibel untuk disesuaikan dengan aliran pendapatan yang tidak tetap serta tidak mengenakan obligasi pembayaran balik pembiayaan kepada benefisiari (contohnya, pembiayaan menggunakan dana zakat). Bagi pembiayaan bersumberkan derma, biasanya terdapat kos minimum atau tiada kos pembiayaan yang dikenakan (contohnya, benefisiari hanya perlu membayar balik pembiayaan ihsan yang diberikan). Oleh itu, kewangan sosial dapat meningkatkan akses kepada pendanaan untuk segmen yang menghadapi cabaran dalam mengakses kewangan berasas komersial. Penggunaan struktur kewangan yang lebih fleksibel dan inovatif juga dapat mengelakkan kelemahan kewangan sedia ada menjadi lebih mendalam (contohnya, keberhutangan) yang dihadapi oleh individu atau perniagaan tersebut.


Kedua, rakan pelaksana secara amnya memperkasa pendanaan dengan program berstruktur yang meningkatkan kemahiran benefisiari dalam pengurusan kewangan, kepintaran dalam perniagaan dan bidang utama lain (contohnya, keupayaan digital). Program ini meningkatkan tahap celik kewangan mereka, memupuk tingkah laku keusahawanan serta memperkasa benefisiari untuk menjana pendapatan yang lebih mampan dan meningkatkan kualiti hidup mereka.

Ketiga, inisiatif kewangan sosial sering disokong oleh mekanisme pemantauan impak dan mekanisme membalas kebaikan kepada orang lain dan bukan kepada pemberi asal (*pay-it-forward*). Pelaksanaan mekanisme ini secara berkesan dapat membina kepercayaan dalam kalangan penyedia dana dan kumpulan sasar, serta memupuk kitaran yang mendorong benefisiari masa lalu menjadi sebahagian daripada usaha bagi menyokong benefisiari pada masa hadapan. Hal ini berpotensi mewujudkan rangkaian sokongan yang bernilai, lantas mengukuhkan kelebihan penyelesaian kewangan sosial.

Landskap penyelesaian kewangan sosial menjadi lebih memberangsangkan dan pelbagai

Sepanjang dekad yang lalu, beberapa institusi kewangan telah meneroka pelbagai pendekatan untuk melaksanakan kewangan sosial dengan memperhalus produk yang mereka tawarkan dari semasa ke semasa (Gambar Rajah 1). Walaupun kebanyakan usaha telah dilaksanakan sebagai inisiatif CSR, sesetengah peserta telah membangunkan kewangan sosial sebagai tawaran perniagaan yang berdaya maju. Yang menariknya, institusi kewangan yang menerima pakai VBI juga telah mula menerapkan pendekatan kewangan campuran dalam produk kewangan sosial yang ditawarkan, lantas meningkatkan akses segmen sasaran kepada modal dan perlindungan.

Gambar Rajah 1:
Ciri-ciri umum penawaran produk kewangan sosial di Malaysia




Terdapat juga kerjasama yang lebih besar dalam kalangan pelbagai pihak berkepentingan dan rakan pelaksana. Perkongsian ini dapat mengoptimumkan kekuatan pelbagai peserta dalam ekosistem (contohnya, ejen pengumpulan dan pengedaran, penyedia platform, pemudah cara pembayaran, pengurus dana dan pengunderait), seterusnya meningkatkan kecekapan dan jangkauan serta ditambah dengan peningkatan penggunaan alat digital.

Pada tahun 2020, iTEKAD dilancarkan. iTEKAD merupakan sebuah program rintis kewangan sosial yang menggabungkan komponen kewangan dan bukan kewangan. Fasa pertama program rintis ini telah memberikan pemahaman yang berguna bagi bank-bank peserta untuk mereka bentuk produk yang lebih fleksibel untuk ditawarkan, serta bagi pelbagai rakan pelaksana untuk menyokong latihan, pementoran perniagaan dan pemantauan impak. Sejak itu, Bank telah menyaksikan lebih banyak penyelesaian kewangan sosial dilancarkan yang konsisten dengan komponen iTEKAD bagi menyokong PKS mikro yang terjejas akibat pandemik. Produk yang ditawarkan ini menggabungkan dana dermawan (seperti geran, derma dan zakat[1]) dengan pembiayaan mikro secara kos rendah atau ihsan dan ditambah dengan latihan kewangan dan perniagaan yang berstruktur. Akhirnya, Bank sedang berusaha ke arah mengembangkan iTEKAD dan tawaran kewangan sosial yang serupa oleh pelbagai institusi kewangan ke seluruh negara. Program-program ini memerlukan kerjasama rapat dengan pelbagai rakan pelaksana dan pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, MAIN, syarikat *fintech*, NGO, perusahaan sosial dan yayasan.

[1] Institusi kewangan sebagai pembayar zakat boleh memohon kepada MAIN yang menyertai program ini untuk mengagihkan sebahagian zakat yang dibayar (zakat dikembalikan) atau bekerjasama terus dengan MAIN untuk mengagihkan bahagian tertentu kepada penerima yang layak bagi pihak MAIN, tertakluk pada kriteria yang telah ditetapkan.

Gambar Rajah 2:
Gambaran keseluruhan pelbagai platform kewangan sosial sedia ada



[1] Contoh-contoh yang dinyatakan merupakan platform kewangan sosial yang dibangunkan oleh institusi kewangan di bawah model integrasi secara langsung.
[2] Cabaran-cabaran ini tiada kaitan dengan platform tertentu dan adalah berdasarkan tinjauan dalam ekosistem kewangan sosial.

Pada masa hadapan, usaha pelbagai pihak berkepentingan adalah penting, termasuk untuk menggalakkan infrastruktur perkongsian dan untuk menyokong keutamaan pembangunan negara

Apabila kewangan sosial semakin mendapat perhatian, penyelarasan dan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan adalah mustahak untuk mengurangkan kos pencarian dan pengagihan, serta untuk meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap pemberian dan tadbir urus dana (rujuk Gambar Rajah 2).

Usaha ini termasuk membangunkan infrastruktur perkongsian atau menggunakan infrastruktur sedia ada dengan lebih baik, seperti dengan menjadikannya saling boleh kendali untuk mengurangkan halangan kepada produk kewangan sosial yang ditawarkan. Contoh infrastruktur ini termasuk:

- Repositori data perkongsian bagi kumpulan sasaran untuk program kewangan sosial yang dapat menyokong pemprofilan benefisiari berdasarkan maklumat risiko yang lebih baik dan penyaluran dana kepada kumpulan yang belum dipenuhi keperluannya.
- Rangkaian rakan pelaksana yang boleh dipercayai dan mempunyai kepentingan pada hasil sosial serta mempunyai hubungan yang kuat dengan komuniti mudah terjejas[2] boleh bertindak sebagai sistem sokongan bagi memupuk kepercayaan dan menggalakkan penyertaan dalam sistem kewangan.
- Papan pemuka bersepadu (*integrated dashboards*) yang mengoptimumkan antara muka berasaskan mudah alih (*mobile-based interfaces*) yang memudahkan pengemaskinian pendanaan secara masa nyata dan penzahiran impak. Perkara ini dapat menangani jurang maklumat penting mengenai landskap kewangan sosial, termasuk peluang yang tersedia bagi pihak berkepentingan yang ingin menyumbang dana atau sumber lain secara sukarela.

Satu lagi teras penting ialah menyelaraskan inisiatif kewangan sosial dengan keutamaan nasional, seterusnya meluaskan impak kewangan sosial. Keutamaan ini termasuk meningkatkan potensi penjanaan pendapatan bagi usahawan serta menyediakan sokongan pendanaan yang berkesan dari segi kos untuk penyediaan pendidikan, perkhidmatan penjagaan kesihatan dan kemudahan untuk penyakit biasa yang tidak berjangkit. Penyelesaian pembiayaan dan perlindungan boleh direka bentuk bagi menyokong sektor-sektor ini selaras dengan tumpuan jangka panjang Malaysia terhadap pertumbuhan ekonomi yang mampan dan dorongan keusahawanan bagi menyumbang kepada masyarakat berpendapatan tinggi dan kemakmuran bersama.



[2] Antara lain, kumpulan sasaran ini ialah usahawan sedang meningkat dan kumpulan masyarakat yang mempunyai keupayaan untuk menjana pendapatan produktif apabila disokong oleh pembiayaan kecil dan nilai perlindungan.

Rujukan

Akronim dan singkatan

AFC	Krisis Kewangan Asia
AI	kecerdasan buatan
AICB	Asian Institute of Chartered Bankers
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
AKPK	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
AML/CFT	Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan
AMLA	Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001
API	*application programming interface*
AS	Amerika Syarikat
ASB	Asia School of Business
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
BCBS	Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel
BIS	Bank for International Settlements
CAGR	kadar pertumbuhan tahunan terkompaun
CBA	Akta Bank Negara Malaysia 2009
CBDC	mata wang digital pusat
CCA	Akta Kredit Pengguna
CCOB	Lembaga Pengawasan Kredit Pengguna
CCPT	Perubahan Iklim dan Taksonomi berasaskan Prinsip
CDRC	Corporate Debt Restructuring Committee
CGC	Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad
CRMA	Certification in Risk Management Assurance
CRR	penarafan risiko komposit
CSAA	Badan Berautoriti Penasihat Syariah Berpusat
CSM	CyberSecurity Malaysia
CSP	penyedia perkhidmatan awan
CSR	tanggungjawab sosial korporat
DeFi	kewangan tak terpusat
DLT	teknologi lejar teragih
EAC	Majlis Tindakan Ekonomi
ECF	pemerolehan dana berasaskan ekuiti melalui Internet
e-KYC	e-Kenali Pelanggan Anda
ePIF	Rangka Kerja Dana Insentif untuk e-Pembayaran
ESG	alam sekitar, sosial dan tadbir urus
FA	penasihat kewangan
FATF	Pasukan Petugas Tindakan Kewangan
FCI	Keupayaan dan Rangkuman Kewangan
FDI	pelaburan langsung asing
FEN	Jaringan Pendidikan Kewangan
FinTIP	Platform Risikan Ancaman Siber Sektor Kewangan
FP	perancang kewangan
FSA	Akta Perkhidmatan Kewangan 2013
FSB	Lembaga Kestabilan Kewangan

FSP	penyedia perkhidmatan kewangan
G20	Group of Twenty
GHG	gas rumah hijau
GLICs	syarikat pelaburan berkaitan kerajaan
GTFS	Skim Pembiayaan Teknologi Hijau
HDC	Halal Development Corporation
HSIT	takaful/insurans hospital dan pembedahan
IA	Akaun Pelaburan
IAIS	International Association of Insurance Supervisors
IBFIM	Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia
ICS	Piawaian Modal Insurans Global Berasaskan Risiko
ICTF	Rangka Kerja Pemindahan Kredit Saling Boleh Kendali
IFMC	syarikat pengurusan dana Islam
IFSA	Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
IFSB	Islamic Financial Services Board
IILM	International Islamic Liquidity Management Corporation
IKP	institusi kewangan pembangunan
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
INCEIF	Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa
IoT	objek rangkaian internet
IP	harta intelek
IsDB	Islamic Development Bank
ISO	Pertubuhan Pemiawaian Antarabangsa
ISRA	Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam
ITO	penanggung insurans dan pengendali takaful
JC3	Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim
KDNK	keluaran dalam negeri kasar
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPI	penunjuk prestasi utama
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LCTF	Kemudahan Peralihan Rendah Karbon
LEA	agensi penguatkusaan undang-undang
LIFBs	bank asing diperbadankan di Malaysia
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MASCO	Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia
MATRADE	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
MCMC	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
MDEC	Malaysia Digital Economy Corporation
MHIT	insurans/takaful perubatan dan kesihatan
MIDA	Malaysian Investment Development Authority
MIFC	Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa
ML	pembelajaran mesin

ML/TF	pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia
MPS	Majlis Penasihat Syariah
MRANTI	Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation
MyCAC	Majlis Tindakan Perubahan Iklim Malaysia
MyKNP	Khidmat Nasihat Pembiayaan
MySPC	Majlis Perlindungan Sosial Malaysia
NACSA	Agensi Keselamatan Siber Negara
NDSP	Dasar Perkongsian Data Nasional
NFCC	Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional
NGFS	Network for Greening the Financial System
NGO	pertubuhan bukan kerajaan
NIA	Aspirasi Pelaburan Nasional
NIST	National Institute of Standards and Technology
NRA 2020	Penilaian Risiko Kebangsaan 2020
OECD/ INFE	Organisation for Economic Co-operation and Development/ International Network on Financial Education
OFS	Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
OIC	Pertubuhan Kerjasama Islam
P2P	rakan ke rakan
PayNet	Payments Network Malaysia Sdn. Bhd.
PCRF	Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran
PDPA	Akta Perlindungan Data Peribadi 2010
PERTAMA	Skim Sokongan Daya Tahan Kewangan
PIDM	Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
PKS	perusahaan kecil dan sederhana
POC	pembuktian konsep
PPKS	Persatuan Penguji Keselamatan Siber
PRS	Skim Persaraan Swasta
PSOs	pengendali perkhidmatan pembayaran
PSPs	penyedia perkhidmatan pembayaran
RBC/T	Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful
RENTAS	Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata
repo	perjanjian pembelian semula
RMiT	Pengurusan Risiko dalam Teknologi
RMKe-12	Rancangan Malaysia Ke-12
RPA	proses robotik secara automatik
RPP	Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata
RRF	Rangka Kerja Kadar Rujukan
RRP	rancangan pemulihan dan penyelesaian
SBR	Kadar Asas Standard
SC	Suruhanjaya Sekuriti
SCEL	Had Dedahan Rakan Niaga Tunggal
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan
SDRS	Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil
SEACEN	South East Asian Central Banks
SESS	keselamatan sosial pekerjaan sendiri

SIDREC	Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti
SIP	Sistem Insurans Pekerjaan
SJPP	Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan
SPM	Skim Pembiayaan Mikro
SRI	pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
STE	Perbelanjaan Latihan Kakitangan
STF	Dana Latihan Kakitangan
TCFD	Pasukan Petugas Khas Mengenai Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim
TEKUN	Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga
TPSPs	penyedia perkhidmatan pihak ketiga
UNDP	Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
URUS	Program Ketahanan dan Pengurusan Kewangan
VBI	Pengantaraan Berasaskan Nilai
VBIAF	Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai
VBIT	Pengantaraan Berasaskan Nilai untuk Takaful
VC	modal usaha niaga

Untuk mendapat maklumat lanjut tentang Bank Negara Malaysia dan penerbitannya:

sila hubungi:
Pengarah
Jabatan Komunikasi Strategik
Bank Negara Malaysia
P.O.Box 10922
50929 Kuala Lumpur
Malaysia

Telefon : +(603) 2698 8044
Faks : +(603) 2693 6919

atau lawat laman sesawang kami di:
http://www.bnm.gov.my

Dalam menghasilkan semula atau memetik kandungan, pemakluman sumber diperlukan.

ISBN 978-983-9586-62-6





BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA